Dr. Ahmad Sanusi Azmi



٤٠ HADIS

tentang Politik & Kepimpinan

٤٠ HADIS
tentang POLITIK & KEPIMPINAN

DR. AHMAD SANUSI AZMI

40 HADIS TENTANG POLITIK DAN KEPIMPINAN

(40 HADITH ON POLITIC DAN LEADERSHIP)

Diterbitkan oleh

ULUM HADIS RESEARCH CENTRE
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan
emel: ulumhadisresearchcentre@gmail.com

ISBN: 978-967-15044-9-9

Design kulit muka dihasilkan oleh:
MUHAMMAD DANIAL BIN SALAHUDIN

KANDUNGAN

﴿إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللهَ كَانَ سَمِيعاً بَصِيراً﴾

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (Surah al-Nisa: 59)

MUQADDIMAH

Keghairahan dan kerakusan manusia dalam mengejar kuasa menjadikan mereka tergelincir dari landasan yang digariskan oleh syarak. Kekeliruan pemikiran moden seperti liberalisme dan sekularisme telah mengaburi neraca pertimbangan manusia. Kerangka pemikiran yang dibentuk melalui pertimbangan akal dan nafsu telah membenam asas maqasid yang direncanakan oleh syarak. Justeru, penghasilan karya yang menghimpunkan 40 Hadis berkaitan Politik dan Kepimpinan ini diharap dapat memberi sedikit panduan berhubung kuasa dan pemerintahan seperti yang pernah diungkapkan oleh Baginda Rasulullah SAW.

Secara umumnya, hadis-hadis ini ditulis berdasarkan *matan* daripada kitabnya yang asal. Pun begitu terdapat juga hadis yang diambil daripada sebahagian lafaznya sahaja. Ini bertujuan bagi meringkaskan penulisan, disamping memberikan fokus kepada isi kandungan yang diambil. Dari aspek sanadnya pula, penulis hanya menukilkan perawi yang tertinggi (*rawi al-a'la*) sahaja, manakala nama-nama perawi yang lain dalam rantaian sanad telah ditinggalkan.

Sumber hadis dinyatakan di bahagian terjemahan. Hadis yang dinukilkan daripada Sahih al-Bukhari dan Muslim tidak dinyatakan status hadis tersebut memandangkan kita telahpun menerimanya sebagai hadis sahih. Manakala hadis yang dinukil daripada selain dua kitab tersebut akan dinyatakan sumber serta status hadis tersebut.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Zulhilmi Mohamed Nor serta Ustaz Ahmad Syamil Mohd Esa atas kesudian mereka membaca dan menyemak serta memberikan komentar terhadap karya ini. Tidak lupa juga buat isteri tersayang, Puan Noraslina Abd Rahaman yang menguruskan kerja-kerja domestik yang membantu melancarkan penerbitan karya ini. Semoga bermanfaat.

Dr. Ahmad Sanusi Azmi
Universiti Sains Islam Malaysia
4 SYAWAL 1441 / 28 Mei 2020

TRADISI MENGUMPUL 40 HADIS

Barangkali ada yang bertanya, mengapa dikumpul 40 hadis sahaja? Daripada mana datangnya tradisi sarjana hadis mengumpulkan 40 hadis ini? Pada hakikatnya, usaha ulama mengumpulkan 40 hadis ini dimulakan oleh sarjana hadis silam. Penghasilan karya sebegini adalah berpandukan hadis Rasulullah SAW yang menyebutkan:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا
مِنْ أَمْرِ دِينِهِ بَعَثَهُ اللهُ فَقِيهًا، وَكُنْتُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَافِعًا وَشَهِيدًا

Daripada Abu al-Darda' RA, Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang memelihara buat umatku 40 hadis daripada urusan agamanya, maka dia akan dibangkitkan di hari kiamat oleh Allah sebagai orang yang faqih. Dan aku akan memberikan buat dirinya syafaat dan penyaksian di hari akhirat kelak." (al-Baihaqi, Syu'ab al-Iman - Hadis Daif)

Menurut al-Imam al-Nawawi, para ulama hadis telah bersepakat bahawa hadis ini dikategorikan sebagai hadis daif. Namun mereka masih mengamalkan hadis ini sebagai galakan untuk mereka melakukan amalan (*fadail amal*) kebaikan dalam mengumpulkan hadis.

Ketika menghuraikan hadis ini al-Imam al-Mu'allimi menjelaskan bahawa: "Memang benar, hadis ini dikategorikan sebagai hadis daif, namun para sarjana hadis tidak menafikan bahawa usaha menghimpun dan memelihara hadis adalah antara amalan kebaikan yang mempunyai kedudukan yang tinggi." (Tahqiq al-Kalam)

Menurut Abu Tahir al-Silafi, sarjana hadis yang terawal dalam menghasilkan karya Hadis 40 adalah al-Imam Abdullah ibn Mubarak. Tradisi ini diteruskan lagi oleh sarjana hadis yang ulung seperti al-Imam al-Daraqutni, al-Hakim, Ibn Asakir dan al-Zahabi. Dan di antara karya yang paling ulung dalam mengumpulkan 40 hadis adalah karya al-Imam al-Nawawi yang terkenal sehingga hari ini.

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ
بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ وَلا تَكُنْ لِلْخَائِنِينَ خَصِيماً﴾

Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.

(Surah al-Nisa: 105)

HADIS 1: GILA KUASA ADALAH SATU PENYAKIT

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: «إِنَّكُمْ سَتَحْرِصُونَ عَلَى الإِمَارَةِ، وَسَتَكُونُ نَدَامَةً يَوْمَ القِيَامَةِ، فَنِعْمَ المُرْضِعَةُ وَبِئْسَتِ الفَاطِمَةُ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya kamu akan bersungguh mengejar kepimpinan (jawatan), sedangkan ia akan menjadi satu penyesalan buat kamu di hari akhirat. Maka yang sebaik-baiknya adalah yang memberi susuan (pemimpin yang memberi kebaikan), dan yang seburuk-buruknya adalah pemutus susu (iaitu kiasan buat pemimpin yang memutuskan nikmat kepada rakyat).[1] (**Sahih al-Bukhari, no: 7148**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah SAW berpesan kepada kita bahawa akan ada di antara kita yang bersungguh mengejar jawatan, sedangkan ia adalah satu penyesalan di hari kiamat kelak bagi mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

---

[1] Sebahagian ulama menjelaskan bahawa maksud *murdiah* (yang memberi susuan) dalam hadis ini sebagai satu kiasan bahawa beruntunglah mereka yang mendapat kuasa di dunia. Dan rugilah (*wa bi'sa al-fatimah*) apabila nikmat terputus di akhirat.

2. Bahkan dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah SAW menegaskan bahawa orang yang gilakan kuasa ini tidak seharusnya diberikan jawatan. Perkara ini dijelaskan ketika Baginda ditanya tentang mereka yang meminta untuk memegang kepimpinan lalu Rasulullah menjawab:

   إنا لا نولي هذا مَنْ سَأَلَهُ وَلا مَنْ حَرَص عليه

   "Kami tidak memberikan kepimpinan kepada mereka yang memintanya, dan bukan pada mereka yang tergila-gila kan jawatan kepimpinan." (Sahih al-Bukhari, no: 7149)

3. Seorang tokoh sufi yang terkenal pernah berpesan bahawa gilakan kuasa akan merosakkan peribadi seseorang. Gilakan kuasa menyebabkan seseorang cenderung bersifat hasad dengki bahkan suka mencari keaiban manusia lain. Kata Fudail ibn Iyyad:

   ما من أحد أحب الرئاسة إلا حسد وبغى ، وتتبع عيوب الناس ،
   وكره أن يُذكر أحد بخير

   "Tidak ada seorang lelaki yang gilakan kuasa kepimpinan melainkan dia akan terjebak dengan hasad dan kejahatan, suka mencari keaiban manusia dan dan dia tidak suka apabila disebutkan padanya kebaikan orang lain." (Ibn Abd al-Barr, Jami' Bayan al-Ilm wa Fadhlih)

4. Atas dasar itu al-Imam Abu Ayyub al-Sakhtiyani berpesan bahawa mereka yang cintakan kemasyhuran dan kepimpinan ini adalah mereka yang sukar dipercayai. Kata beliau:

   ما صدق عبد قط فأحب الشهرة

   "Seorang hamba itu tidak akan sekali-kali jujur (dikira jujur dan tulus dalam perhambaannya), jika dia mencintai kemasyhuran." (Musnad Ibn al-Ja'd)

5. Malah Abu Daud al-Sijistani melihat sifat ini sebagai salah satu daripada penyakit atau menggelarkannya sebagai syahwat yang tersembunyi. Beliau pernah ditanya tentang nafsu atau syahwat yang tersembunyi ini:

   قيل لأبي داود السجستاني: ما الشهوة الخفية؟ قال: حب الرئاسة.

   "Abu Daud pernah ditanya berkenaan dengan apa yang dimaksudkan dengan nafsu syahwat yang tersembunyai ini? Lalu dia berkata: (mereka yang) cintakan kuasa." (Ibn Taimiyyah, Jami' al-Rasail)

6. Atas dasar itu para salafusoleh terdahulu sangat berhati-hati dengan penyakit cintakan kepimpinan atau jawatan ini. Sufyan al-Thauri pernah menulis surat kepada 'Abbad bin 'Abbad, dia berpesan kepadanya:

إياك وحب الرئاسة ، فإن الرجل تكون الرياسة أحب إليه من الذهب والفضة وهو باب غامض لا يبصره إلا البصير من العلماء السماسرة ، فتفقّد نفسك واعمل بنية

"Hendaklah engkau menjauhi sifat cintakan jawatan, sesungguhnya seorang lelaki (yang ditimpa penyakit ini) akan lebih cintakan jawatan lebih daripada dia mencintai emas dan perak. Ia adalah perkara (penyakit) yang sangat tersembunyi yang tidak dapat dilihat melainkan mereka yang diberikan basirah (penelitian yang mendalam) dari kalangan ulama. Maka periksalah dirimu (agar ia tidak dihinggapi penyakit ini) dan beramallah dengan niat (yang ikhlas). (Abu Nu'aim, Hilyah al-Awliya)

HADIS 2: LARANGAN MEMINTA-MINTA MENJADI PEMIMPIN

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَمُرَةَ، قَالَ: قَالَ لِي النَّبِيُّ ﷺ: «يَا عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ سَمُرَةَ، لاَ تَسْأَلِ الإِمَارَةَ، فَإِنَّكَ إِنْ أُعْطِيتَهَا عَنْ مَسْأَلَةٍ وُكِلْتَ إِلَيْهَا، وَإِنْ أُعْطِيتَهَا عَنْ غَيْرِ مَسْأَلَةٍ أُعِنْتَ عَلَيْهَا

Maksudnya: Daripada Abdul Rahman bin Samurah RA, dia berkata, sesungguhnya Nabi SAW bersabda: Wahai Abdul Rahman bin Samurah, janganlah kamu meminta-minta untuk menjadi pemimpin. Sesungguhnya sekiranya kamu diberikan setelah meminta-minta maka kamu akan dibebankan (dengan bebanan kepimpinan), namun sekiranya kamu diberi (jawatan) tanpa meminta-minta maka kamu akan dibantu menghadapinya. (**Sahih al-Bukhari, no: 7146**)

ULASAN

1. Dalam hadis ini, Rasulullah SAW berpesan kepada kita agar menjauhi sikap terlalu meminta-minta untuk menjadi pemimpin. Ini kerana kepimpinan adalah satu tanggungjawab yang sangat berat. Saidina Umar ketika menjadi Khalifah sangat bimbang sekiranya setiap perkara yang berada di bawah penguasaan beliau akan menuntut hak mereka di hadapan Allah kelak. Kata Saidina Umar:

لَوْ مَاتَتْ شَاةٌ عَلَى شَطِّ الْفُرَاتِ ضَائِعَةً، لَظَنَنْتُ أَنَّ اللهَ تَعَالَى سَائِلِي عَنْهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ

"Kalaulah mati seekor kambing di persisirsn Sungai Furat yang terbiar tanpa pembelaan, aku bimbang akan ditanya tentangnya oleh Allah di akhirat kelak. (Abu Nu'aim, Hilya al-Auliya')

2. Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam Ibn Hajar menegaskan bahawa pada hakikatnya sikap meminta-minta jawatan kepimpinan adalah makruh (ditegah). Kata beliau:

وَيُسْتَفَادُ مِنْهُ أَنَّ طَلَبَ مَا يَتَعَلَّقُ بِالْحُكْمِ مَكْرُوهٌ

Dan daripada hadis ini, dapat kita pelajari bahawa meminta sesuatu jawatan yang melibatkan pemerintahan (atau penentuan hukum/kehakiman) adalah sesuatu yang makruh. (Fathu al-Bari)

3. Sheikh al-Sa'di pula melihat hadis ini dari sisi sikap peribadi seorang Muslim itu sendiri. Pada beliau, orang yang terlalu berharap menjadi pemimpin ini samada (1) mempunyai keinginan yang sangat tinggi terhadap perkara dunia dan kuasa, atau (2) kerana mempunyai kebergantungan yang sangat tinggi pada diri sendiri.

Kedua-dua sifat ini dilihat tidak baik kerana yang pertama, mereka dilihat terlalu mengejar dunia dan yang keduanya adalah sikap merasakan diri hebat sehingga meletakkan pergantungan pada diri sendiri menjadikan manusia merasa ego. Sikap ini berupaya

menjauhkan diri mereka dari kebergantungan kepada Allah. Dengan sebab itu Rasulullah berpesan, mereka yang terlalu meminta tidak akan menerima bantuan Allah. (Bahjah Qulub al-Abrar)

4. Ketika membincangkan hadis ini, Ibn Hajar turut membawa topik perbahasan berhubung Nabi Yusuf yang dikatakan telah memohon agar diberikan jawatan dalam pemerintahan. Kata Nabi Yusuf dalam firman Allah:

﴿قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٌ﴾

"Dia (Nabi Yusuf) berkata: Lantiklah aku menjadi penjaga perbendaharaan bumi, sesungguhnya aku adalah orang yang sangat menjaga dan mengetahui." (Surah Yusuf: 55)

Persoalan ini boleh dijelaskan melalui perspektif Sheikh al-Sa'di di atas iaitu Nabi Yusuf tidak memiliki dua sifat tercela di atas iaitu terlalu mengejar keduniaan dan tidak meletakkan kebergantungan yang tinggi pada diri sendiri.

Kita sedia maklum bahawa para Nabi seperti Nabi Yusuf mengorbankan jiwanya untuk berkhidmat kepada rakyat. Sejarah perjuangan beliau yang panjang membuktikan perkara tersebut bahkan tiada siapa yang boleh menafikan sikap pergantungan Nabi Yusuf yang sangat tinggi kepada Allah.

5. Hadis ini turut mengingatkan kepada kita agar jangan terlalu mengejar kuasa dan jawatan. Atas sebab itu Sufyan al-Thauri, seorang tokoh hadis yang terkenal pernah berpesan:

إذا رأيت الرجل يحرص على أن يؤَمَّر فأخِّرْه

"Andai sekiranya engkau melihat seorang lelaki yang terlalu berharap untuk menjadi pemimpin, maka tangguhkanlah (harapan beliau itu)." (Musnad Ibn al-Ja'd)

6. Namun kelonggaran dalam perkara mendapatkan jawatan ini boleh diberikan dalam beberapa situasi bergantung kepada maslahah (kepentingan) syarak. Sebagai contoh sekiranya seseorang itu tidak berusaha mendapatkan jawatan ini, dibimbangi ia akan dipegang oleh manusia yang lebih jahat yang meruntuhkan Islam dan merosakkan masyarakat. Maka ketika itu kelonggaran diberikan bagi menjaga masalah agama dan urusan kemanusiaan.

HADIS 3: MENJADI PEMIMPIN ADALAH SATU PENYESALAN

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: «إِنْ شِئْتُمْ أَنْبَأْتُكُمْ عَنِ الْإِمَارَةِ وَمَا هِيَ؟» ، فَقُمْتُ فَنَادَيْتُ بِأَعْلَى صَوْتِي ثَلَاثَ مَرَّاتٍ: وَمَا هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟، قَالَ: «أَوَّلُهَا مَلَامَةٌ، وَثَانِيهَا نَدَامَةٌ، وَثَالِثُهَا عَذَابٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا مَنْ عَدَلَ وَكَيْفَ يَعْدِلُ مَعَ أَقْرَبِيهِ؟»

Maksudnya: Daripada 'Auf bin Malik RA, daripada Nabi SAW bersabda: Sekiranya kamu mahu, aku akan jelaskan kepada kamu tentang apakah itu kepimpinan. Lalu aku ('Auf) bangun dan menyeru dengan suaraku yang tinggi sebanyak tiga kali dan berkata: Apakah dia (kepimpinan itu) wahai Rasulullah? Maka Rasulullah SAW pun bersabda: (Kepimpinan itu) Permulaannya adalah celaan, keduanya ia akan menjadi satu penyesalan dan ketiganya ia adalah satu azab di hari kiamat kelak melainkan buat pemimpin yang adil. Dan bagaimana seseorang boleh berlaku adil dengan kerabatnya? (**Musnad al-Bazzar, no: 2756; Mu'jam al-Awsat li al-Tabrani, no: 6747** - Hadis Sahih)

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah SAW berpesan kepada para sahabat tentang hakikat kuasa. Perkara pertama yang digambarkan oleh

Rasulullah adalah kepimpinan ini permulaannnya adalah "celaan." Ketika menghuraikan tentang "celaan" ini Sheikh Ali al-Qari menukilkan kata-kata al-Imam al-Tayyibi yang menyebutkan bahawa persaingan kepada kuasa ini berupaya membawa kepada celaan iaitu saling mencela. (Miqah al-Mafatih)

2. Perhatikan kempen politik pada hari ini bagaimana setiap politikus memulakan kempen dengan memburukkan lawan, saling mencela, mendedahkan bahkan melondehkan musuh politik masing-masing. Malah apa yang lebih menyedihkan lagi apabila muslim sesama muslim sendiri saling memfitnah sehingga mendedahkan aib saudara muslimnya bagi tujuan pembunuhan karakter (*character assassination*).

3. Perkataan kedua yang digambarkan oleh Rasulullah tentang kuasa ini adalah *nadamah* iaitu penyesalan. Sikap persaingan ini akhirnya akan membawa manusia kepada *nadamah* iaitu penyesalan tidak kira di dunia mahupun di akhirat. Kata Sheikh Ali al-Qari:

تُعْتَبَرُ صِفَةُ الْإِمَارَةِ مُسْتَمِرَّةً إِلَى يَوْمِ الدِّينِ عَلَى سَبِيلِ الْمَجَازِ

"Sifat kepimpinan ini digambarkan sebagai perkara yang berkekalan sehingga hari kiamat adalah satu kiasan." (Mirqah al-Mafatih)
Iaitu seakan bebanan yang ditanggung oleh para pemimpin bukan sahaja di dunia, bahkan berkekalan sehingga ke akhirat.

Segala tadbir urus mereka bukan sahaja diaudit oleh agensi audit di dunia ini, bahkan perhitungan yang lebih dahsyat menanti di akhirat kelak. Allah akan membentangkan segala laporan amalan mereka sehingga disiasat keseluruhannya nanti. Maka bagi yang gagal

melaksanakan dengan baik, bebanan ini akan menjadi satu penyesalan dan kehinaan di akhirat kelak.

4. Dek kerana sukarnya tanggungjawab kepimpinan ini, al-Imam al-Nawawi menegaskan bahawa mereka yang tidak mempunyai kemampuan hendaklah menjauhkan diri dari menceburkan diri dalam urusan ini. Kata al-Nawawi:

هَذَا أَصْلٌ عَظِيمٌ فِي اجْتِنَابِ الْوِلَايَةِ لَا سِيَّمَا لِمَنْ كَانَ فِيهِ ضَعْفٌ

“Hadis ini adalah satu prinsip asas yang sangat utama dalam menjauhkan diri dari kuasa terutamanya mereka yang lemah (yang tidak mempunyai kemampuan dalam urusan ini).

5. Al-Imam al-Nawawi kemudian memberikan beberapa contoh para imam terdahulu yang menolak jawatan ketika diberikan kepada mereka. Kata al-Nawawi:

فَامْتَنَعَ الشَّافِعِيُّ لَمَّا اسْتَدْعَاهُ الْمَأْمُونُ لِقَضَاءِ الشَّرْقِ وَالْغَرْبِ وَامْتَنَعَ مِنْهُ
أَبُو حَنِيفَةَ لَمَّا اسْتَدْعَاهُ الْمَنْصُورُ فَحَبَسَهُ وَضَرَبَهُ

“Maka dengan sebab itu al-Imam al-Syafi’i melarang dirinya (dari memegang jawatan) apabila dipanggil oleh Khalifah al-Makmun yang menawarkan al-Syafi’i untuk menjadi Qadi di timur dan di barat.

Begitu juga al-Imam Abu Hanifah menolak daripada dilantik sebarang jawatan oleh Khalifah al-Mansur. Penolakan ini menyebabkan Abu

Hanifah dipenjara dan dikenakan hukuman pukul/sebat." (al-San'ani, Subul al-Salam)

HADIS 4: PEMIMPIN PENIPU DIHARAMKAN SYURGA

عن مَعْقِلِ بْنَ يَسَارٍ الْمُزَنِيَّ إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: «مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتَرْعِيهِ اللهُ رَعِيَّةً، يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ وَهُوَ غَاشٌّ لِرَعِيَّتِهِ، إِلَّا حَرَّمَ اللهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ»

Maksudnya: Daripada Ma'qil bin Yasar al-Muzani RA, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada seorang hamba yang diberikan tanggungjawab untuk memelihara rakyat sedangkan dia mati dalam keadaan menipu rakyatnya melainkan Allah mengharamkan baginya syurga. (**Sahih Muslim, no: 142**)

ULASAN

1. Hadis ini menjelaskan kepada kita tentang amaran Rasulullah SAW kepada pemimpin muslim yang menipu rakyatnya. Menurut al-Qadi Iyyad, yang dimaksudkan dengan larangan menipu kaum muslimin ini adalah larangan mengkhianati hak-hak yang seharusnya ditunaikan ke atas mereka. Kata al-Qadi Iyyad:

إِهْمَالِ حُدُودِهِمْ أَوْ تَضْيِيعِ حُقُوقِهِمْ أَوْ تَرْكِ حِمَايَةِ حَوْزَتِهِمْ وَمُجَاهَدَةِ عَدُوِّهِمْ أَوْ تَرْكِ سِيرَةِ الْعَدْلِ فِيهِمْ فَقَدْ غَشَّهُمْ

"(Iaitu mereka) tidak mengambil berat tentang perundangan Islam, atau mengabaikan hak-hak orang Islam, atau tidak memelihara keselamatan mereka, dan tidak bersungguh menentang musuh Islam, atau meninggalkan kepimpinan yang adil; lalu ini semua termasuk dalam apa yang dikatakan sebagai pemimpin yang menipu kaum muslimin. (al-Nawawi, Syarh Muslim)

2. Malah apa yang lebih membimbangkan lagi, al-Imam al-Nawawi dan al-Imam al-San'ani melihat kesalahan pemimpin muslim yang menipu rakyatnya ini dikategorikan sebagai dosa besar. Kata al-Imam al-San'ani:

   وَأَنَّهُ مِنْ الْكَبَائِرِ لِوُرُودِ الْوَعِيدِ عَلَيْهِ بِعَيْنِهِ، فَإِنَّ تَحْرِيمَ الْجَنَّةِ هُوَ وَعِيدُ الْكَافِرِينَ فِي الْقُرْآنِ

   "Dan sesungguhnya ia (iaitu perbuatan menipu kaum muslimin ini) adalah termasuk dalam dosa-dosa besar. Ini disebabkan kerana ancaman yang diberikan (buat mereka yang melakukan dosa ini) adalah diharamkan ke atas mereka syurga. Ancaman ini seakan disamakan dengan ancaman yang dikenakan ke atas orang kafir iaitu mereka diharamkan dari masuk ke dalam syurga Allah seperti yang disampaikan di dalam al-Quran." (Subul al-Salam)

3. Dalam riwayat al-Bukhari, ancaman yang diberikan kepada pemimpin yang menipu ini adalah mereka diharamkan daripada mencium bau syurga. Sabda Rasulullah:

مَا مِنْ عَبْدٍ اسْتَرْعَاهُ اللَّهُ رَعِيَّةً، فَلَمْ يَحُطْهَا بِنَصِيحَةٍ، إِلَّا لَمْ يَجِدْ رَائِحَةَ الجَنَّةِ

"Tidak ada seorang hamba yang diberikan tanggungjawab untuk memelihara rakyat sedangkan dia tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik (perkataan *nasihah* di sini membawa maksud suci, jujur atau telus), melainkan mereka ini akan diharamkan daripada dapat mencium bauan syurga." (Sahih al-Bukhari, no: 7150). Menurut Dr. Mustafa al-Bugha, maksud "tidak dapat menghidu bauan syurga" ini adalah kiasan kepada mereka tidak dapat masuk ke syurga.

4. Lebih menakutkan lagi, dalam riwayat al-Hakim pula, Rasulullah mengancam bahawa pemimpin yang menipu kaum muslimin ini akan dilaknat Allah. Sabda Rasulullah:

مَنْ وُلِّيَ مِنْ أَمْرِ الْمُسْلِمِينَ شَيْئًا فَأَمَّرَ عَلَيْهِمْ أَحَدًا مُحَابَاةً فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ لَا يَقْبَلُ اللَّهُ مِنْهُ صَرْفًا وَلَا عَدْلًا حَتَّى يُدْخِلَهُ جَهَنَّمَ

"Barangsiapa yang dilantik untuk menjadi pemerintah kaum muslim, kemudian dia memerintah dalam keadaan sambil lewa, maka dia akan dilaknat oleh Allah. Allah tidak menerima pengurusan dan pengadilan ke atasnya sehinggalah dia dimasukkan ke dalam neraka jahanam. (Mustadrak al-Hakim - dinilai Sahih oleh al-Hakim. Menurut al-Zahabi, sanad hadis ini adalah daif).

5. Perhatikan betapa dahsyat ancaman yang berikan oleh Rasulullah terhadap pemimpin yang menipu rakyatnya. Ini semua bagi memastikan mereka melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin.

6. Apa yang membimbangkan pada hari ini, perbuatan menipu rakyat terkadang menjadi perkara biasa buat sebahagian politikus. Mereka memandang ringan untuk menjanjikan bulan dan bintang dalam manifesto pilihanraya sedangkan mereka tidak pasti samada janji tersebut boleh dilaksanakan atau tidak.

   Apabila mereka mencapai kemenangan pilihanraya dan dilantik menjadi pemerintah, banyak janji-janji yang tidak dapat ditunaikan setelah mereka memberikan harapan menggunung buat rakyat. Kemudian bermulalah episod memberi seribu alasan sedangkan ketika berjanji mereka tidak pernah memikirkan risiko tersebut. Maka terabailah hak-hak yang sepatutnya ditunaikan kepada rakyat.

HADIS 5: PEMIMPIN MESTILAH KUAT DAN AMANAH

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ قَالَ: فَضَرَبَ بِيَدِهِ عَلَى مَنْكِبِي، ثُمَّ قَالَ: «يَا أَبَا ذَرٍّ، إِنَّكَ ضَعِيفٌ، وَإِنَّهَا أَمَانَةُ، وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِزْيٌ وَنَدَامَةٌ، إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا، وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا

Maksudnya: Daripada Abu Zar RA dia berkata, aku bertanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah apakah Tuan tidak melantik aku (menjadi pemimpin). Lalu Rasulullah memegang bahuku dengan tangannya dan bersabda: Wahai Abu Zar, sesungguhnya aku lihat engkau adalah lemah sedangkan kepimpinan itu adalah amanah. Dan ia di hari kiamat nanti adalah satu kehinaan dan penyesalan melainkan mereka yang memegangnya dengan haknya dan menunaikan hak-hak yang terdapat ke atas kepimpinan tersebut. (**Sahih Muslim, no: 1825**)

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah mengingatkan kepada kita tiga perkara. Perkara pertama ialah kepimpinan itu bukanlah suatu perkara yang boleh diminta-minta. Perbuatan meminta jawatan ini seakan melihatkan kecenderungan seseorang yang berkehendakan dunia.

Kedua Rasulullah menerangkan tentang syarat kepimpinan iaitu seorang pemimpin itu mestilah kuat dan amanah. Dan ketiga, pemimpin yang gagal melaksanakan amanah dengan baik, mereka akan ditimpa kehinaan dan penyesalan di akhirat kelak.

2. Sebahagian ulama hadis melontarkan persoalan berhubung hadis ini iaitu mengapa Rasulullah memberikan peringatan ini kepada Abu Zar? Mengapa Abu Zar dikatakan lemah sedangkan riwayat Sirah menunjukkan Abu Zar adalah seorang yang kuat dari aspek fizikalnya.

3. Saidina Abu Zar RA adalah seorang sahabat Nabi yang berkemahuan tinggi dan berjiwa kental. Sebelum memeluk Islam, Abu Zar telah bermusafir untuk mencari kebenaran, Abu Zar telah dipertemukan dengan Rasulullah SAW. Setelah memeluk Islam, Baginda menyarankan kepada Abu Zar supaya menyembunyikan keislaman beliau. Tetapi keberanian Abu Zar melangkaui nasihat ini. Abu Zar mengumumkan keislaman beliau lalu dipukul oleh Quraysh beramai-ramai di Mekah (al-Bukhari).

4. Ketika dalam perang Tabuk, Abu Zar RA telah tertinggal jauh dibelakang kerana untanya yang perlahan. Menurut riwayat, Abu Zar lantas meninggalkan untanya lalu berjalan kaki memikul segala bekalan dan kelengkapan perangnya dalam perjalanan yang jauh dan panas. Ketika tentera muslimin ternampak bayang-bayang seorang lelaki yang mengekori mereka, Rasulullah lantas sabda:

كن أبا ذر . فلما تأمله القوم ، قالوا : يا رسول الله ، هو والله أبو ذر ،
فقال رسول الله ﷺ: رحم الله أبا ذر ، يمشي وحده ، ويموت وحده ،
ويبعث وحده

"Mudah-mudahan itu adalah Abu Zar. Apabila kaum muslimin memerhatikannya, mereka pun berkata: Wahai Rasulullah, demi Allah itu adalah Abu Zar! Lalu Rasulullah bersabda: Moga Allah merahmati Abu Zar, dia berjalan (berjuang) seorang diri, meninggal seorang diri dan akan dibangkitkan seorang diri (Ibn Hisham, Sirah Nabawiyya - kisah ini dinilai Hasan oleh Ibn Kathir).

Lihatlah sifat independen serta berjiwa kental lelaki yang bernama Abu Zar ini.

5. Namun seperti yang disebutkan dalam hadis di atas, apabila Abu Zar meminta untuk diberikan jawatan, Rasulullah SAW menyatakan bahawa Abu Zar adalah seorang yang lemah. Apa yang dimaksudkan dengan lemah di sini?

6. Apabila Rasulullah SAW mengatakan Abu Zar adalah seorang yang lemah atau tidak kuat, jelas kelemahan yang dimaksudkan di sini bukanlah kelemahan fizikal kerana Abu Zar tidak hirau dipukul di awal keislaman beliau di Mekah malah Abu Zar mampu berjalan seorang diri dengan memikul beban dalam perjalanan yang panas dan jauh ketika perang Tabuk. Harus kita ingat bahawa dalam perang Tabuklah Allah menegur Ka'b bin Malik kerana tidak turut serta dalam peperangan yang panas dan jauh perjalanannya itu.

7. Jadi apa yang dimaksudkan dengan lemah di sini? Melihat kepada nas hadis dan beberapa riwayat berhubung Abu Zar, beberapa kesimpulan boleh dirumuskan. Barangkali yang dimaksudkan dengan lemah di sini adalah kelemahan dari aspek ketajaman fikiran kepimpinan. Ini dapat dilihat ketika Abu Zar mendedahkan keislaman beliau yang boleh memberi ancaman kepada pengikut Islam yang baru bahkan untuk diri beliau sendiri.

8. Al-Imam al-Zahabi dalam perkara ini mengakui bahawa Abu Zar adalah orang yang mempunyai fizikal yang kukuh. Namun dari aspek kepimpinan Abu Zar dilihat tidak cocok untuk dilantik. Baginda melihat sifat Abu Zar yang sangat zuhud akan memberikan kemudaratan sekiranya beliau mengatur dan menguruskan harta anak yatim. Dibimbangi, anak yatim akan dilatih menjadi zuhud seperti beliau dengan sifat keras beliau sendiri. (al-Zahabi, Siyar A'lam al-Nubala')

9. Jadi kelemahan yang dimaksudkan disini tidak semestinya kelemahan fizikal, bahkan dalam situasi ini Rasulullah SAW meletakkannya sebagai kelemahan kepimpinan dalam mengatur masa depan organisasi, kelesuan buah fikiran dalam menghadapi cabaran semasa serta kekurangan dalam mengendali keperluan urus tadbir sesebuah kaum.

HADIS 6: LARANGAN MEMBANTU PEMIMPIN YANG ZALIM

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ، وَأَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَا: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَيَأْتِيَنَّ عَلَيْكُمْ أُمَرَاءُ يُقَرِّبُونَ شِرَارَ النَّاسِ، وَيُؤَخِّرُونَ الصَّلَاةَ عَنْ مَوَاقِيتِهَا، فَمَنْ أَدْرَكَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَلَا يَكُونَنَّ عَرِيفًا، وَلَا شُرْطِيًّا، وَلَا جَابِيًا، وَلَا خَازِنًا»

Maksudnya: Daripada Abu Said dan Abu Hurairah RA, mereka berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Pasti akan datang ke atas kamu (satu zaman dimana) pemimpin-pemimpin mendekati manusia yang jahat, mereka melengah-lengahkan solat (sehingga) di akhir waktunya. Sekiranya kamu mendapati yang demikian itu dikalangan kamu, maka janganlah kamu menjadi: pembantunya, pegawai keselamatannya, pemungut cukai (buatnya) dan yang menjaga khazanah (mereka). (**Sahih Ibn Hibban, no: 4586** - dinilai Sahih oleh al-Albani)

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah SAW berpesan kepada kita bahawa akan datang satu zaman nanti di mana pemimpin-pemimpin ketika itu suka mendampingi manusia yang jahat. Malah mereka memandang ringan urusan solat sehingga dilihat melengah-lengahkan waktu solat. Lalu Baginda SAW berpesan, barangsiapa yang bertemu atau sezaman

dengan pemimpin seperti ini, maka janganlah menjadi pembantu buat mereka.

2. Ketika meriwayatkan hadis ini, al-Imam Ibn Hibban meletakkannya di dalam satu bab yang dinamakan:

ذِكر الإخبار عما يجب على المرء عند ظهور أمراء السوء من مجانبتهم في الأحوال والأسباب

"Bab yang menyebutkan tentang apa yang wajib dilakukan oleh seorang lelaki ketika munculnya pemimpin yang jahat iaitu dengan menjauhi mereka dalam setiap keadaan dan sebab." (Sahih Ibn Hibban)

Melalui penulisan tajuk bab ini, al-Imam Ibn Hibban seakan ingin menegaskan kepada kita tentang kewajipan menjauhi pemimpin yang jahat, apatah lagi membantu mereka dalam melakukan kezaliman.

3. Hadis ini turut mengingatkan kepada kita bahawa pemimpin yang baik itu adalah pemimpin yang mendampingi orang yang soleh. Apabila pemimpin mula mendampingi orang yang jahat, maka jauhilah mereka. Atas dasar itu dalam sebuah hadis, Rasulullah berpesan:

"إِذَا أَرَادَ اللهُ بِالأَمِيرِ خَيْرًا جَعَلَ لَهُ وَزِيرَ صِدْقٍ؛ إِنْ نَسِيَ ذَكَّرَهُ، وإِنْ ذَكَرَ أَعَانه، وإِذَا أَرَادَ اللهُ بِهِ غَيْرَ ذَلِكَ جَعَلَ لَهُ وَزِيْرَ سُوْءٍ؛ إِنْ نسِيَ لَمْ يُذَكِّرْهُ، وإِنْ ذَكَرَ لَمْ يُعِنْهُ"

"Apabila Allah berkehendakkan kebaikan buat seorang pemimpin, maka dijadikan buatnya menteri atau penasihat yang benar. Sekiranya dia lupa, maka penasihatnya akan mengingatkannya, sekiranya dia ingat, penasihatnya akan membantunya. Namun sekiranya Allah berkehendakkan yang selainnya (yang tidak baik) maka dijadikan pemimpin itu mempunyai penasihat yang jahat. Apabila dia leka, penasihatnya membiarkan sahaja, apabila dia ingat (untuk melakukan kebaikan), penasihatnya tidak membantunya." (Sunan Abu Daud, no: 2932)

4. Apabila para pemimpin itu telah mula mendekati orang-orang yang jahat, maka ketahuilah bahawa ia adalah satu petanda yang tidak baik. Ingatkah kita tentang kisah Firaun, seorang pemimpin yang zalim? Allah menceritakan kepada kita bagaimana Firaun mempunyai penasihat atau pembantu yang jahat iaitu Haman.

5. Kisah Haman ini diabadikan di dalam al-Quran. Namanya diulang sebanyak enam kali di mana kesemua kisahnya disebut bersama dengan nama Firaun. Ini menunjukkan betapa rapatnya hubungan Haman dengan Firaun. Firman Allah:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا خَاطِئِينَ

"Sesungguhnya Firaun dan Haman serta tentera mereka berdua adalah golongan yang bersalah. (al-Qasas:8)

6. Perhatikan ayat ini bagaimana Allah menyebutkan nama Haman dan Firaun dalam satu tempat. Malah Allah menggunakan lafaz "tentera

mereka berdua" seolah Haman dan Firaun mempunyai kedudukan yang sama, iaitu Tuan dan penasihatnya sama-sama bersalah.

7. Menurut Ibn Kathir, Haman adalah Menteri yang menasihati Firaun dalam perkara yang merosakkan. Bahkan, apabila ada agenda yang jahat, Firaun akan mengarahkan Haman untuk melakukannya. Seakan mereka saling membantu dalam usaha kejahatan.

8. Penasihat yang jahat dan merosakkan ini ada di mana-mana. Ada sahabat yang menasihatkan kejahatan buat kawannya. Ada penasihat yang menasihatkan perkara yang mengelirukan kepada Menterinya yang akhirnya mereka tidak sedar akan kemungkaran yang dibawa.

9. Atas dasar itu al-Imam Sufyan al-Thauri ketika menghuraikan tentang hadis kepentingan bersahabat dengan sahabat yang baik menyebutkan tentang Haman dan Firaun ini. Beliau menjelaskan bahawa seorang pemimpin itu menjadi rosak disebabkan oleh penasihat mereka yang jahat dan merosakkan. Kata Sufyan al-Thauri:

انْظُرُوا إِلَى فِرْعَوْنَ مَعَهُ هَامَانُ

"Perhatikan (apa yang berlaku) pada Firaun yang memiliki (penasihat yang rosak) iaitu Haman. (al-Khattabi, Kitab al-Uzlah)

10. Al-Imam al-Tabari turut merekodkan kisah bagaimana Firaun pernah tertarik dengan pendekatan dakwah Nabi Musa yang menegur kesesatannya. Namun, setelah berjumpa dengan Haman, dia kekal atas kejahatannya setelah dinasihatkan oleh penasihatnya tadi. (al-Tabari, Tarikh; al-Ghazali, Ihya Ulumuddin).

11. Begitulah seharusnya kisah Haman ini mengingatkan kita bahawa pemimpin yang baik akan mendampingi orang yang soleh. Melalui hadis di atas juga, Rasulullah telah pun menitipkan pesanan, andai seorang pemimpin itu telah mula mendekati orang yang jahat, maka jauhilah mereka dan janganlah menjadi pembantu mereka yang menyebabkan kezaliman berlaku.

HADIS 7: PEMIMPIN YANG MENYESATKAN

عَنْ ثَوْبَانَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: إِنَّمَا أَخَافُ عَلَى أُمَّتِي الأَئِمَّةَ الْمُضِلِّينَ، قَالَ: وَقَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: لاَ تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي عَلَى الحَقِّ ظَاهِرِينَ لاَ يَضُرُّهُمْ مَنْ يَخْذُلُهُمْ حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ.

Maksudnya: Daripada Thauban RA dia berkata, bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya perkara yang paling aku bimbang terhadap umatku adalah munculnya pemimpin-pemimpin yang menyesatkan. Dan kemudian Rasulullah SAW bersabda: Akan sentiasa ada satu kumpulan dari umat ini yang akan memperjuangkan kebenaran. Tidak ada suatu pun yang boleh memudaratkan mereka sekiranya dicela oleh golongan yang mencela mereka sehinggalah Allah menentukan urusan mereka. (**Sunan al-Tirmizi, no: 2229** - Hadis Sahih)

ULASAN

1. Dalam hadis ini, Rasulullah SAW meluahkan kebimbangan Baginda terhadap apa yang akan berlaku ke atas umat ini. Perkara yang paling dibimbangi oleh Baginda SAW adalah kemunculan pemimpin-pemimpin dari umat ini yang menyesatkan. Namun, di penghujung hadis ini Rasulullah SAW menjelaskan bahawa akan ada satu kumpulan

dari umat ini yang akan mempertahankan agama Allah. Tidak ada sesuatu pun yang boleh memudaratkan mereka sekalipun mereka dicerca. Menariknya, ketika meriwayatkan hadis ini, al-Imam al-Tirmizi menukilkan bahawa yang dimaksudkan dengan kumpulan yang sentiasa menegakkan kebenaran ini adalah ahli hadis.

2. Perhatikan kandungan utama hadis ini. Rasulullah SAW membayangkan bahawa akan muncul dikalangan pemimpin umat ini yang akan menjadi agen yang menyesatkan ummah. Inilah fitnah yang amat dibimbangi oleh Rasulullah. Fitnah yang lebih dahsyat dari Dajjal. Dalam sebuah hadith, Abu Zar pernah menceritakan bahawa beliau berjalan dengan Rasulullah. Lalu Rasulullah bersabda:

لَغَيْرُ الدَّجَّالِ أَخْوَفُنِي عَلَى أُمَّتِي

“Ada satu fitnah yang lebih menakutkan aku dari fitnah Dajjal.” Rasulullah mengulangi perkara ini sebanyak tiga kali. Lalu Abu Zar pun bertanya:

يَا رَسُولَ اللهِ، مَا هَذَا الَّذِي غَيْرُ الدَّجَّالِ أَخْوَفُكَ عَلَى أُمَّتِكَ ؟ قَالَ:"أَئِمَّةً مُضِلِّينَ"

“Wahai Rasulullah, fitnah apakah yang engkau lebih takut dari Dajjal? Rasulullah lalu bersabda: Para pemimpin (atau ulama) menyesatkan!” (Musnad Ahmad, no: 21296 - dinilai Sahih li Ghairi oleh al-Arna’ut)

3. Biar pun hadith ini dinilai lemah (daif) oleh sebahagian pengkritik hadith, terdapat satu hadith yang hampir sama mengingatkan kita tentang perkara ini. Sabda Rasulullah:

إِنَّمَا أَخَافُ عَلَى أُمَّتِي الْأَئِمَّةَ الْمُضِلِّينَ

"Sesungguhnya aku bimbang ke atas umat aku akan (kemunculan) pemimpin (atau ulama) yang menyesatkan." (Sunan Abu Daud, no: 4252 - dinilai Sahih oleh al-Albani)

4. Ketika menghuraikan hadith ini, Sheikhul Islam Ibn Taiymiyyah menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan lafaz "*al-a'immah*" ini adalah para pemimpin. Kata beliau:

وقال شيخ الإسلام ابن تيمية رحمه الله : فالأئمة المضلون هم الأمراء

"Sheikhul Islam Ibn Taimyyah berkata: Maka yang dimaksudkan dengan para Imam yang menyesatkan ini adalah para pemimpin." (Majmu' al-Fatawa)

5. Beliau turut menampilkan pandangan Sufyan al-Thauri yang menyatakan bahawa mereka yang dimaksudkan di dalam hadis ini adalah para ulama yang sesat serta ahli ibadah yang jahil.

6. Al-Imam al-Nawawi pula menyatakan bahawa pemimpin yang menyesatkan itu lebih membimbangkan dari Dajjal. Kata beliau:

أَنَّ الْأَشْيَاءَ الَّتِي أَخَافُهَا عَلَى أُمَّتِي ، أَحَقُّهَا بِأَنْ تُخَافَ : الْأَئِمَّةُ الْمُضِلُّونَ

"Dalam (banyak) perkara-perkara yang Rasulullah takuti akan menimpa ke atas umat ini adalah yang paling utama sekali pemimpin yang menyesatkan." (al-Nawawi Sharh Muslim)

7. Sheikh Ibn Uthaimin pula memperincikan lagi bahawa pemimpin yang menyesatkan itu termasuklah kepimpinan (yang sesat aqidah mereka) dari kalangan penganut Jahmiyyah dan Muktazilah. Hari ini, terdapat juga pemikiran muktazilah yang mirip dengan pemikiran Liberal Sekular yang diangkat oleh Muslim sendiri.

8. Atas dasar itu pemilihan kepimpinan Muslim bukan perkara yang kecil. Ia adalah pemilihan bagi memelihara agama. Tersalah dalam memilih kepimpinan akan membawa fitnah yang lebih dahsyat dari Dajjal.

HADIS 8: TANGGUNGJAWAB MENEGUR PEMERINTAH

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، زَوْجِ النَّبِيِّ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: «إِنَّهُ يُسْتَعْمَلُ عَلَيْكُمْ أُمَرَاءُ، فَتَعْرِفُونَ وَتُنْكِرُونَ، فَمَنْ كَرِهَ فَقَدْ بَرِئَ، وَمَنْ أَنْكَرَ فَقَدْ سَلِمَ، وَلَكِنْ مَنْ رَضِيَ وَتَابَعَ»، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، أَلَا نُقَاتِلُهُمْ؟ قَالَ: «لَا، مَا صَلَّوْا»

Maksudnya: Daripada Ummu Salamah RA isteri Baginda Nabi SAW, daripada Rasulullah SAW Baginda bersabda: "Akan datang para pemimpin, yang kamu ketahui (kemakrufannya/kebaikannya) dan kamu ingkari (kemungkarannya). Barangsiapa yang membenci (kemungkaran yang pemimpin lakukan), maka dia terlepas (dari dipertanggungjawab). Barangsiapa saja yang mengingkari (kemungkarannya), maka dia akan selamat. Akan tetapi, orang yang reda dan mengikuti mereka (maka mereka akan menanggung dosa)." Para sahabat bertanya: "Apakah tidak boleh kami perangi sahaja mereka ini?" Baginda menjawab: "Tidak boleh, selagimana mereka menunaikan solat." (**Sahih Muslim, no: 1854**)

ULASAN

1. Hadis ini menjelaskan kepada kita tentang tanggungjawab muslim untuk membenci atau mengengkari perkara munkar yang dilakukan

oleh para pemimpin. Melalui hadis ini, Rasulullah turut menjelaskan bahawa sekurang-kurangnya seorang muslim itu mestilah membenci perkara mungkar yang dilakukan oleh pemimpin mereka. Malah Rasulullah menegur sikap muslim yang hanya reda dan taat dengan kerosakan yang dilakukan.

Dalam pada itu, Rasulullah turut mencegah kaum muslimin dari melakukan pemberontakan dan memerangi pemerintah selagimana mereka mendirikan solat. Pertumpahan darah yang berlaku sesama muslim mestilah dielakkan. Ia adalah kemudaratan yang lebih besar yang mungkin akan mengorbankan lebih banyak nyawa.

2. Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam al-Nawawi menjelaskan akan keperluan seorang muslim untuk membenci atau menegur maksiat atau kemungkaran yang dilakukan oleh pemerintah. Mereka yang reda dengan perlakuan mungkar ini adalah berdosa. Kata al-Imam al-Nawawi:

وَفِيهِ دَلِيلٌ عَلَى أَنَّ مَنْ عَجَزَ عَنْ إِزَالَةِ الْمُنْكَرِ لَا يأثم بمجرد
السكوت بل إنما يأثم بالرضى به

“Dan melalui hadis ini, terdapat dalil (bukti) yang menunjukkan bahawa mereka yang tidak berkemampuan untuk mencegah kemungkaran iaitu mereka hanya mendiamkan diri sahaja (sedangkan hati mereka membenci kemungkaran), maka kumpulan seperti ini adalah tidak berdosa. Adapun golongan yang dikatakan berdosa adalah mereka yang reda dengan kejahatan atau kemungkaran (yang dilakukan oleh pemerintah). (al-Nawawi, Sharh Muslim)

3. Bagaimana pula cara untuk menegur atau mengengkari kejahatan pemerintah itu? Dalam perkara menasihat pemerintah, al-Imam al-Khattabi menjelaskan bahawa rakyat haruslah menasihati mereka dengan baik. Bahkan rakyat tidak boleh memuji mereka sekiranya mereka melakukan kesalahan. Ini kerana, pujian ini hanyalah satu penipuan yang menyebabkan mereka lebih terjerumus ke lembah kehinaan. Kata al-Khattabi:

   وأن لا يغروا بالثناء الكاذب عليهم, وأن يدعى لهم بالصلاح

   "Dan (salah satu kaedah menasihat pemimpin adalah) janganlah menipu mereka dengan puji-pujian dusta ke atas mereka, dan hendaklah mendoakan kebaikan buat mereka." (Sharh Muslim li al-Nawawi)

4. Pada hakikatnya, inilah yang berlaku pada hari ini. Sebahagian penasihat menteri lebih kepada memuji berlebihan dengan sikap *membodek* sehingga memberikan mesej yang salah kepada menteri tersebut sehinggakan dia tidak sedar apa yang dilakukannya adalah satu kesilapan. Dengan sebab itu al-Imam Abu Nu'aim menegaskan:

   من نصح الولاة والأمراء اهتدى ومن غشهم غوى واعتدى

   "Barangsiapa yang menasihati para pemimpin, maka sesungguhnya dia adalah orang yang menerima hidayah. Namun barangsiapa yang menipu pemimpin, mereka adalah orang yang terjerumus (dalam kehinaan) dan telah melampaui batas." (Fadilah al-'Adilin)

HADIS 9: BAGAIMANA MENEGUR PEMERINTAH?

قَالَ عِيَاضُ بْنُ غَنْمٍ: أنّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «مَنْ أَرَادَ أَنْ يَنْصَحَ لِسُلْطَانٍ بِأَمْرٍ، فَلَا يُبْدِ لَهُ عَلَانِيَةً، وَلَكِنْ لِيَأْخُذْ بِيَدِهِ، فَيَخْلُوَ بِهِ، فَإِنْ قَبِلَ مِنْهُ فَذَاكَ، وَإِلَّا كَانَ قَدْ أَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ لَهُ»

Maksudnya: Iyyad bin Ghanm RA berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang ingin menasihati Sultan (atau pemimpin), maka janganlah dilakukan secara terang-terangan. Akan tetapi pimpinlah tangannya, bawa dia ke tempat yang berasingan (dari orang lain dan nasihatilah dia). Sekiranya dia menerima nasihat tersebut, maka itulah yang terbaik. Namun sekiranya dia menolak nasihat tersebut, maka dia telah menunaikan hak untuk menasihat pemimpin tersebut. (**Musnad Ahmad, no: 15333** - dinilai sebagai Sahih li Ghairihi oleh al-Arna'ut)

ULASAN

1. Dalam hadis ini Rasulullah SAW mendidik para sahabat agar berusaha untuk menegur pemimpin dengan kaedah yang baik. Sebaiknya jangan didedahkan teguran di hadapan orang ramai. Mulakan teguran dengan melakukannya dalam ruang yang tertutup. Andai pemimpin tersebut menerima teguran itu, maka itu adalah yang terbaik, namun andai sekiranya mereka menolaknya, maka sekurang-kurangnya kita telah

melaksanakan kewajipan kita menegur pemerintah yang melakukan kesalahan.

2. Ini adalah bagi situasi sekiranya seseorang itu berupaya untuk berjumpa secara personal dengan pemerintah tersebut. Namun andainya dia tidak mempunyai peluang sedemikian, maka al-Imam al-Nawawi mengharuskan agar terguran tersebut dilakukan secara terbuka. Ini bagi memastikan tanggungjawab untuk menegah kemungkaran itu tidak diabaikan. Kata al-Nawawi:

فَإِنْ لَمْ يُمْكِنِ الْوَعْظُ سِرًّا وَالْإِنْكَارُ فَلْيَفْعَلْهُ عَلَانِيَةً لِئَلَّا يَضِيعَ أَصْلُ الْحَقِّ

"Namun andai sekiranya dia tidak berupaya untuk menegur dan mengengkari pemerintah itu secara rahsia, maka tegurlah mereka secara terang-terangan. Ini adalah supaya hak (menegur kesalahan itu) tidak diabaikan." (Sharh Muslim li al-Nawawi)

3. Sebahagian sahabat Nabi lebih selesa untuk menegur pemimpin secara rahsia iaitu bercakap dengannya secara pertemuan personal. Ini seperti yang pernah diluahkan oleh Saidina Usamah bin Zaid RA. Suatu hari, beliau diminta untuk menegur Saidina Uthman. Usamah enggan melakukannya secara terbuka. Kata Usamah:

أَتَرَوْنَ أَنِّي لَا أُكَلِّمُهُ إِلَّا أُسْمِعُكُمْ وَاللهِ لَقَدْ كَلَّمْتُهُ فِيمَا بَيْنِي وَبَيْنَهُ دُونَ أَنْ أَفْتَتِحَ أَمْرًا

Apakah kamu tidak nampak dan menganggap aku tidak menegurnya kecuali dengan cara kamu semua mendengarnya. Demi Allah, aku telah mengucapkannya dalam ruang di antara aku dan dia (sahaja) tanpa membuka (mendedahkan) urusan (teguran) ini. (Sahih Muslim, no: 2989)

4. Namun, ada sebahagian sahabat lebih berani untuk melakukan teguran secara terbuka. Ini sepertimana yang pernah dilakukan oleh Saidina Abu Said al-Khudri yang menegur Gabenor Madinah Marwan bin al-Hakam. Mengikut sunnah Rasulullah, khutbah Solat Hari Raya dilakukan selepas Nabi menunaikan solat. Namun perkara ini ingin diubah oleh Marwan. Lalu Saidina Abu Said menarik jubah Marwan yang ketika itu ingin naik ke atas mimbar. Insiden ini direkodkan oleh al-Imam al-Bukhari dan Muslim. Kata Abu Said:

فَإِذَا مَرْوَانُ يُرِيدُ أَنْ يَرْتَقِيَهُ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ، فَجَبَذْتُ بِثَوْبِهِ، فَجَبَذَنِي، فَارْتَفَعَ، فَخَطَبَ قَبْلَ الصَّلاَةِ»، فَقُلْتُ لَهُ: غَيَّرْتُمْ وَاللَّهِ

“Lalu Marwan keluar untuk naik ke atas mimbar dan menyampaikan khutbah sebelum Solat Hari Raya. Lalu aku menarik jubahnya dan dia menarik jubahnya dariku. Lalu dia naik ke atas mimbar dan berkhutbah sebelum solat. Lalu aku menegurnya dan berkata: Demi Allah engkau telah mengubahnya (iaitu mengubah sunnah Rasulullah). (Sahih al-Bukhari, no: 956)

5. Menurut al-Imam al-Nawawi, antara hikmah Rasulullah mengajar agar teguran dijalankan secara rahsia adalah bagi mengelakkan sebarang kemudaratan yang mungkin berlaku kepada si penegur. Hikmah ini akhirnya dapat kita pelajari apabil Saidina Abdullah bin Umar menegur pemerintah ketika itu iaitu al-Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi. Teguran ini membuatkan al-Hajjaj menjadi berang dan mengancam untuk mencederakan Ibn Umar. Peristiwa ini direkodkan oleh al-Imam Ibn Abd al-Barr dan Ibn al-Athir yang menyebutkan:

   أن الْحَجَّاج خطب يوما وأخر الصلاة، فَقَالَ ابْن عُمَر: إن الشمس
   لا تنتظرك، فَقَالَ لَهُ الْحَجَّاج: لقد هممت أن أضرب الَّذِي فِيهِ عيناك

   “Suatu hari al-Hajjaj memberi khutbah (yang agak panjang) sehingga melewatkan waktu solat. Perbuatan beliau ini ditegur oleh Ibn Umar lalu dia berkata: Sesungguhnya matahari tidak menunggu engkau (iaitu kalau diteruskan lagi khutbah maka akan habis waktu solat). (Teguran yang dilakukan secara terbuka itu membuat al-Hajjaj berang lalu) dia berkata: Aku benar-benar ingin memukul benda yang ada pada dua mata engkau ini (ingin penggal kepalamu) (al-Isti’ab li Ibn Abd al-Barr, Usd al-Ghabah li Ibn al-Athir)

6. Dengan itu, melalui hadis ini dapat kita pelajari bahawa kaedah yang terbaik dalam menegur pemerintah adalah bertemu dengannya secara terus, melalui pertemuan yang tertutup, memegang tangannnya dan berbincang secara baik dengannya. Andai dia menerimanya, maka itu adalah satu nikmat. Namun andai sekiranya kita tidak mempunyai peluang tersebut, maka teguran juga boleh dilakukan secara terbuka dengan penuh berhikmah demi kebaikan bersama.

HADIS 10: PEMIMPIN JANGAN MENYUSAHKAN RAKYAT

عن عائشة قالت: سَمِعْتُ مِنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ ، يَقُولُ فِي بَيْتِي هَذَا: «اللهُمَّ، مَنْ وَلِيَ مِنْ أَمْرِ أُمَّتِي شَيْئًا فَشَقَّ عَلَيْهِمْ، فَاشْقُقْ عَلَيْهِ، وَمَنْ وَلِيَ مِنْ أَمْرِ أُمَّتِي شَيْئًا فَرَفَقَ بِهِمْ، فَارْفُقْ بِهِ»

Maksudnya: Daripada Aisyah RA, dia berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda di dalam rumahku ini: Wahai Tuhanku, barangsiapa yang dilantik menguruskan urusan umatku ini lalu dia menyusahkan urusan umatku, maka susahkanlah (urusan) mereka. Dan barangsiapa yang dilantik menguruskan urusan umatku dan dia melakukannya dalam keadaan yang lembut dan baik maka Engkau berlaku lembutlah terhadap mereka. (**Sahih Muslim, no: 1828**)

ULASAN

1. Hadis ini mengandungi mesej yang jelas yang ingin disampaikan oleh Rasululah SAW melalui doa Baginda. Rasulullah mendoakan buat setiap pemimpin yang memudahkan urusan umat ini agar diberikan kemudahan oleh Allah. Ini bererti para pemimpin seharusnya memudahkan urusan rakyatnnya Manakala pemimpin yang menyusahkan urusan umat ini, maka Rasulullah mendoakan kesusahan buat mereka.

2. Bayangkan sekiranya Rasulullah sendiri mendoakan kesusahan buat umatnya? Doa ini tidak lain adalah bagi menunjukkan satu ancaman yang sangat keras ke atas pemimpin umat ini yang menyusahkan rakyat mereka. Dengan sebab itu al-Imam al-Nawawi menjelaskan:

هَذَا مِنْ أَبْلَغِ الزَّوَاجِرِ عَنِ الْمَشَقَّةِ عَلَى النَّاس

"Doa ini adalah sekeras-keras ancaman yang diberikan oleh Rasulullah buat pemimpin yang menyusahkan manusia." (Sharh al-Nawawi 'Ala Muslim)

3. Al-Imam al-San'ani pula menegaskan bahawa memudahkan urusan rakyat itu adalah satu perintah yang wajib yang mesti dilaksanakan oleh setiap pemimpin. Kata al-San'ani:

وَالْحَدِيثُ دَلِيلٌ عَلَى أَنَّهُ يَجِبُ عَلَى الْوَالِي تَيْسِيرُ الْأُمُورِ عَلَى مَنْ
وَلِيَهُمْ وَالرِّفْقُ بِهِمْ وَمُعَامَلَتُهُمْ بِالْعَفْوِ وَالصَّفْحِ

"Dan hadis ini menunjukkan dalil tentang kewajipan buat para pemimpin agar memudahkan urusan rakyat mereka dan berlaku lembut dengan mereka serta berurusan dengan mereka dengan kemaafan dan berlapang dada.

4. Para sahabat sangat menghayati hadis ini. Saidina Umar dikatakan akan pergi ke persisiran luar (perkampungan luar) dan memerhatikan andai ada golongan pekerja yang melakukan kerja yang berat agar beliau

boleh memudahkan kerja tersebut. Perkara ini direkodkan oleh al-Imam Malik yang menyebutkan:

أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ كَانَ يَذْهَبُ إِلَى الْعَوَالِي كُلَّ يَوْمِ سَبْتٍ. فَإِذَا وَجَدَ
عَبْداً فِي عَمَلٍ لاَ يُطِيقُهُ، وَضَعَ عَنْهُ مِنْهُ

"Sesungguhnya Umar bin al-Khattab akan pergi ke perkampungan luar Madinah pada setiap hari Sabtu. Beliau akan memerhatikan sekiranya ada hamba yang diberikan kerja lebih dari kemampuannya, maka Umar akan mengurangkan bebanan kerja tersebut." (al-Muwatta, no: 3594)

HADIS 11: RASULULLAH MEMBENCI PEMIMPIN YANG TERLALU KERAS

عن عَائِذَ بْنَ عَمْرٍو: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: «إِنَّ شَرَّ الرِّعَاءِ الْحُطَمَةُ، فَإِيَّاكَ أَنْ تَكُونَ مِنْهُمْ...

Maksudnya: Daripada 'Aiz bin Amru RA, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya seburuk-buruk pengembala (pemimpin) ialah orang yang bersikap keras kepada gembalanya (terhadap anak pimpinannya), maka janganlah engkau termasuk dalam golongan penggembala (pemimpin) yang seperti itu..." (**Sahih Muslim, no: 1830**)

ULASAN

1. Dalam hadis ini Rasulullah melarang pemimpin dari bersikap keras terhadap anak pimpinannnya. Baginda menggambarkan pemimpin itu seperti pengembala dan sejahat-jahat pengembala adalah *al-hutamah*. Menurut Ibn al-Athir, perkataan *al-hutamah* membawa maksud yang memecahkan atau yang memukul. Seolah penggunaan perkataan ini bagi memberikan bayang tentang sikap pengembala yang sangat keras atau kasar sehingga bertindak memukul anak gembalanya.

2. Kemudian Rasulullah SAW mengingatkan kepada 'A'iz bin Amru agar jangan menjadi pemimpin yang sebegini. Mereka bersikap keras terhadap anak pimpinannya bahkan barangkali beranggapan bahawa

orang yang dibawah ini mempunyai kedudukan yang lebih rendah dari dirinya (iaitu si pemimpin itu).

3. Sheikh Ali al-Qari pula memberikan gambaran yang lebih luas lagi iaitu menurutnya hadis ini membayangkan sikap pemimpin yang zalim. Ia tidak tertakluk kepada pemimpin dengan anak pimpinannya sahaja tetapi termasuk seluruh rakyat yang berada dibawah pemerintahan seorang pemimpin itu. Kata Ali al-Qari:

مَنْ يَظْلِمُ الرَّعِيَّةَ وَلَا يَرْحَمُهُمْ فِي الْبَلِيَّةِ

"(Iaitu yang dimaksudkan dengan sejahat-jahat pemimpin ini ialah) mereka yang menzalimi rakyatnya dan tidak bersifat kasih terhadap mereka yang ditimpa kesusahan. (Mirqa al-Mafatih)

4. Hadis ini turut mengingatkan kita bagaimana Rasulullah SAW menggunakan kiasan yang mudah difahami oleh para sahabat. Memandangkan sebahagian besar para sahabat telah biasa berurusan dengan binatang atau ternakan, Baginda menggunakan elemen yang berada di sekeliling mereka sebagai contoh dalam pendidikan.

   Pada kebiasaannya pengembala mungkin tidak pernah menghiraukan apa yang dirasai oleh binatang pengembalaannya. Lalu disinilah Rasulullah memberikan contoh yang menarik bahawa pengembala yang hebat bukan sahaja menjaga binatang pengembalaannya bahkan bersikap memahami dan berlembut sekalipun ia hanyalah binatang.

Begitulah sikap seorang pemimpin, dengan siapa sekalipun dia berurusan, pemimpin sepatutnya tidak bersikap keras, tidak memandang rendah pada pekerja bawah bahkan bersikap kasih dan memahami keadaan mereka.

HADIS 12: SIAPAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN "PEMIMPIN YANG BODOH"?

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ لِكَعْبِ بْنِ عُجْرَةَ: «أَعَاذَكَ اللَّهُ مِنْ إِمَارَةِ السُّفَهَاءِ» ، قَالَ: وَمَا إِمَارَةُ السُّفَهَاءِ؟، قَالَ: "أُمَرَاءُ يَكُونُونَ بَعْدِي، لَا يَقْتَدُونَ بِهَدْيِي، وَلَا يَسْتَنُّونَ بِسُنَّتِي، فَمَنْ صَدَّقَهُمْ بِكَذِبِهِمْ، وَأَعَانَهُمْ عَلَى ظُلْمِهِمْ، فَأُولَئِكَ لَيْسُوا مِنِّي، وَلَسْتُ مِنْهُمْ، وَلَا يَرِدُوا عَلَيَّ حَوْضِي، وَمَنْ لَمْ يُصَدِّقْهُمْ بِكَذِبِهِمْ، وَلَمْ يُعِنْهُمْ عَلَى ظُلْمِهِمْ، فَأُولَئِكَ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ، وَسَيَرِدُوا عَلَيَّ حَوْضِي

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdullah RA, sesungguhnya Nabi SAW bersabda kepada Ka'b bin 'Ujrah RA: (mudah-mudahan) Allah memelihara kamu dari kepemimpinan orang-orang yang bodoh. Ka'b bertanya: Wahai Rasulullah, apakah itu kepemimpinan orang yang bodoh? Rasulullah menjelaskan: (iaitu) Para pemimpin yang muncul selepas dariku, tetapi mereka tidak menggunakan petunjukku, dan mereka tidak mengamalkan sunnahku. Barangsiapa yang membenarkan penipuan mereka, atau membantu kezaliman mereka, maka mereka itu adalah bukan dari umatku. Dan aku bukan sebahagian dari mereka. Mereka tidak akan dapat minum di telagaku (di akhirat kelak). Barangsiapa yang tidak membenarkan penipuan mereka, dan tidak

membantu kezaliman mereka, maka dia adalah sebahagian dari umatku dan aku adalah sebahagian darinya, dia akan dapat minum di telagaku kelak. (**Musnad Ahmad, no: 14441** - dinilai oleh al-Arna'ut sebagai hadis yang memiliki sanad yang kuat (*qawi*))

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah memberikan teguran yang sangat keras terhadap pemimpin yang tidak menjadikan sunnah Rasulullah sebagai petunjuk. Baginda SAW menyifatkan golongan ini sebagai orang-orang yang bodoh. Mereka telah diberikan panduan dari sunnah Nabi, tetapi mereka memilih untuk tidak menggunakannya. Adalah amat malang bagi umat ini andai sekiranya ada di kalangan pemimpin mereka yang tidak mengambil bimbingan dari sunnah Rasulullah. Lebih malang lagi sekiranya mereka menolak hadis Nabi bahkan meragui pula sunnah Rasulullah. Golongan inilah yang ditolak oleh Rasulullah sehingga Baginda enggan mengaku mereka sebagai umat Baginda SAW.

2. Menurut al-Imam al-Tayyibi, pada hakikatnya yang dimaksudkan dengan pemimpin yang bodoh itu bukanlah kerana sifat bodoh mereka tetapi kerana sikap zalim dan penipuan yang mereka lakukan. Ini kerana, dalam bahagian kedua daripada hadis tersebut, Rasulullah menyebutkan sifat pemimpin yang bodoh itu iaitu mereka melakukan kezaliman dan pembohongan. Dengan sebab itu al-Tayyibi mengatakan:

   سُفَهَاءُ مَوْصُوفُونَ بِالْكَذِبِ وَالظُّلْمِ

"Orang-orang bodoh itu adalah mereka yang disifatkan dengan penipuan dan kezaliman." (Mirqah al-Mafatih)

3. Kemudian dalam bahagian ketika hadis ini pula Rasulullah menjelaskan bahawa Baginda menolak kumpulan pemimpin seperti ini untuk diterima menjadi sebahagian dari umat ini. Ia adalah satu mesej yang sangat jelas buat kita semua agar menjauhi pemimpin seperti ini dan arahan agar tidak menyokong kezaliman dan penipuan mereka.

4. Dengan sebab itu sebahagian salafussoleh terdahulu menjauhkan diri mereka daripada pintu-pintu sultan dan pemerintah. Mereka bimbang sekiranya terpalit dengan kezaliman yang dilakukan oleh pemerintah.

5. Setelah memberikan penjelasan berhubung hadis ini, Sheikh Ali al-Qari menukilkan kata-kata salafussoleh terdahulu tentang saranan agar menjauhkan diri dari pintu-pintu istana pemimpin. Kata Sufyan al-Thauri:

لَا نُخَالِطُ السُّلْطَانَ وَلَا مَنْ يُخَالِطُهُ

"Kami tidak (terlalu) bergaul dengan pemerintah dan kami juga tidak terlalu bercampur dengan mereka yang rapat dengan pemerintah." (Mirqah al-Mafatih)

6. Malah Saidina Abdullah ibn Mas'ud turut menegaskan bahawa:

مَنْ رَضِيَ بِأَمْرِ الظَّالِمِ وَإِنْ غَابَ عَنْهُ كَانَ كَمَنْ شَهِدَهُ

"Barangsiapa yang reda dengan perkara zalim sekalipun mereka tidak berada di situ ketika itu, maka seolah-olah mereka berada menyaksikan kezaliman yang dilakukan." (Mirqah al-Mafatih)

HADIS 13: TUGAS PEMIMPIN ADALAH BERKHIDMAT UNTUK RAKYAT

عن أَبِي مَرْيَمَ الْأَزْدِيِّ قال:سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «مَنْ وَلَّاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ شَيْئًا مِنْ أَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَاحْتَجَبَ دُونَ حَاجَتِهِمْ، وَخَلَّتِهِمْ وَفَقْرِهِمْ، احْتَجَبَ اللَّهُ عَنْهُ دُونَ حَاجَتِهِ وَخَلَّتِهِ، وَفَقْرِهِ» قَالَ: فَجَعَلَ (مُعَاوِيَةُ) رَجُلًا عَلَى حَوَائِجِ النَّاسِ.

Maksudnya: Daripada Abu Maryam al-Azdi, dia berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang diberikan kuasa oleh Allah untuk menguruskan urusan kaum muslimin, lalu dia membina persempadanan (menutup ruang komunikasi atau menyusahkan) dari keperluan mereka, perdampingan dengan mereka dan kebersamaan dengan orang-orang miskin, maka Allah akan menghalang keperluannya, perdampingannya dengan Allah dan kefakiran (keperluannya kepada Allah). Mendengarkan hadis ini, Saidina Muawiyyah melantik seorang lelaki bagi menjaga segala keperluan rakyatnya. (**Sunan Abu Daud, no: 2948** - dinilai Sahih oleh al-Albani)

ULASAN

1. Hadis ini mengajar kita bahawa tugas pemimpin itu adalah memberi khidmat dan membantu mempermudahkan urusan rakyat.

Tiga perkara yang disebutkan oleh Rasulullah dalam hadis ini yang menyentuh tentang peranan pemimpin adalah (1) pemimpin mestilah memastikan keperluan rakyat disedia, (2) berdamping dengan rakyat dan (3) membantu keperluan orang miskin yang mengharapkan bantuan mereka. Andai semua perkara ini berjaya dilaksanakan, maka Allah akan mempermudahkan segala urusan mereka.

2. Hadis ini turut menjelaskan bahawa ruang komunikasi di antara pemimpin dengan rakyat mestilah diwujudkan. Perkataan *fahtajaba* (lalu dia menghalang) ini menunjukkan terdapat pemimpin yang bukan sahaja tidak menyediakan bantuan bahkan menutup ruang komunikasi antara pemerintah dengan rakyat.

3. Atas dasar itu Khalifah Umar Abdul Aziz dikatakan menulis iklan kepada rakyat bahawa barangsiapa yang datang menceritakan kezaliman atau kesusahan yang berlaku di sisi rakyat, maka dia akan diberikan ganjaran kerana memberikan maklumat tentang kesukaran yang dihadapi oleh rakyat. Perhatikan bagaimana Umar Abdul Aziz membuka ruang komunikasi antara rakyat dengan pemerintah. Perkara ini dinukilkan dalam suratnya yang menyebutkan:

فأيما رجل قدم إلينا في رد مظلمة أو أمر يصلح الله به خاصاً أو عاماً من
أمر الدين، فله ما بين مائة دينار إلى ثلاثمائة بقدر ما يرى الحسبة

"Dan mana-mana lelaki yang tampil kepada kami mendedahkan tentang kezaliman (yang berlaku) atau perkara yang perlu diislah (diperbaiki) tidak kira samada perkara khusus atau umum tentang urusan agama ini, maka dia akan diberikan anugerah 100 dinar ke 300

dinar bergantung kepada apa yang difikirkan munasabah oleh Jabatan Hisbah. (Dr. Ali al-Salabi, al-Khalifah al-Rasyid wa al-Muslih al-Kabir Umar Abdul Aziz, 2009)

4. Barangkali kaedah Rasulullah menangani kesukaran rakyat juga seharusnya dijadikan teladan. Perhatikan bagaimana Rasulullah melayani kesukaran yang dihadapi oleh Itban bin Malik al-Ansari yang mengalami kesukaran untuk ke masjid disebabkan keadaan lopak air dan situasi kesihatan yang dialami oleh beliau. Mendengar aduan ini Rasulullah sendiri turun padang, berjumpa dengan Itban di rumahnya dan mengimamkan solat di rumah Itban. Baginda bukan sahaja mendengar permasalahan yang dihadapi oleh Itban, bahkan turun sendiri memerhatikan masalah malah membantu memberikan solusi kepada masalah yang dihadapi oleh Itban. Kisah ini direkodkan oleh al-Imam al-Bukhari di dalam kitab Sahihnya.[2]

5. Begitulah seharusnya yang dilakukan oleh setiap pemimpin iaitu membantu kesukaran rakyat, membuka ruang untuk mendenngar dan berdamping dengan mereka disamping menguruskan kesukaran orang-orang miskin.

[2] Pernah dibincangkan dalam: Azmi, A. S. (2020). 40 Hadis tentang wabak penyakit.

HADIS 14: GANJARAN BUAT PEMIMPIN YANG ADIL

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: «إِنَّ الْمُقْسِطِينَ عِنْدَ اللهِ عَلَى مَنَابِرَ مِنْ نُورٍ، عَنْ يَمِينِ الرَّحْمَنِ عَزَّ وَجَلَّ، وَكِلْتَا يَدَيْهِ يَمِينٌ، الَّذِينَ يَعْدِلُونَ فِي حُكْمِهِمْ وَأَهْلِيهِمْ وَمَا وَلُوا»

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Amru RA, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya pemimpin yang adil di sisi Allah nanti akan berada di atas mimbar daripada cahaya, mereka duduk disebelah kanan Tuhan Yang Maha Pengasih dan sedangkan kedua tangan Allah itu adalah kanan semua, (dan yang dimaksudkan dengan pemimpin yang adil itu adalah) orang-orang yang berlaku adil dalam hukum penilaian mereka, adil dalam keluarga dan adil dalam melaksanakan tugas yang di bebankan kepada mereka." (**Sahih Muslim, no: 1827**)

ULASAN

1. Hadis ini menunjukkan betapa Allah sangat memuliakan pemimpin yang adil. Mereka akan ditempatkan di satu kedudukan yang sangat dekat dengan Allah di hari kiamat kelak. Bahkan dipersiapkan buat mereka mimbar yang diperbuat dari cahaya. Ini semua menunjukkan betapa Allah menyayangi pemimpin yang adil.

2. Ketika menghuraikan hadis ini, al-Qadi Iyyad menjelaskan mengapa para pemimpin itu diletakkan di atas mimbar di hari kiamat kelak. Kata al-Qadi:

يَحْتَمِلُ أَنْ يَكُونُوا عَلَى مَنَابِرَ حقيقة عَلَى ظَاهِرِ الْحَدِيثِ وَيَحْتَمِلُ أَنْ يَكُونَ كِنَايَةً عَنِ الْمَنَازِلِ الرَّفِيعَةِ

"Barangkali yang dimaksudkan dengan mimbar itu adalah mimbar yang hakiki (iaitu Allah menciptakan buat mereka mimbar daripada cahaya, suatu yang tidak dapat difikirkan oleh manusia di dunia), atau ia adalah satu kiasan sahaja dari Rasulullah yang menggambarkan kedudukan yang tinggi yang diberikan kepada pemimpin nanti. (Sharh al-Nawawi 'Ala Muslim)

3. Rasulullah adalah contoh terbaik yang perlu diteladani oleh setiap pemimpin hari ini. Ketika dalam Perang Badar, Baginda bergilir-gilir menaiki unta bersama dengan Saidina Abu Lubabah dan Saidina Ali. Sehingga mereka berkata kepada Rasulullah:

نحن نمشي عنك، فقال: مَا أَنْتُمَا بِأَقْوَى مِنِّي، وَلَا أَنَا بِأَغْنَى عَنِ الْأَجْرِ مِنْكُمَا

"(Tidak mengapalah Wahai Rasulullah) Biarlah kami berjalan buatmu (dan engkau duduk sahaja di atas unta itu). Lalu Rasulullah membalas: Kamu berdua tidaklah lebih kuat dariku dan aku juga memerlukan pahala seperti kamu." (Musnad Ahmad, no: 3901)

Perhatikan bagaimana Rasulullah sebagai pemimpin bersikap adil. Baginda tidak mengambil kesempatan untuk kekal selamanya di atas unta itu bahkan memberikan giliran kepada Abu Lubabah dan Ali untuk turut naik bersama dengan mereka.

4. Hadis ini turut mengingatkan kita tentang keperluan bersikap adil dalam kalangan ahli keluarga. Ketika menguruskan ahli keluarganya, Baginda menunjukkan sikap adil agar tidak ada isterinya yang terasa. Sebagai contoh, Aisyah menceritakan bahawa sekiranya Rasulullah ingin bermusafir, Baginda akan membuat cabutan undi agar pemilihan giliran itu berlaku dengan adil. Kata Saidatina Aisyah:

كانَ رسولُ اللهِ صلى الله عليه وسلم إذَا أرادَ سفَرًا أقْرَعَ بينَ نسَائِهِ،
فأَيَّتُهُنَّ خرجَ سَهْمُهَا خرجَ بهَا معهُ

"Adapun ketika Rasulullah ingin bermusafir, Baginda akan membuat cabutan undi dikalangan para isterinya. Maka barangsiapa yang mendapat undi tersebut, dialah yang akan bermusafir dengan Baginda Nabi SAW. (Sahih al-Bukhari, no: 2593)

5. Malah Rasulullah turut menegur ibubapa yang tidak memberikan hak yang adil kepada anak-anak. Perkara ini pernah berlaku kepada Saidina al-Nu'man bin Basyir. Beliau telah mendapat hadiah daripada ayahnya.

Namun ibu al-Nu'man ('Amrah binti Rawahah)[3] meminta agar perkara pemberian hadiah ini dibincangkan dengan Rasulullah. Apabila disampaikan kepada Rasulullah, Baginda bertanya:

أَعْطَيْتَ سَائِرَ وَلَدِكَ مِثْلَ هَذَا؟، قَالَ: لاَ، قَالَ: فَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْدِلُوا بَيْنَ أَوْلاَدِكُمْ، قَالَ : فَرَجَعَ فَرَدَّ عَطِيَّتَهُ

"Apakah engkau (si ayah) memberikan hadiah pemberian yang sama kepada semua anak-anakmu yang lain? Lelaki itu menjawab: "Tidak." Lalu Rasulullah bersabda: Takutlah Allah dan bersikap adillah sesama anak-anak kamu. Lalu al-Nu'man memulangkan kembali hadiah tersebut. (Sahih al-Bukhari, no: 2587)

6. Begitulah hadis ini mengajar setiap kita agar berlaku adil. Pemimpin yang adil akan mendapat tempat yang mulia di sisi Allah. Rasulullah telahpun menunjukkan suri teladan yang terbaik dalam perkara ini.

---

[3] Sebahagian sebutan menyebutnya sebagai 'Umrah binti Rawahah. Beliau adalah saudara perempuan kepada Abdullah bin Rawahah. Perkahwinan beliau dengan Basyir dikurniakan anak bernama al-Nu'man bin Basyir. (Ibn Abd al-Barr, al-Isti'ab)

HADIS 15: SIFAT PEMIMPIN YANG MENJADI AHLI SYURGA

عَنْ عِيَاضِ بْنِ حِمَارٍ الْمُجَاشِعِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ، قَالَ ذَاتَ يَوْمٍ فِي خُطْبَتِهِ: ... وَأَهْلُ الْجَنَّةِ ثَلَاثَةٌ ذُو سُلْطَانٍ مُقْسِطٌ مُتَصَدِّقٌ مُوَفَّقٌ، وَرَجُلٌ رَحِيمٌ رَقِيقُ الْقَلْبِ لِكُلِّ ذِي قُرْبَى وَمُسْلِمٍ، وَعَفِيفٌ مُتَعَفِّفٌ ذُو عِيَالٍ...

Maksudnya: Daripada Iyad bin Himar al-Mujashi'i RA, sesungguhnya Rasulullah SAW pada suatu hari menyampaikan khutbah dan Baginda bersabda: ... dan sesungguhnya ahli syurga itu ada tiga jenis, iaitu (1) pemimpin yang adil pemurah serta diberikan hidayah, (2) dan lelaki yang penyayang yang memiliki hati yang lembut buat ahli keluarganya dan seluruh kaum muslimin, (3) dan lelaki yang menjaga kehormatan diri disamping menyara keluarganya... (**Sahih Muslim, no: 2865**)

ULASAN

1. Dalam hadis ini Rasulullah SAW menjelaskan kepada kita bahawa terdapat tiga golongan ahli syurga. Menariknya di sini, hadis ini turut memberikan ciri-ciri yang menjadi gambaran utama tentang mereka yang disifatkan sebagai ahli syurga. Bagi pemimpin, ciri utama yang dijelaskan di dalam hadis ini ialah (1) mereka bersikap adil (*muqsit*), (2) mudah memberi (*mutasaddiq*) dan (3) mendapat bimbingan (*muwaffaq*).

2. Adil adalah sifat utama yang sering diulang-ulang di dalam hadis. Ini menggambarkan tentang keutamaan seorang pemimpin itu untuk bersikap sedemikian. Dalam hadis yang lain, Rasulullah menjelaskan bahawa pemimpin yang adil adalah golongan pertama yang akan mendapat naungan Allah di akhirat kelak. Sabda Rasulullah:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الإِمَامُ العَادِلُ

"Tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah di akhirat kelak iaitu: (1) Pemimpin yang adil... (Sahih al-Bukhari, no: 660)

3. Sifat kedua yang disebutkan oleh Rasulullah SAW adalah kemurahan untuk memberi. Ini adalah sifat tambahan yang mungkin sukar dimiliki oleh pemimpin. Rasulullah menasihatkan agar kita menjadi pemimpin yang tidak lokek untuk memberi sekalipun menggunakan harta kita sendiri. Ingatkah kita bagaimana Saidina Umar ketika menjadi Khalifah turun padang untuk memerhatikan sendiri keperluan rakyatnya. Apabila di dapati rakyat dalam keadaan susah, dia sendiri berusaha membantu dengan memberikan pemberian kepada mereka.

4. Menurut Saidina Anas bin Malik, seorang wanita pernah datang mengadu kepada Saidina Umar bahawa dia tidak memiliki pakaian yang cukup buat dirinya untuk menutup auratnya. Kata Anas:

فقام عمر فدخل خزانته فأخرج درْعاً قد خيط أبيض

"Lalu Umar bangun dan masuk ke dalam tempat simpanannya (stor) dan kemudian dia mengeluarkan pakaian wanita (dir'- disini membawa maksud baju wanita)[4] yang berjahit putih." (Mahd al-Sawab, 1/375) Perhatikan bagaimana Umar mengeluarkan pemberian dari simpanannya sendiri bagi membantu kesusahan rakyatnya.

5. Malah dalam sebuah insiden yang lain al-Imam Ibn al-Jauzi menceritakan bagaimana Saidina Umar ternampak seorang lelaki yang sedang memetik pokok di Mekah untuk diberikan untanya makan. Umar memanggil lelaki itu dan bertanya mengapa dia melakukan sedemikian kerana di Mekah (tanah haram ini) seseorang tidak boleh memetik tanaman sesuka hati. Lalu lelaki tersebut menceritakan kemiskinannya yang dia tidak mempunyai apa-apa untuk diberikan untanya makan. Ubaid bin Umar (perawi kisah ini) berkata:

فرق له عمر بعد ما هم به، وأمر له ببعير من إبل الصدقة وبوقره طحيناً فأعطاه إياه

"Hati Umar sangat tersentuh mendengar penjelasan lelaki tersebut. Lalu beliau memerintahkan agar dikeluarkan unta dari Baitul Mal dan sejumlah yang besar tepung yang dikisar lalu diberikan kepada lelaki tersebut." (Mahd al-Sawab, 1/376)

---

[4] Menurut Dr. Abdul al-Aziz al-Farih, Dir' di sini membawa maksud baju wanita walaupun secara popularnya perkataan ini membawa maksud baju besi. (Mahd al-Sawab, Ibn al-Mubarrad, Tahqiq: Dr. Abd al-Aziz (Riyad: Maktabah Adwa al-Salaf, 2000), 1/375)

6. Manakala sifat terakhir yang disebutkan di dalam hadis ini pula adalah *muwaffaq* iaitu pemimpin yang diberikan petunjuk atau bimbingan. Menurut Sheikh Ali al-Qari, yang dimaksudkan dengan *muwaffaq* ini ialah:

أَيِ الَّذِي هُيِّئَ لَهُ أَسْبَابُ الْخَيْرِ، وَفُتِحَ لَهُ أَبْوَابُ الْبِرِّ

"Iaitu seorang pemimpin yang jiwanya dihidupkan untuk melakukan kebaikan, dan dibukakan hatinya untuk pintu-pintu melakukan kebajikan." (Mirqa al-Mafatih)

7. Inilah tiga sifat utama yang seharusnya dimiliki oleh pemimpin seperti yang disabdakan oleh Baginda Nabi SAW.

HADIS 16: MELAYANI KERENAH RAKYAT

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ ﷺ يَتَقَاضَاهُ، فَأَغْلَظَ فَهَمَّ بِهِ أَصْحَابُهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «دَعُوهُ، فَإِنَّ لِصَاحِبِ الحَقِّ مَقَالًا»، ثُمَّ قَالَ: «أَعْطُوهُ سِنًّا مِثْلَ سِنِّهِ»، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِلَّا أَمْثَلَ مِنْ سِنِّهِ، فَقَالَ: «أَعْطُوهُ، فَإِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنَكُمْ قَضَاءً»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah SAW mengadukan masalahnya (meminta hukum) sehingga dia bersikap kasar kepada Rasulullah. Sikap lelaki ini menyebabkan para sahabat ingin bertindak tetapi ditenangkan oleh Rasulullah lalu bersabda: Biarkan dia, sesungguhnya bagi orang yang menuntut kebenaran itu ada ruang baginya untuk bercakap. Kemudian Rasulullah memerintahkan agar diberikan kepadanya unta seperti yang diminta oleh lelaki tersebut (unta sama usia dengan untanya). Namun para sahabat menjawab: Wahai Rasulullah, kami tidak mendapati unta seperti yang diminta melainkan hanya ada unta yang lebih baik dari itu. Lalu Rasulullah bersabda: Berikan kepadanya (unta yang lebih baik itu). Sesungguhnya sebaik-baik kamu adalah orang yang paling baik dalam menentukan keputusan (hukuman). (**Sahih al-Bukhari, no: 2306**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah bersikap tenang dalam menghadapi tuntutan rakyat. Seorang lelaki telah datang menuntut hutangnya daripada Rasulullah SAW. Namun dia bersikap kasar dalam tuntutan dan kata-katanya sehingga menyebabkan para sahabat terasa ingin bertindak menghalang lelaki tersebut. Gerak hati para sahabat ini boleh dibaca oleh Rasulullah sehingga Baginda mencegah mereka dari melakukan sesuatu bahkan Baginda berusaha menenangkan para sahabat serta cuba melayani tuntutan yang diluahkan oleh lelaki tersebut. Ini adalah sebahagian akhlak yang mesti dipelajari oleh setiap pemimpin.

2. Menurut al-Imam Ibn Hajar, Rasulullah telah meminjam unta dari seorang Badwi. Apabila tiba tempoh pemulangannya, Badwi ini datang menuntut haknya daripada Rasulullah (Fath al-Bari). Benar, kalau diikutkan, lelaki tadi mempunyai hak untuk menuntut hutangnya. Namun sikap kasarnya adalah sesuatu yang tidak wajar dilakukan, apatah lagi buat pemimpin tertinggi negara, malah berlaku dihadapan para sahabat.

   Ketenangan Rasulullah dalam menghadapi situasi ini menunjukkan tingginya adab Baginda dalam menangani karenah manusia. Andai ada pemimpin hari ini yang diperlakukan sebegini, apakah mereka mampu bersabar apabila didesak dengan keras dihadapan rakyat?

3. Apa yang lebih menarik lagi, Rasulullah memulangkan unta yang lebih baik nilainya kepada lelaki tersebut. Sehinggakan Badwi yang bersikap kasar tadi memuji Rasulullah. Dalam riwayat yang lain, al-Imam al-

Bukhari ada menyelitkan pujian lelaki tadi. Dia direkodkan sebagai berkata:

أَوْفَيْتَنِي أَوْفَى اللَّهُ بِكَ

"Engkau telah menyempurnakan hak buat diriku, mudah-mudahan Allah menyempurnakan hak-hak buat dirimu. (Sahih al-Bukhari, no: 2305)

HADIS 17: PEMIMPIN JANGAN TUTUP PINTU UNTUK RAKYAT

قَالَ عَمْرُو بْنُ مُرَّةَ لِمُعَاوِيَةَ: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «مَا مِنْ إِمَامٍ يُغْلِقُ بَابَهُ دُونَ ذَوِي الحَاجَةِ، وَالخَلَّةِ، وَالمَسْكَنَةِ إِلَّا أَغْلَقَ اللَّهُ أَبْوَابَ السَّمَاءِ دُونَ خَلَّتِهِ، وَحَاجَتِهِ، وَمَسْكَنَتِهِ»

Maksudnya: Saidina Amru bin Murrah RA berpesan kepada Saidina Muawiyyah RA, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada seorang pemimpin yang menutup pintu-pintu mereka dari rakyat yang memerlukan, atau (menghalang dari) yang ingin mengadu atau yang miskin, melainkan Allah akan menutup pintu langit (dari memberi bantuan buatnya) terhadap segala aduannya, hajatnya atau kemiskinannya. (**Jami' al-Tirmizi, no: 1332** - Hadis Sahih)

ULASAN

1. Hadis ini adalah satu penegasan dari Rasulullah yang melarang para pemimpin agar jangan menutup sebarang ruang buat rakyat untuk mengadu masalah mereka. Bahkan Rasulullah memberikan ancaman bahawa pemimpin yang menutup ruang komunikasi dengan rakyat akan dikenakan balasan yang setimpal iaitu Allah akan menutup ruang rahmat baginya. Bukankah manusia ini hidup dengan rahmat Allah?

2. Melihatkan kepada beratnya kesalahan pemimpin yang menyekat ruang antara dia dengan rakyat, al-Imam Ibn Hajar al-Haitami meletakkan hadis ini di dalam kumpulan kesalahan yang boleh dianggap sebagai dosa besar. Hadis ini dimuatkan oleh beliau di dalam karyanya yang berjudul "al-Zawajir 'an Iqtiraf al-Kabair" (Larangan Tegas Dari Mendekati Dosa-dosa Besar).

3. Al-Imam Ibn Hajar menjelaskan bahawa ancaman yang keras ini diberikan kepada pemimpin sekiranya ia dilakukan dengan sengaja sehingga menyebabkan hak-hak rakyat terabai. Kata Ibn Hajar:

   فيه وعيد شديد لمن كان حاكما بين الناس فاحتجب لغير عذر لما فيه من
   تأخير إيصال الحقوق أو تضييعها والفرق بين الحاجة والخلة والفقر

   "Dalam hadis ini terdapat satu ancaman yang keras bagi para pemimpin yang menutup ruang hubungan di antara dia dengan rakyat lalu dia menghalang mereka (secara sengaja) tanpa uzur yang dibenarkan. Tindakan (menutup ruang dengan rakyat) ini menyebabkan tertangguhnya atau terhalang hak-hak yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat yang memerlukan dari kalangan orang miskin (dan sebagainya). (Fayd al-Qadir)

4. Melalui hadis ini juga al-Imam al-San'ani turut menegaskan bahawa adalah menjadi salah satu daripada kewajipan para pemimpin untuk memudahkan urusan rakyat. Kata al-Imam al-San'ani:

وَالْحَدِيثُ دَلِيلٌ عَلَى أَنَّهُ يَجِبُ عَلَى مَنْ وَلِيَ أَيَّ أَمْرٍ مِنْ أُمُورِ عِبَادِ اللَّهِ أَنْ لَا يَحْتَجِبَ عَنْهُمْ وَأَنْ يُسَهِّلَ الْحِجَابَ لِيَصِلَ إِلَيْهِ ذُو الْحَاجَةِ مِنْ فَقِيرٍ وَغَيْرِهِ

"Hadis ini adalah satu dalil (yang jelas) bahawa sesungguhnya adalah menjadi kewajipan buat mereka yang memimpin urusan rakyat agar tidak menghalang (komunikasi dengan mereka) bahkan hendaklah mereka memudahkan urusan supaya sampai kepada mereka (hak-hak rakyat) yang memerlukan daripada orang-orang yang fakir dan sebagainya. (Subul al-Salam)

5. Bagaimanapun al-Imam al-Shaukani menjelaskan bahawa sekiranya terdapat ancaman keselamatan andai dibuka ruang atau pintu yang luas di antara pemimpin dengan rakyat, maka ketika itu para pemimpin dibenarkan untuk menutup pintu mereka atau menyediakan penjaga pintu.

   Al-Syaukani berhujah dengan hadis Abu Musa al-Asy'ari yang pernah menjadi pengawal pintu Rasulullah di sebuah kebun di Madinah bagi menjaga keselamatan Rasulullah. Kata Abu Musa:

   لَأَكُونَنَّ اليَوْمَ بَوَّابَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَمْ يَأْمُرْنِي

   "Aku akan menjadi penjaga pintu Rasulullah pada hari ini sekalipun tidak diarahkan oleh Baginda untuk melakukan sedemikian. (Sahih al-Bukhari, no: 7097)

6. Begitulah seharusnya setiap pemimpin tidak menutup pintu serta ruang komunikasi mereka dengan rakyat. Ini bagi memastikan tiada hak rakyat yang terhalang kerana tindakan sebegini. Mereka bagaimanapun dibenarkan untuk mengawal ruang ini bagi tujuan keselamatan dan keamanan.

HADIS 18: PEMIMPIN ADIL TIDAK MEMILIH KETIKA MENGENAKAN HUKUMAN

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ قُرَيْشًا أَهَمَّهُمْ شَأْنُ المَرْأَةِ المَخْزُومِيَّةِ الَّتِي سَرَقَتْ، فَقَالُوا: وَمَنْ يُكَلِّمُ فِيهَا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ؟ فَقَالُوا: وَمَنْ يَجْتَرِئُ عَلَيْهِ إِلَّا أُسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ، حِبُّ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَكَلَّمَهُ أُسَامَةُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَتَشْفَعُ فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ، ثُمَّ قَامَ فَاخْتَطَبَ، ثُمَّ قَالَ: إِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ قَبْلَكُمْ، أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ تَرَكُوهُ، وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيفُ أَقَامُوا عَلَيْهِ الحَدَّ، وَايْمُ اللَّهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا"

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah RA, dia menceritakan bahawa sesungguhnya Quraysh pernah merasa bimbang tentang kes seorang wanita Bani Makhzum (bangsawan elit) yang mencuri. Mereka berkata: Siapa yang berani menyampaikan perkara ini kepada Rasulullah? Tiada siapa yang berupaya melakukannya melainkan Usamah, (ini kerana Usamah) adalah orang kesayangan Rasulullah. (Lalu Quraysh menghantar Usamah untuk berbincang dengan Rasulullah tentang perkara ini) Maka Usamah pun bercakap dengan Rasulullah (berhubung isu ini). (Mendengar kata-kata Usamah) Rasulullah segera bersabda:

Apakah kamu ingin meminta syafaat (keringanan hukuman) dalam isu hukum hudud Allah? Maka Rasulullah pun bangun dan berkhutbah: Sesungguhnya telah binasa umat sebelum kamu kerana tindakan mereka yang apabila orang-orang kenamaan yang mencuri, mereka melepaskan kumpulan ini. Namun apabila yang mencuri itu adalah orang-orang yang lemah (rakyat biasa) mereka mengenakan hukuman hudud. Demi Allah sekiranya Fatimah binti Muhammad (anakku) mencuri, nescaya aku akan potong tangannya. (**Sahih al-Bukhari, no: 3475**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah bersikap tegas dalam melaksanakan hukuman sekalipun yang melakukan kesalahan adalah dikalangan bangsawan atau kumpulan elit atau keluarganya sendiri. Ini kerana sebahagian pemimpin dilihat mengamalkan sikap ‘pilih kasih’ dalam melaksanakan sistem keadilan. Mereka tidak menjalankan hukuman terhadap golongan bangsawan seperti yang berpangkat Dato’, Tan Sri, Tun dan sebagainya. Tetapi apabila ada rakyat marhaen yang melakukan kesalahan, mereka segera mengenakan tindakan. Sikap pilih kasih ini dikecam oleh Baginda Nabi sehingga Rasulullah melaungkan: “Andai Fatimah binti Muhammad itu mencuri, maka akan ku potong tangannya.”

2. Menurut al-Imam Ibn Hajar, wanita yang mencuri itu dikenali sebagai Fatimah binti al-Asad yang berasal dari Bani Makhzum. Bani Makhzum adalah kabilah bangsawan yang dipimpin oleh tokoh Quraysh yang terkemuka seperti Abu Jahal. Wanita ini dikatakan telah mencuri barang perhiasan pada hari pembukaan Kota Mekah (Fath al-Makkah). Manakala sebahagian riwayat pula menyatakan dia telah

meminjam barang perhiasan dan enggan memulangkan perhiasan tersebut semula dengan menafikan hak orang lain yang mana tindakan ini dilihat seakan mengambil hak orang lain. Lalu Rasulullah mengarahkan agar wanita ini dikenakan hukuman hudud.

Sebahagian keluarga dari Bani Makhzum merasakan yang mereka mempunyai kedudukan yang lebih lalu berusaha untuk berunding dengan Rasulullah dalam isu hukuman ini. Mereka menggunakan Usamah sebagai orang tengah kerana Usamah adalah anak kepada Zaid bin Harithah, anak angkat Nabi. Usamah seolah berpangkat cucu Rasulullah yang dilihat berupaya menyentuh hati Rasulullah. Usaha mereka tidak berhasil apabila Rasulullah SAW bersikap tegas dalam perkara ini bahkan menegaskan bahawa sikap pilih kasih begini menjadi punca kepada kebinasaan kaum terdahulu.'

3. Melalui hadis ini, Rasulullah turut menjelaskan bahawa kaum terdahulu telah ditimpa kebinasaan kerana sikap pilih kasih ini. Tindakan yang tidak adil ini akan meruntuhkan sistem keadilan sekaligus berupaya mencetuskan huru-hara dikalangan rakyat apabila hanya orang-orang tertentu sahaja yang dikenakan hukuman.

4. Dalam sejarah Islam, terdapat beberapa insiden yang menunjukkan keadilan yang dilaksanakan oleh Khalifah sesudah Rasulullah. Ini sepertimana yang dilakukan oleh Saidina Umar bin al-Khattab terhadap Jabalah bin al-Ayham. Jabalah adalah Raja dari kerajaan Ghassasan (sebahagian dari wilayah Parsi) yang dikatakan telah memeluk Islam. Menurut al-Imam Ibn Kathir, Umar sangat gembira dengan keislaman Jabalah. Umar menjemput Jabalah datang ke Madinah bagi meraikan saudara baru yang memeluk Islam ini. (Ibn Kathir, al-Bidayah wa al-Nihayah)

Bagi meraikan Jabalah, Umar mengajak Jabalah menunaikan haji bersama. Ketika Tawaf, Jabalah dikatakan telah memukul seorang lelaki dari Bani Fazarah sehingga memecahkan hidung lelaki tersebut. Umar memanggil Jabalah untuk mengesahkan insiden tersebut. Jabalah mengakui perbuatannya. Di sinilah keadilan Umar terserlah. Umar membuat keputusan agar Jabalah dikenakan hukuman. Jabalah lantas berkata:

كيف وأنا ملك وهو سوقة ؟ فقال : إن الإسلام جمعك وإياه،

فلست تفضله إلا بالتقوى

"Bagaimana boleh aku dihukum sedangkan aku adalah Raja dan lelaki ini hanyalah orang biasa? Lalu Umar berkata: Islam telah menyatukan kamu berdua, engkau tidaklah lebih baik darinya melainkan dengan takwa. (Ibn Kathir, al-Bidayah wa al-Nihayah)

Jabalah meminta tangguh terhadap hukuman tersebut dan diberi masa untuk berfikir. Namun pada malam hari tersebut, Jabalah telah menyusup melarikan diri ke kerajaan Rom untuk meminta perlindungan.

5. Terdapat juga kisah keadilan Saidina Umar yang dikatakan telah mengenakan hukuman ke atas anak kepada Saidina Amru bin al-As. Anak Amru al-As didakwa telah memukul seorang lelaki dari bangsa Qibti. Mereka berdua iaitu anak kepada Amru dan lelaki Qibti tersebut telah berlumba dan apabila kalah, anak Amru dikatakan telah memukul lelaki tersebut.

Apabila berita ini disampaikan kepada Umar, Umar dengan tegas memarahi Amru dan mengeluarkan kata-kata yang sangat masyhur ini:

استعبدتم الناس وقد ولدتهم أمهاتهم أحرارا

"Sejak bila kamu memperhambakan manusia (melakukan manusia lain seperti hamba) sedangkan mereka dilahirkan bebas merdeka? (Kisah ini walaubagaimanapun telah dihukum sebagai kisah yang sangat daif.)[5]

[5] Kisah ini diriwayatkan oleh Ibn Abd al-Hakim dalam Kitab Futh Misr dan Ibn al-Jauzi dalam Kitab Tarikh Umar bin al-Khattab. Sila rujuk Kitab Takhrij Ahadith wa al-Athar fi Kitab Fi Zilal al-Quran, karangan Alawi ibn Abd al-Qadir al-Saqqaf, Dar al-Hijrah, 1995, 1/197.

HADIS 19: LARANGAN MELANTIK PEMIMPIN TERLIBAT RASUAH

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ: «لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي»

عَنْ ثَوْبَانَ قَالَ: «لَعَنَ رَسُولُ اللهِ ﷺ الرَّاشِيَ وَالْمُرْتَشِيَ وَالرَّائِشَ»

Maksudnya: Daripada Saidina Abdullah bin Amru RA, dia berkata: Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah. (**Sunan Abu Daud, no: 3580** - Hadis Sahih)

Daripada Thauban RA dia berkata, Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah, dan orang tengah yang menghubungkan mereka berdua. (**Musnad Ahmad, no: 22399** - Dinilai Sahih li Ghairi oleh al-Arna’ut)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah bersikap sangat tegas dalam perkara yang melibatkan rasuah. Perkataan yang digunakan dalam hadis ini adalah “laknat” yang menggambarkan mereka yang terlibat dengannya berupaya terjebak kepada dosa-dosa besar.

2. Dengan sebab itu al-Imam al-Shawkani menyatakan bahawa pelaku atau penerima rasuah ini boleh dikategorikan sebagai fasiq kerana amaran yang diberikan oleh Rasulullah itu sangat berat. Kata al-Shawkani:

   وَتَحْرُمُ رِشْوَةُ الْحَاكِمِ إجْمَاعًا قَالَ الْإِمَامُ يَحْيَى: وَيُفْسَقُ لِلْوَعِيدِ

   “Dan (hukum) rasuah kepada pemerintah adalah haram secara ijmak. Malah menurut al-Imam Yahya: mereka boleh dikategorkan sebagai fasiq kerana amaran yang berat ini.” (al-Shawkani, Nayl al-Awtar)

3. Manakala al-Imam al-Zahabi pula meletakkan kesalahan rasuah ini sebagai sebahagian daripada dosa besar. Beliau menghuraikan kesan rasuah dari aspek kezaliman yang boleh berlaku kepada orang lain terutama yang terlibat dalam sistem kehakiman dan pemerintahan. Kata al-Zahabi:

   وَأما الْحَاكِم فالرشوة عَلَيْهِ حرَام أبطل بهَا حَقًا أَو دفع بهَا ظلماً

   “Adapun hakim (atau pemerintah itu) maka penerimaan rasuah adalah haram kerana ia akan menjadikan yang benar itu batil, atau berupaya menimbulkan kezaliman berlaku. (al-Zahabi, al-Kaba’ir).

4. Secara umumnya, seorang yang melakukan dosa besar dan digelar sebagai fasiq ini tidak layak dilantik sebagai pemimpin. Ini kerana, syarat asas bagi seorang pemimpin Muslim adalah bersifat adil dan amanah. Pesalah rasuah tidak memiliki dua sifat ini.

5. Al-Imam al-Mawardi membahagikan fasiq kepada dua. (1) Pertama, fasiq dari aspek fizikal iaitu melakukan perkara mungkar dengan fizikal seperti menerima rasuah, melakukan zina atau minum arak. Sekiranya pemimpin melakukan perlakuan ini secara zahir, maka tidak seharusnya mereka dilantik. Kata al-Imam al-Mawardi:

فَأَمَّا الْأَوَّلُ مِنْهُمَا فَمُتَعَلِّقٌ بِأَفْعَالِ الْجَوَارِحِ، وَهُوَ ارْتِكَابُهُ لِلْمَحْظُورَاتِ، وَإِقْدَامُهُ عَلَى الْمُنْكَرَاتِ تَحْكِيمًا لِلشَّهْوَةِ وَانْقِيَادًا لِلْهَوَى، فَهَذَا فِسْقٌ يَمْنَعُ مِنِ انْعِقَادِ الْإِمَامَةِ وَمِنِ اسْتِدَامَتِهَا

"Adapun (jenis fasiq) yang pertama yang berkaitan dengan fizikalnya, iaitu dia melakukan sesuatu yang dilarang, dan mengutamakan kemungkaran dengan berhukum dengan hawa nafsu, ini adalah fasiq yang menjadi penghalang kepada seseorang daripada dilantik sebagai pemerintah atau mengekalkannya.

6. Pesalah rasuah adalah mereka yang telah disabitkan dengan jenayah, yang dinilai sebagai melakukan dosa besar dan dikategorikan sebagai manusia fasiq disisi sarjana muslim. Andai sekiranya seseorang itu telah disabitkan bersalah sebagai penerima, pemberi atau orang tengah kepada proses rasuah, maka adalah tidak boleh bagi kita untuk melantik pemimpin yang sebegini. Kesilapan dalam mengangkat pemipin yang salah berupaya meruntuhkan sistem keadilan Islam.

HADIS 20: MENGHAYATI KEHIDUPAN RAKYAT

عن عُمَرُ بْنُ الخَطَّابِ أنه دَخَل عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، وَإِنَّهُ لَعَلَى حَصِيرٍ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ شَيْءٌ، وَتَحْتَ رَأْسِهِ وِسَادَةٌ مِنْ أَدَمٍ حَشْوُهَا لِيفٌ، وَإِنَّ عِنْدَ رِجْلَيْهِ قَرَظًا مَصْبُوبًا، وَعِنْدَ رَأْسِهِ أَهَبٌ مُعَلَّقَةٌ، فَرَأَيْتُ أَثَرَ الحَصِيرِ فِي جَنْبِهِ فَبَكَيْتُ، فَقَالَ: «مَا يُبْكِيكَ؟» فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ كِسْرَى وَقَيْصَرَ فِيمَا هُمَا فِيهِ، وَأَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ، فَقَالَ: «أَمَا تَرْضَى أَنْ تَكُونَ لَهُمُ الدُّنْيَا وَلَنَا الآخِرَةُ»

Maksudnya: Daripada Umar bin al-Khattab RA, dia telah memasuki rumah Rasulullah SAW dan mendapati Rasulullah berbaring di atas tikar yang tidak ada pelapik di antara tubuh Baginda dengan tikar tersebut. Manakala di kepala Rasulullah pula terdapat bantal yang diperbuat dari kulit yang berisi sabut. Pada kedua kaki Baginda terdapat dedaunan yang jatuh, sementara di kepalanya terdapat kulit yang telah disamak. Lalu aku melihat bekas tikar itu di sebelah sisi tubuh Baginda, dan aku tiba-tiba menangis. Baginda SAW bertanya, "Apa yang menyebabkan engkau menangis (wahai Umar)?" Aku menjawab, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Kisra (Raja Parsi) dan Qaisar (Raja Rom) keduanya berada dalam kesenangan yang indah, sementara Tuan berada dalam keadaan begini. Lalu Rasulullah bersabda: "Apakah engkau tidak redha apabila dunia ini menjadi milik mereka, sedangkan akhirat milik kita?" (**Sahih al-Bukhari, no: 4913**)

ULASAN

1. Perhatikan bagaimana hadis ini menceritakan hidup Rasulullah SAW yang sangat sederhana. Tidur hanya berlapikkan tikar sehingga meninggalkan bekas kepada tubuh Baginda Nabi. Sayu melihat kehidupan Baginda yang amat sederhana ini membuatkan Saidina Umar tersentuh dan menangis. Umar tidak dapat membayangkan bagaimana seorang Raja bagi sebuah umat yang agung ini boleh hidup dalam keadaan yang sangat sederhana. Namun Rasulullah menenangkan dengan prinsip yang sangat jelas, bahawa hidup ini hanyalah sebuah persinggahan, sedangkan akhirat itu yang kekal abadi.

2. Dalam banyak situasi, Rasulullah berusaha untuk menghayati rakyatnya yang susah, membantu mereka sedaya yang termampu dan menyantuni keperluan rakyat. Sifat ini adalah tabiat atau fitrah semulajadi yang dianugerahkan kepada Baginda. Perkara ini diceritakan sendiri oleh Saidatina Khadijah ketika wahyu mula-mula wahyu diturunkan. Kata Khadijah:

   وَاللَّهِ مَا يُخْزِيكَ اللَّهُ أَبَدًا، إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ، وَتَحْمِلُ الكَلَّ، وَتَكْسِبُ المَعْدُومَ، وَتَقْرِي الضَّيْفَ، وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الحَقِّ

   “Demi Allah, Allah tidak akan mensia-siakanmu. Sesungguhnya engkau adalah orang yang menghubungkan silaturrahim, membantu orang yang kesusahan, mengusahakan bagi yang kehilangan, menyantuni

orang yang lemah, memuliakan serta membantu mereka yang menegakkan kebenaran. (Sahih al-Bukhari, no: 3)

Perhatikan bagaimana Khadijah menyebutkan satu-persatu karakter Rasulullah ketika Baginda pulang dalam keadaan menggigil kerana pertama kali berjumpa dengan Jibril pada wahyu pertama. Khadijah cuba menenangkan Rasulullah dengan menyebut semua sifat baik Rasulullah sebelum menjadi Nabi lagi. Inilah karakter sebenar seorang pemimpin. Sebelum diangkat menjadi pemimpin lagi mereka adalah golongan yang amat suka membantu golongan yang susah dan memerlukan.

3. Sifat Rasulullah yang selalu menghayati kesusahan rakyat ini turut diselami oleh Saidina Umar. Menurut Saidina Anas bin Malik, ketika pemerintahan Umar, harga barangan telah naik mendadak sehingga Umar sendiri membeli roti yang biasa dibeli oleh rakyat bagi menghayati kesusahan mereka. Kata Anas:

غلا الطعام على عهد عمرَ بنِ الخطاب، فأكل عمر خبز الشعير، وكان قبل ذلك لا يأكله، فاستنكره بطنُه فصوَّت، فضربه بيده وقال: هو والله كما ترى؛ يوسع الله على المسلمين

"Harga barang telah menjadi mahal ketika zaman pemerintahan Umar bin al-Khattab. Lalu Umar hanya memakan roti yang diperbuat dari gandum gred rendah. Sebelum itu beliau tidak pernah makan makanan sedemikian sehingga menyebabkan perutnya sendiri berbunyi, lalu dia

memukul perutnya dengan tangannya dan berkata: Demi Allah, ini semua adalah seperti yang kamu lihat, mudah-mudahan Allah melapangkan urusan kaum muslimin. (al-Tartushi, Siraj al-Muluk).

4. Begitulah sifat yang ditunjukkan oleh Baginda SAW dan para sahabat agar dapat dijadikan teladan buat para pemimpin. Adalah tidak salah untuk pemimpin menikmati hidup yang senang dan mewah, namun janganlah sampai melupakan hak rakyat yang memerlukan.

HADIS 21: KEUTAMAAN MEMIMPIN KESATUAN

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِنَّ اللهَ يَرْضَى لَكُمْ ثَلَاثًا، وَيَكْرَهُ لَكُمْ ثَلَاثًا، فَيَرْضَى لَكُمْ: أَنْ تَعْبُدُوهُ، وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا، وَأَنْ تَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا، وَيَكْرَهُ لَكُمْ: قِيلَ وَقَالَ، وَكَثْرَةَ السُّؤَالِ، وَإِضَاعَةِ الْمَالِ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah SWT redha ke atas kamu tiga perkara dan membenci tiga perkara. Allah redha buat kamu iaitu: (1) kamu menyembahNya, (2) tidak menyekutukanNya dan (3) kamu semua berpegang kepada tali Allah dan tidak berpecah belah. Manakala Allah membenci tiga perkara iaitu: (1) berkata itu dan ini (terlalu banyak berkata-kata), (2) terlalu banyak persoalan dan (3) mensia-siakan harta. (**Sahih Muslim, no: 1715**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah meletakkan arahan supaya umat ini bersatu padu disebutkan setelah diperintah untuk mentauhidkan diri kepada Allah. Susunan ini menggambarkan seolah-olah perkara yang paling utama untuk dilaksanakan setelah daripada

kita mengesakan Allah adalah arahan agar umat ini sentiasa berpegang kepada tali Allah, sentiasa bersatu padu dan tidak berpecah belah. Ini adalah perintah yang mesti dihayati oleh setiap pemimpin. Seorang pemimpin muslim wajib membimbing umat Islam ke arah kesatuan dan menjauhkan umat ini daripada perpecahan.

2. Menurut al-Imam al-Nawawi, yang dimaksudkan dengan tali Allah ini adalah berpegang teguh kepada ajaran al-Quran yang menyatukan hati dan kefahaman umat Islam. Kata al-Nawawi:

وَأَمَّا الِاعْتِصَامُ بِحَبْلِ اللَّهِ فَهُوَ التَّمَسُّكُ بِعَهْدِهِ وَهُوَ اتِّبَاعُ كِتَابِهِ الْعَزِيزِ
وَحُدُودِهِ وَالتَّأَدُّبِ بِأَدَبِهِ

"Dan yang dimaksudkan dengan berpegang pada tali Allah itu adalah berpegang dengan perjanjianNya iaitu dengan mengikuti Kitab Allah, segala peraturan dan hukumNya dan beradab dengannya." (Sharh Muslim li al-Nawawi)

3. Namun, Saidina Abdullah ibn Mas'ud mempunyai kefahaman yang sedikit berbeza. Bagi beliau, tali Allah disini adalah taat dan kesetiaan pada jemaah. Kata Ibn Mas'ud:

أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللهَ، وَعَلَيْكُمْ بِالطَّاعَةِ، وَالْجَمَاعَةِ فَإِنَّهُمَا حَبْلُ اللهِ الَّذِي
أَمَرَ بِهِ

"Wahai manusia, takutlah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu taat kepada pemerintah dan jemaah. Sesungguhnya kedua itu (taat dan

jemaah) adalah tali Allah sepertimana yang Allah perintahkan ke atas kita. (Mu'jam al-Kabir li al-Tabrani, no: 8971)

Sekiranya kita hayati kedua-dua pandangan ini, ia membimbing kita supaya berpegang kepada jemaah yang menjadikan al-Quran sebagai panduan mereka. Kefahaman terhadap al-Quran akan menyatukan hati-hati umat Islam, manakala berpegang kepada jemaah adalah bagi mengelakkan perpecahan umat yang merugikan.

4. Arahan agar tidak berpecah belah itu adalah sangat jelas. Ia adalah prinsip yang mesti dipegang erat oleh setiap Muslim iaitu berusaha menyatupadukan kesepakatan umat Islam. Kata al-Imam al-Nawawi:

وَلَا تَفَرَّقُوا فَهُوَ أَمْرٌ بِلُزُومِ جَمَاعَةِ الْمُسْلِمِينَ وَتَأَلُّفِ بَعْضِهِمْ
بِبَعْضٍ وَهَذِهِ إِحْدَى قَوَاعِدِ الْإِسْلَامِ

"Dan (arahan supaya) janganlah kamu berpecah belah itu bermaksud hendaklah kamu melazimi jemaah muslimin iaitu dengan mempertautkan hati sesama muslim kerana ini adalah salah satu daripada dasar asas dalam Islam.

5. Perpecahan hanya akan melemahkan umat Islam. Bayangkan bilangan umat Islam yang mencapai angka jutaan penduduk, namun dek kerana perpecahan yang berpunca dari perbezaan parti politik, kefahaman yang berlainan dalam memilih manhaj salaf atau khalaf, atau penyertaan persatuan yang berbeza menyebabkan mereka menjadi lemah dan dipandang hina. Umat Islam seharusnya mencari satu titik

kesatuan dan kesepakatan. Ya! Titik kesepakatan! Percayalah bahawa andai sekiranya muslim sepakat, Islam pasti akan berdaulat!

6. Dipenghujung hadis ini pula, Rasulullah menyebutkan tiga perkara yang mesti dijauhi. Ketiga-tiga perkara ini juga boleh difahami dari aspek membina kesatuan umat. Sikap umat Islam yang terlalu banyak bergosip (berkata-kata) atau terlalu banyak mempersoalkan akan menjadikan mereka saling bergaduh dan berantakan. Manakala sikap membazirkan harta akan melemahkan umat yang memerlukan penguasaan ekonomi dalam mentadbir sebuah negara. Kesemua sikap buruk ini mestilah dielakkan bagi membangunkan umat yang bersatu dan kukuh dalam mendaulatkan Islam di Malaysia ini.

HADIS 22: TIDAK DINAMAKAN ASABIYYAH ORANG YANG MEMBANTU BANGSANYA

عن فُسَيْلَةَ قَالَتْ: سَمِعْتُ أَبِي، يَقُولُ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَمِنَ الْعَصَبِيَّةِ أَنْ يُحِبَّ الرَّجُلُ قَوْمَهُ؟ قَالَ:"لَا، وَلَكِنْ مِنَ الْعَصَبِيَّةِ أَنْ يُعِينَ الرَّجُلُ قَوْمَهُ عَلَى الظُّلْمِ."

Maksudnya: Daripada Fusailah, dia berkata: aku mendengar ayahku berkata: Aku bertanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, adakah boleh dianggap asabiyyah sekiranya seseorang itu mencintai kaumnya? Rasulullah berkata: Tidak (dianggap asabiyyah orang yang mencintai kaumnya) tetapi asabiyyah itu adalah orang yang membantu kaumnya atas kezaliman. (**Musnad Ahmad, no: 1742** - dinilai Hasan oleh al-Arna'ut)

ULASAN

1. Dalam hadis ini Rasululah menjawab kekeliruan yang ditanya oleh seorang sahabat bernama Wathilah bin al-Asqa' tentang konsep asabiyyah. Lalu Baginda Nabi menjelaskan bahawa orang yang menyayangi dan membantu bangsanya itu tidaklah disifatkan sebagai asabiyyah. Tetapi yang dimaksudkan oleh asabiyyah adalah mereka yang membantu kaumnya atas tujuan kezaliman seperti menaikkan

bangsanya dengan penipuan atau rasuah. Akan tetapi, sekiranya dia membantu bangsanya dengan jalan yang bersih dan baik, ia tidak boleh dianggap sebagai asabiyyah.

2. Perhatikan bagaimana Rasulullah memuji kaum al-Asy'ariyyun yang saling bantu membantu ketika mereka susah. Rasulullah memuji sikap kaum ini bahkan menganggap diri Baginda sendiri sebagai sebahagian dari kaum al-Asy'ariyyun.[6] Sabda Rasulullah:

إِنَّ الأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الغَزْوِ، أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ، ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ، فَهُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ

"Sesungguhnya kaum al-Asy'ariyyun itu apabila mereka kekurangan makanan di medan perang atau kekurangan makanan keluarga mereka di Madinah, mereka akan himpunkan apa yang ada pada mereka dalam satu kain. Kemudian mereka membahagikan dalam satu bekas dengan sama rata. Sesungguhnya mereka daripadaku dan aku daripada mereka." (Sahih al-Bukhari, no: 2486)

3. Lihatlah hadith ini bagaimana Rasulullah memuji kaum al-Asy'ariyyun yang saling bantu-membantu sesama mereka ketika susah. Ketika menghuraikan hadith ini, al-Imam al-Nawawi menyatakan:

[6] Penjelasan dari aspek dakwah tentang kaum al-Asy'ariyyun ini telah diterangkan di dalam kitab, Azmi, A. S. (2020). 40 Hadis tentang Dakwah dan Tarbiah. (Ulum Hadith Research Centre, 2020).

في هذا الحديث فضيلة الأشعريين , وفضيلة الإيثار والمواساة

"Hadis ini menunjukkan kelebihan kaum al-Asy'ariyyun dan kelebihan sifat ithar (iaitu saling mengutamakan sesama Muslim) dan saling bantu membantu." (Sharh Muslim li al-Nawawi)

4. Bahkan Rasulullah memuji kaum al-Asy'ariyyin yang mencintai Islam dan banyak berkorban untuk Islam. Sabda Rasulullah:

يقدم عليكم غدًا أقوام هم أرق قلوبًا للإسلام منكم، قال – رضي الله عنه :
فقدم الأشعريون، فيهم أبو موسى الأشعري

"Esok akan datang kepada kamu satu kaum yang hati mereka sangat lembut untuk Islam daripada kamu. (Lalu kata Saidina Anas), maka datanglah keesokan harinya kaum al-Asy'ariyyun dan dikalangan mereka terdapat seorang sahabat yang masyhur iaitu Abu Musa al-Asy'ari."

5. Malah apa yang lebih menarik lagi, Allah memuji Abu Musa al-Asy'ari dan kaumnya dari al-Asy'ariyyun ini yang menangis kerana tidak dapat turut serta menyertai medan jihad kerana kekurangan harta. Firman Allah:

وَلا عَلَى الَّذِينَ إِذَا مَا أَتَوْكَ لِتَحْمِلَهُمْ قُلْتَ لا أَجِدُ مَا أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ تَوَلَّوا
وَأَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ حَزَنًا أَلَّا يَجِدُوا مَا يُنفِقُونَ

“Dan tidak juga berdosa mereka yang ketika datang kepadamu (memohon) supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, engkau berkata: "Tidak ada padaku kenderaan yang hendak kuberikan untuk membawa kamu (untuk berjihad)", mereka kembali sedang mata mereka mengalirkan airmata yang bercucuran, kerana sedih bahawa mereka tidak mempunyai sesuatupun yang hendak mereka belanjakan (untuk pergi berjihad pada jalan Allah).

6. Perhatikan di sini bagaimana Allah memuji kaum al-Asy’ariyyun kerana sifat mereka suka membantu Islam. Rasulullah memuji mereka kerana saling membantu sesama mereka.

7. Kesungguhan mereka membantu sesama kaum mereka tidak pernah dianggap oleh Rasulullah sebagai asabiyyah jahiliah. Tetapi asabiyyah jahiliah adalah membantu kaum mereka dalam perjuangan kezaliman dan kemungkaran. Inilah yang perlu dihayati oleh pemimpin muslim. Tidak salah membantu kaum mereka selagi mana tidak ada perbuatan mereka yang menyalahi peraturan syarak. Membangunkan kaum dan membantu mereka tidak boleh sewenangnya disifatkan sebagai asabiyyah.

HADIS 23: KELEMAHANAN SISTEM DEMOKRASI

عن عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا , قَالَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «مَا بَالُ رِجَالٍ يَشْتَرِطُونَ شُرُوطًا لَيْسَتْ فِي كِتَابِ اللَّهِ، مَنِ اشْتَرَطَ شَرْطًا لَيْسَ فِي كِتَابِ اللَّهِ، فَهُوَ بَاطِلٌ شَرْطُ اللَّهِ أَحَقُّ وَأَوْثَقُ»

Maksudnya: Daripada Aisyah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Apakah yang difikirkan oleh sekumpulan lelaki yang meletakkan syarat yang tidak terdapat di dalam Kitabullah. Barangsiapa yang meletakkan syarat selain dari apa yang termaktub dalam Kitabullah, maka ia adalah batil. Syarat yang diletakkan oleh Allah adalah lebih benar dan lebih dipercayai. (**Sahih al-Bukhari, no: 2560**)

ULASAN

1. Hadis ini secara asasnya mempunyai perkaitan dengan isu pembebasan seorang hamba bernama Barirah. Beliau telah datang mengadu kepada Saidatina Aisyah untuk membebaskan dirinya dari perhambaan. Namun Tuannya mengenakan syarat yang agak aneh iaitu Barirah tidak boleh dibebaskan melainkan setelah pembayaran wang tebusan berlaku selama sembilan tahun. Perkara ini diadukan kepada Rasulullah lalu Rasulullah menegur perbuatan majikan yang mengenakan syarat

yang aneh ini. Rasulullah memerintahkan kepada Aisyah supaya mendapatkan wang yang secukupnya untuk membebaskan Barirah.

2. Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam Ibn Taimiyyah menjelaskan bahawa sekalipun hadis ini adalah respon Rasulullah kepada isu berkaitan pembebasan hamba bernama Barirah ini, namun ia turut boleh diaplikasikan kepada semua bentuk perjanjian yang lain. Kata Ibn Taimiyyah:

   وَهَذَا الْحَدِيثُ الشَّرِيفُ الْمُسْتَفِيضُ الَّذِي اتَّفَقَ الْعُلَمَاءُ عَلَى تَلَقِّيه بِالْقَبُولِ، اتَّفَقُوا عَلَى أَنَّهُ عَامٌّ فِي الشُّرُوطِ فِي جَمِيعِ الْعُقُودِ

   "Hadis ini adalah hadis yang masyhur yang telah diterima oleh semua ulama, mereka turut bersepakat menyatakan bahawa hadis ini turut melibatkan segala syarat yang melibatkan segala jenis perjanjian (iaitu tidak semestinya syarat-syarat perjanjian dalam perniagaan atau perhambaan sahaja)

3. Hadis ini memberikan kita satu pengajaran yang sangat penting iaitu segala perjanjian atau ketetapan yang dilakukan oleh pemimpin pada hari ini mestilah selaras dengan kehendak syariat. Apa yang membimbangkan, dalam era demokrasi ini, kita lebih menerima pandangan majoriti sedangkan pandangan majoriti ini tidak semestinya bertepatan dengan syarak.

4. Sebagai contoh, andai sekiranya parlimen secara majoritinya bersetuju untuk membenarkan perlakuan terkutuk seperti LGBT atau penafsiran al-Quran melalui neraca liberal, maka ketetapan atau penentuan

sebegini sepatutnya tidak boleh diterima oleh pemimpin muslim. Pemimpin muslin seharusnya menilai segala syarat atau butir penentuan perundangan atau ketetapan selaras dengan kehendak syarak.

5. Sistem demokrasi yang menentukan kerangka undang-undang berdasarkan suara majoriti rakyat juga haruslah meletakkan al-Quran dan hadis sebagai neraca pertimbangan yang tertinggi. Ini kerana, suara yang ramai tidak semestinya mewakili kebenaran. Perhatikan dalam al-Quran bagaimana Allah menunjukkan banyak contoh tentang suara majoriti yang ramai tetapi mereka mewakil kebatilan.

6. Mari kita teliti kisah Nabi Ibrahim yang berhujah dengan kaumnya yang ramai. Andai kebenaran itu dinilai dengan penentuan majoriti, sudah tentu kita akan beranggapan bahawa Nabi Ibrahim itu adalah salah. Tetapi Allah menyebelahi Nabi Ibrahim dan menegaskan bahawa suara Nabi Ibrahim itu sekalipun keseorangan, ia dianggap sebagai mewakili sebuah ummah. Firman Allah:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِّلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

"Sesungguhnya Nabi Ibrahim adalah merupakan "satu umat" (walaupun Ia seorang diri); dia berdiri teguh di atas dasar tauhid; dan dia tidak pernah menjadi dari orang-orang yang musyrik." (Surah al-Nahl, 120)

7. Malah dalam al-Quran, Allah turut menempelak mereka yang menyangka bahawa pandangan majoriti itu mewakili kebenaran. Firman Allah:

    وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ

    "Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah." (Surah al-An'am: 16) Perhatikan dalam ayat ini bagaimana Allah mengajak kita berfikir bahawa mengikuti jumlah pandangan yang ramai atau majoriti tidak semestinya membawa kepada kebenaran bahkan berupaya menyesatkan kita.

8. Dengan itu setiap pemimpin muslim mestilah bijak dalam menilai segala ketetapan, syarat, perjanjian atau penentuan perundangan. Syariat Islam mestilah dijadikan neraca utama pertimbangan dalam penentuan sesuatu perkara. Dan suara majoriti yang diutarakan di dalam parlimen tidak semestinya mewakili kebenaran.

HADIS 24: KEPIMPINAN BERTUJUAN MENDAULATKAN ISLAM

جَابِرَ بْنَ سَمُرَةَ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «لَا يَزَالُ الْإِسْلَامُ عَزِيزًا إِلَى اثْنَيْ عَشَرَ خَلِيفَةً»، ثُمَّ قَالَ كَلِمَةً لَمْ أَفْهَمْهَا، فَقُلْتُ لِأَبِي: مَا قَالَ؟ فَقَالَ: «كُلُّهُمْ مِنْ قُرَيْشٍ»

Maksudnya: Daripada Jabir bin Samurah RA: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Agama Islam ini akan sentiasa mulia (dan agung) sehinggalah kepada dua belas orang Khalifah. Kemudian Baginda mengucapkan perkataan yang aku tidak faham, lalu aku bertanya kepada ayahku tentang ucapan Baginda. Lalu dia berkata: Semuanya (Khalifah itu) adalah daripada Quraysh. (**Sahih Muslim, no: 1821**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah mengaitkan kemuliaan Islam dengan kepimpinan Khalifah. Ini adalah satu petunjuk yang sangat jelas bahawa kepimpinan bukan sekadar urusan mentadbir dunia, akan tetapi ia adalah mekanisme untuk memelihara dan mendaulatkan agama.

2. Dalam kitab Fath al-Bari, al-Imam Ibn Hajar menjelaskan bahawa terdapat tiga pandangan yang berbeza mengenai siapakah 12 khalifah

yang dimaksudkan di dalam hadis di atas yang dikatakan memperjuang dan menjadikan Islam agama yang agung. (1) Pandangan pertama mengatakan bahawa dalam tempoh tertentu setelah Rasulullah, terdapat 12 orang Khalifah yang berjuang mendaulatkan agama Islam. (2) Pandangan kedua pula datang dari Abu al-Husain bin al-Munadi yang merasakan bahawa 12 khalifah ini datang setelah munculnya Imam Mahdi. Kesemua khalifah ini bangun menegakkan agama Allah. (3) Manakala pandangan yang ketiga pula mengambil kira dalam seluruh tempoh kewujudan Islam di muka bumi ini, terdapat 12 khalifah yang bangun mendaulatkan agama Islam. (Ibn Hajar, Fath al-Bari)

Al-Imam Ibn Hajar sendiri menghadapi kesukaran dalam menentukan maksud hadis ini. Apapun, mesej utama yang ingin disampaikan oleh Rasulullah adalah tujuan kepimpinan Islam bukan sekadar mengurus tadbir dunia semata, tapi membangun dan menjadikan Islam *izzah* iaitu mulia.

3. Dalam menghuraikan tentang topik kepimpinan Islam, al-Imam al-Mawardi memberikan definisi pemerintahan Islam sebagai: kesinambungan daripada khilafah (pemerintahan) kenabian yang menjaga agama dan mengurus tadbir dunia. Aspek yang ditekankan oleh beliau di sini adalah:

حراسة الدين وسياسة الدنيا به

"Menjaga agama dan mengurus tadbir dunia. (al-Ahkam al-Sultaniyyah, 5)

4. Penggunaan istilah yang sama ini digunapakai oleh Ibn Khaldun dan juga al-Juwaini di dalam karyan mereka (Ibn Khaldun, Muqaddima, 190). Al-Imam al-Nasafi dan al-Imam al-Iji pula menggunakan istilah yang lebih menarik iaitu:

   نيابة عن الرسول عليه السلام في إقامة الدين بحيث يجب على كافة الأمم الاتباع

   “Menggantikan (membantu kepimpinan) yang ditinggalkan oleh Rasulullah dalam membangunkan agama yang wajib bagi setiap umat. (al-Nasafi, al-Aqaid al-Nasafiyya, 179; al-Iji, al-Mawaqif, 395).

5. Perhatikan istilah yang dipilih oleh al-Imam al-Nasafi dan al-Iji ini. Mereka meletakkan definisi kepimpinan bukan sahaja mengurus tadbir dunia dengan baik, bahkan membangunkan agama.

6. Definisi-definisi yang ditampilkan oleh sarjana Muslim ini menunjukkan bahawa dalam pemerintahan Islam, kita bukan sekadar menjanjikan tadbir kelola yang baik bahkan membangun dan menguruskan urusan agama dengan cermat. Ini adalah kerana kita bukan sekadar inginkan pembangunan ekonomi yang mampan dan kehidupan dunia yang bahagia bahkan kita mahukan pembangunan manusia yang sejahtera.

7. Dengan sebab itu kita lihat, ketika Rasulullah diutuskan, keadaan perdagangan Quraysh dilihat aktif dan lancar. Ini menunjukkan pembangunan ekonomi yang baik. Pun begitu, Allah mengutuskan Rasul kepada mereka bagi mewujudkan keadaan negara yang lebih baik. Rasulullah memperbaiki sistem masyarakat yang meruncing,

memperkemas sistem kekeluargaan yang tidak teratur dan membangunkan institusi kekeluargaan yang lebih sempurna.

8. Inilah prinsip asas yang wajib difahami oleh setiap pemimpin muslim bahawa kuasa kepimpinan bukan sekadar urustadbir dunia yang baik tetapi memelihara bahkan membangunkan Islam di Malaysia ini.

HADIS 25: PEMIMPIN BIARLAH MUSLIM

عَنْ عَائِشَةَ، زَوْجِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهَا قَالَتْ: خَرَجَ رَسُولُ اللهِ ﷺ قِبَلَ بَدْرٍ، فَلَمَّا كَانَ بِحَرَّةِ الْوَبَرَةِ أَدْرَكَهُ رَجُلٌ قَدْ كَانَ يُذْكَرُ مِنْهُ جُرْأَةٌ وَنَجْدَةٌ، فَفَرِحَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللهِ ﷺ حِينَ رَأَوْهُ، فَلَمَّا أَدْرَكَهُ قَالَ لِرَسُولِ اللهِ ﷺ جِئْتُ لِأَتَّبِعَكَ، وَأُصِيبَ مَعَكَ، قَالَ لَهُ رَسُولُ اللهِ ﷺ: «تُؤْمِنُ بِاللهِ وَرَسُولِهِ؟» قَالَ: لَا، قَالَ: «فَارْجِعْ، فَلَنْ أَسْتَعِينَ بِمُشْرِكٍ».

Maksudnya: Daripada Aisyah RA isteri Rasulullah SAW, dia berkata bahawa Rasulullah SAW telah keluar menuju ke Badar (bagi tujuan perang). Apabila sampai di Harratul Wabarah, mereka telah didatangi oleh seorang lelaki. Lelaki ini dikenali sebagai sangat berani dan boleh mendapatkan kemenangan (dalam perang). Lalu bergembiralah para sahabat Rasulullah ketika melihat kedatangan lelaki ini. Apabila dia sampai kepada Rasulullah, dia pun berkata: Aku datang untuk mengikuti mu (wahai Rasulullah) dan berperang bersamamu. Lalu Rasulullah SAW bertanya: Apakah kamu beriman kepada Allah dan RasulNya. Lelaki ini menjawab: Tidak. Lalu Rasulullah bersabda: Pulanglah, kerana sesungguhnya kami tidak akan meminta bantuan daripada lelaki musyrik." (**Sahih Muslim, no: 1817**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah menolak untuk menerima tawaran dari orang kafir dalam memperjuangkan agama Allah. Perjuangan mendaulatkan Islam mestilah dipimpin oleh muslim sendiri. Salah satu tugas kepimpinan dalam Islam adalah membangun serta memperjuangkan agama Allah, maka adalah sebaiknya pemimpin itu dilantik dalam kalangan muslim. Hanya urusan tertentu sahaja yang diberikan kelonggaran untuk menerima kepimpinan bukan Islam.

2. Dalam Islam, pemimpin tertinggi kaum muslimin hendaklah dilantik dikalangan muslim juga. Ini adalah kerana, pengurusan pentadbiran dalam Islam, bukan sekadar mentadbir negara tetapi memelihara Islam itu sendiri. Dengan sebab itu al-Imam al-Mawardi menyebutkan:

   الإمامة موضوعةٌ لِخلافة النُّبوة في حراسة الدِّين وسياسة الدُّنيا

   "Kepimpinan itu adalah kesinambungan peninggalan kenabian dalam menjaga agama dan mentadbir urusan dunia" (al-Ahmad al-Sultaniyyah, 5)

3. Bahkan Allah menegaskan dalam al-Quran bahawa kepimpinan kaum muslimin seharusnya diberikan kepada muslim. Tidak seharusnya muslim melantik non-muslim menjadi peminpin. Firman Allah:

   ﴿ وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴾

“Dan Allah tidak menjadikan jalan buat orang-orang kafir (untuk menjadi pemimpin) ke atas orang-orang mukmin.” (Surah al-Nisa: 141)

4. Ketika menghuraikan ayat ini, al-Imam Ibn al-Arabi menjelaskan bahawa berdasarkan ayat ini, mulim yang melantik non-muslim sebagai pemimpin mereka dilihat telah melakukan perkara yang bertentangan dengan syarak. (al-Qurtubi, Jami li Ahkam al-Quran)

5. Malah Allah sentiasa mengingatkan orang beriman akan risiko yang dihadapi oleh kaum muslimin sekiranya pemimpin mereka dilantik dari kalangan kafir. Firman Allah:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بِطَانَةً مِنْ دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ الْآيَاتِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi "orang dalam" (teman/pemimpin). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya.” (Surah Ali Imran: 118)

6. Atas dasar itu para fuqaha sependapat bahawa pemimpin kaum muslimin itu hendaklah dilantik dikalangan orang muslim sendiri. Kata al-Qadhi Iyad:

   أجمع العلماءُ على أنَّ الإمامة لا تنعقد لكافر

   "Para ulama telah bersepakat bahawa dalam perihal kepimpinan, orang kafir itu tidak boleh dilantik sebagai pemimpin" (Shrah Sahih Muslim)

7. Al-Imam al-Baihaqi dan Ibn Abi Hatim pernah menukilkan kisah bagaimana Saidina Umar memarahi Abu Musa al-Ash'ari kerana melantik penulis (atau setiausaha) beliau dari kalangan orang Kristian. (al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, no. 20196)

8. Al-Imam Ibn al-Qayyim turut menyuarakan pandangan yang sama. Dalam bab urus tadbir tanah (al-Kharraj), beliau menegaskan tidak sepatutnya kita melantik non Muslim untuk menguruskan bidang kerja yang boleh dilakukan oleh Muslim. (Ibn al-Qayyim, Ahkam Ahl al-Zimmah, 448).

9. Benar, dalam beberapa perkara, Rasulullah memberikan kelonggaran untuk memberikan ruang kerjasama pengurusan dengan non-Muslim. Rasulullah pernah memanfaatkan kepakaran seorang pengembara dari Bani al-Dil yang mahir dalam selok belok perjalanan. Nabi SAW juga pernah menggunakan perkhidmatan pertanian yang ditawarkan oleh yahudi Bani Khaybar ketika di Madinah.

10. Namun dalam urusan perlantikan pemimpin, seeloknya muslimlah yang menjadi pemimpin buat muslim. Sekiranya non-muslim dilantik bekerjasama dengan muslim, pastikan Islam adalah entiti yang dominan dan si non-muslim tadi membantu ke arah merealisasikan matlamat kepimpinan Islam.

HADIS 26: MEMBANGUNKAN EKONOMI UMAT ISLAM

عن الزُّبَيْرِ بْنُ أَبِي أُسَيْدٍ، عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَجُلًا جاءَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ، فَقَالَ: بِأَبِي أَنْتَ وَأُمِّي، إِنِّي قَدْ رَأَيْتُ مَوْضِعًا لِلسُّوقِ، أَفَلَا تَنْظُرُ إِلَيْهِ؟، قَالَ: «بَلَى» ، فَقَامَ مَعَهُ حَتَّى جاءَ مَوْضِعَ السُّوقِ، فَلَمَّا رَآهُ أَعْجَبَهُ وَرَكَضَهُ بِرِجْلِهِ، ثُمَّ قَالَ: «نِعْمَ سُوقُكُمْ هَذَا، فَلَا يُنْتَقَصَنَّ وَلَا يُضْرَبَنَّ عَلَيْهِ خَرَاجٌ»

Maksudnya: Daripada al-Zubair bin Abi Usaid, daripada ayahnya, sesungguhnya seorang lelaki telah datang bertemu dengan Rasulullah dan berkata: Demi ayah dan ibuku, sesungguhnya aku telah menjumpai satu tempat yang sangat sesuai untuk didirikan pasar. Apakah engkau tidak mahu melihatnya? Sabda Rasulullah: Bahkan aku ingin melihatnya. Lalu Rasulullah pun pergi bersama lelaki itu ke tempat pasar tersebut. Apabila Rasulullah melihatnya Rasulullah berasa takjub dengan tempat itu, lalu dihenjakkan kakinya dan berkata: Inilah sebaik-baik tempat pasar perniagaan, maka janganlah kamu kurangkannya (robohkannya) dan janganlah pula dikenakan cukai. (**Mu'jam al-Tabrani, no: 586**)

ULASAN

1. Hadis ini menceritakan tentang usaha awal Rasulullah untuk membangunkan institusi ekonomi di Madinah. Antara tindakan terawal

yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam membangunkan Negara Islam Madinah adalah dengan membina pasar perniagaan bagi orang-orang Muslim. Ketika itu ekonomi Madinah dikuasai oleh Yahudi.

2. Pasar Yahudi Bani Qainuqa' telah menjadi tumpuan aktiviti perdagangan ketika itu. Namun, amalan perniagaan Yahudi tidak selari dengan prinsip Islam. Mereka terkenal dengan konsep riba yang dianjurkan dalam transaksi jual beli mereka sehingga hari ini. Malah di pasar inilah seorang wanita Muslimah telah diganggu kehormatannya.

3. Bagi memecahkan monopoli penguasaan Yahudi terhadap ekonomi Madinah, Rasulullah berusaha membangunkan pasar buat muslim sebagai pusat perdagangan kaum Muslimin di Madinah. Tindakan Baginda ini menimbulkan kemarahan Yahudi lalu mereka menghantar Kaab Bin al-Asyraf, seorang pembesar Yahudi. Kaab datang lalu merobohkan khemah perniagaan yang dibangunkan oleh Baginda Nabi.

4. Bertegas dengan tindakan Kaab yang merobohkan khemah perdagangan pasar kaum Muslimin, Rasulullah menegaskan:

    لا جرم لأنقلنّها إلى موضع هو أغيظ له من هذا

    "Baiklah, kita akan bina pasar yang lebih dimarahi (yang lebih dibimbangi oleh Yahudi) daripada ini!" (al-Samhudi, Wafa al-Wafa', 2/257)

5. Menurut riwayat Ibn Usayd, seorang sahabat mencadangkan tapak yang lebih luas untuk pasar Muslim. Bahkan menurut riwayat Ibn Syabah, Rasulullah sendiri yang menyumbang ke arah pembangunan pusat perdagangan Muslim. Kata beliau:

   أن رسول الله صلّى الله عليه وسلّم تصدق على المسلمين بأسواقهم

   "Sesungguhnya Rasulullah sendiri menyumbang (melaburkan wang kepada pembangunan) pasar-pasar perdagangan kaum Muslim." (al-Samhudi, Wafa al-Wafa', 2/257)

6. Tindakan Rasulullah ini dilihat sebagai usaha bagi membantu ekonomi Muslim. Baginda bahkan menjalankan dasar-dasar baharu bagi menggalakkan kaum Muslimin supaya menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan pertanian.

7. Saidina Uthman juga dikatakan melaburkan sejumlah wang yang banyak bagi membeli "Telaga Rumah," iaitu salah satu telaga yang menjadi punca air di Madinah. Ini semua adalah bagi menjaga kepentingan sumber dan ekonomi orang Islam.

8. Kesannya, ekonomi Madinah yang sebelum itu dimonopoli oleh Yahudi berjaya dipecahkan. Kaum Muslim bersatu dalam membangun dan menyokong ekonomi orang Islam.

9. Begitulah juga keadaan pada hari ini. Pemimpin muslim disarankan untuk membantu untuk membangunkan dan menyokong produk muslim. Dalam masa yang sama, peniaga muslim juga wajib menjaga kualiti produk mereka disamping mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak.

HADIS 27: JANGAN JADI PEMIMPIN YANG DIBENCI RAKYAT

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ، عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالَ: «خِيَارُ أَئِمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُحِبُّونَهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ، وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ وَتُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ، وَشِرَارُ أَئِمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُبْغِضُونَهُمْ وَيُبْغِضُونَكُمْ، وَتَلْعَنُونَهُمْ وَيَلْعَنُونَكُمْ»

Maksudnya: Daripada Auf bin Malik, Rasulullah SAW bersabda: Sebaik-baik pemimpin adalah mereka yang kamu menyukainya dan dia menyayangi kamu. Dia mendoakan kamu dan kamu mendoakan buat mereka. Sedangkan seburuk-buruk pemimpin adalah mereka yang kamu marah kepadanya dan dia turut marah kepada kamu. Kamu melaknatnya dan dia melaknat kamu." (**Sahih Muslim, no: 1855**)

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah menjelaskan kepada kita bahawa salah satu pentanda bahawa seseorang pemimpin itu disayangi rakyat adalah rakyat mendoakan kebaikan buat mereka. Inilah sebaik-baik pemimpin. Manakala seburuk-buruk pemimpin pula adalah bukan sahaja rakyat membencinya bahkan mendoakan laknat ke atas mereka. Ditambah lagi dengan sikap buruk pemimpin tersebut yang turut mencerca dan melaknat rakyatnya sendiri. Dia memburukkan rakyatnya sendiri. Inilah seburuk-buruk pemimpin.

2. Menurut al-Imam al-Munawi dan al-Shawkani, yang menjadikan seorang pemimpin itu disayangi rakyat adalah kerana sikap adil mereka. Kata al-Shawkani:

وَذَلِكَ لِأَنَّهُ إِذَا عَدَلَ فِيهِمْ وَأَحْسَنَ الْقَوْلَ لَهُمْ أَطَاعُوهُ وَانْقَادُوا لَهُ وَأَثْنَوْا عَلَيْهِ

"Dan demikian itu adalah kerana sekiranya seorang pemimpin itu bersikap adil, berkata sopan dengan rakyat akan menjadikan mereka mentaatinya, menjadikannya sebagai ikutan bahkan memuji (dan mendoakan) buat pemimpin itu." (Nayl al-Awtar)

3. Menurut al-Imam al-Shawkani juga, hadis ini menunjukkan keharusan buat rakyat mendoakan buat pemimpin mereka.

4. Beliau turut menjelaskan bahawa yang menyebabkan pemimpin itu dibenci oleh rakyat dan dianggap seburuk-buruk pemimpin adalah kerana sikap zalim mereka terhadap rakyat. Kata al-Shawkani:

كَانَ هُوَ الَّذِي يَتَسَبَّبُ أَيْضًا بِالْجَوْرِ وَالشَّتْمِ لِلرَّعِيَّةِ إِلَى مَعْصِيَتِهِمْ لَهُ وَسُوءِ الْقَالَةِ مِنْهُمْ فِيهِ كَانَ مِنْ شِرَارِ الْأَئِمَّةِ.

"Dan (yang menyebabkan dia menjadi seburuk-buruk pemimpin) kerana dialah yang menjadi penyebabnya iaitu dia bersikap jahat, mencerca rakyat sendiri sehingga menyebabkan rakyat engkar kepadanya dan itulah seburuk-buruk pemimpin." (Nayl al-Awtar)

5. Pesanan Rasulullah ini seharusnya menjadi pedoman buat pemimpin agar tidak menjadi pemimpin yang dibenci oleh rakyat. Mereka seharusnya bersikap adil, tidak menzalimi rakyat dan tidak memburukkan rakyat dengan mencerca mereka.

HADIS 28: MENOLAK LANTIKAN ANAK-BERANAK (NEPOTISME)

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنِ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا مِنْ عِصَابَةٍ وَفِي تِلْكَ الْعِصَابَةِ مَنْ هُوَ أَرْضَى لِلَّهِ مِنْهُ فَقَدْ خَانَ اللَّهَ وخانَ رَسُولَهُ وخانَ الْمُؤْمِنِينَ»

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas RA dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang melantik lelaki dari kaumya sedangkan ada yang lebih diredhai Allah (yang lebih layak dari lelaki tadi), maka sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin. (**Mustadrak al-Hakim, no: 7023** - al-Hakim menilai hadis ini sebagai Sahih al-Isnad, manakala al-Albani menilai hadis ini sebagai daif)

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah mengingatkan kita tentang satu prinsip yang sangat penting dalam kepimpinan iaitu pemilihan kepimpinan mestilah dari kalangan mereka yang benar-benar berkelayakan. Pemilihan bukanlah disebabkan kerana seseorang itu rapat dengan kita atau kerana dia adalah ahli keluarga kita tetapi kerana seseorang itu benar-benar berkemampuan dan berkebolehan memimpin.

2. Inilah pendirian yang biasa diambil oleh sebahagian besar para sahabat. Perhatikan bagaimana sebahagian sahabat melihat anak kepada Saidina Umar iaitu Abdullah bin Umar adalah seorang yang dikatakan layak untuk jadi pemimpin, tetapi Umar sendiri membantahnya. Beliau tidak mahu ada dikalangan anak-beranaknya sendiri menggalas tanggungjawab yang sangat berat ini. Kata Saidina Umar:

من استعمل رجلا لمودة او لقرابة لا يستعمله الا لذلك فقد خان الله ورسوله والمؤمنين

"Barangsiapa yang melantik seorang lelaki menjadi pemimpin disebabkan kerana dia suka kepada lelaki tersebut atau kerana lelaki tersebut adalah ahli kerabatnya, maka sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mukmin. (Ibn Kathir, Musnad al-Faruq, 2/537)

3. Malah Saidina Umar dikatakan sangat berhati-hati dalam urusan perkara yang melibatkan keluarganya. Pernah suatu hari beliau turun meninjau di pasar dan mendapati seekor unta yang sihat dan cantik. Lalu Umar bertanya: Milik siapakah unta ini? Orang awam menjawab: Ini adalah unta Abdullah bin Umar (iaitu anak Saidina Umar). Umar segera memanggil anaknya Abdullah bin Umar dan meminta agar unta ini segera dijual. Alasannya adalah Umar tidak mahu dilihat anaknya mendapat kelebihan memiliki unta yang sihat dan cantik kerana hubungannya dengan ayahnya sebagai seorang pemimpin negara. Kata Umar:

فيقولون: ارْعُوا إِبِلَ ابْنِ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ اسْقُوا إِبِلَ ابْنِ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ

"(wahai anakku), nanti orang ramai akan berkata: Jagalah elok-elok unta anak Amirul Mukminin, berilah minum unta anak Amirul Mukminin (ia sebagai satu bentuk rasuah bahawa sekiranya untanya dijaga dengan elok maka yang menjaga/memberi minum unta tersebut akan dapat syafaat tertentu daripada pemerintah (favoritisme) kerana jasa mereka menjaga unta milik anak VVIP)" (Sunan al-Kabir al-Bayhaqi, Tarikh Ibn Asakir)

4. Malah Ibn Khayyat pernah merekodkan kisah Saidina Muawiyyah yang berhasrat untuk melantik anaknya sebagai pemimpin dan meminta para sahabat yang ada ketika itu untuk berbaiah (melafazkan janji taat setia) kepada anaknya. Lalu beberapa orang sahabat yang masih ada ketika itu membantah lantikan yang bersifat sebegini. Antara yang membantahnya ialah: Abdullah bin Umar, Abdullah bin al-Zubair, Abdullah bin Abbas dan Abd al-Rahman bin Abu Bakar. Abd al-Rahman dikatakan antara yang paling tegas membantah lantikan ini. Beliau menyelar tindakan Muawiyah dengan berkata:

وَالله لَوَدِدْت أَنَا وكلناك فِي أَمر ابْنك إِلَى اللَّه وَإِنَّا وَالله لانفعل وَالله لتردن
هَذَا الْأَمر شُورَى فِي الْمُسلمين

"Demi Allah, aku lebih suka jika kami membiarkanmu sendirian dalam isu pelantikan anakmu ini di hadapan Allah, dan demi Allah kami tidak akan masuk campur! Demi Allah, engkau mesti kembalikan isu ini kepada syura kalangan muslimin." (Tarikh Khalifah Ibn Khayyat)

5. Tindakan melantik anak-beranak (nepotisme) sebagai pemimpin ini dilihat menyamai tradisi kaum Rom dan Parsi. Atas dasar itulah Saidina Abd al-Rahman bin Abu Bakar (anak kepada Saidina Abu Bakar) menyelar tindakan Muawiyyah dan keluarganya tadi sebagai membawa tradisi Rom dan Parsi ke dalam kepimpinan Islam. Kata Abd al-Rahman:

   أَجِئْتُمْ بِهَا هِرَقْلِيَّةً تُبَايِعُونَ لِأَبْنَائِكُمْ

   "Apakah kamu semua membawa (perlantikan kepimpinan ini) melalui kaedah Hercules (Raja Rom) dengan kamu melantik anak-anak kamu sebagai pemimpin? (Ibn Hajar, Fath al-Bari)

6. Dengan itu para pemimpi wajib merealisasikan prinsip ini dengan tegas. Lantikan mestilah berdasarkan kepada kelayakan dan kemampuan. Jangan dilantik wakil rakyat, Menteri atau pemimpin hanya kerana hubungan kekeluargaan sesama mereka.

HADIS 29: JAWATAN BUKAN UNTUK MENDAPATKAN HABUAN

عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ السَّاعِدِيِّ: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اسْتَعْمَلَ ابْنَ الأُتَبِيَّةِ عَلَى صَدَقَاتِ بَنِي سُلَيْمٍ، فَلَمَّا جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَحَاسَبَهُ قَالَ: هَذَا الَّذِي لَكُمْ، وَهَذِهِ هَدِيَّةٌ أُهْدِيَتْ لِي، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «فَهَلَّا جَلَسْتَ فِي بَيْتِ أَبِيكَ، وَبَيْتِ أُمِّكَ حَتَّى تَأْتِيَكَ هَدِيَّتُكَ إِنْ كُنْتَ صَادِقًا»

Maksudnya: Daripada Abi Humayd al-Sa'idi RA, sesungguhnya Rasulullah SAW telah melantik Ibn al-Utbiyyah (sebahagian lafaz menyebut Ibn al-Lutbiyyah) untuk menguruskan zakat Bani Sulaym. Ketikamana dia datang berjumpa dengan Rasulullah, dia mengira (kutipan zakat tersebut lalu mengasingkan sebahagiannya dan berkata): Ini adalah bahagian kamu dan ini adalah hadiah untukku, aku telah diberikan hadiah (kerana menguruskan zakat ini). Lalu Rasulullah (menegurnya dengan) bersabda: Apakah sekiranya engkau duduk di rumah ibu dan ayahmu, apakah mereka akan datang memberikan kamu hadiah juga seperti ini, jika kamu seorang yang benar?" (**Sahih al-Bukhari, no: 7197**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah mendidik para sahabat agar bersikap jujur dengan jawatan yang diberikan. Baginda mengingatkan agar janganlah jawatan itu dijadikan alat perantara untuk seseorang menggunakannya bagi mendapatkan hadiah atau sesuatu projek. Rasulullah memberikan teguran sinis bahawa tanpa jawatan tersebut, lelaki itu tidak akan mampu untuk mendapat hadiah dari rakyat.

2. Pada hakikatnya tidak salah memberikan hadiah. Tetapi dalam situasi ini, pemberian hadiah kepada pemerintah atau pegawai kerajaan boleh membawa kepada ruang fitnah dan mendekati pintu rasuah. Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam al-Khattabi berpesan:

   هذا بيان أن هدايا العمال سحت وأنه ليس سبيلها سبيل سائر الهدايا المباحة وإنما يهدى إليه المحاباة وليخفف عن المهدي ويسوغ له بعض الواجب عليه وهو خيانة منه

   "Hadis ini menjelaskan tentang hadiah-hadiah yang diberikan kepada para pegawai kerajaan adalah sesuatu yang terlarang (satu penipuan). Dan hadiah ini adalah tidak sama sama seperti pemberian hadiah-hadiah yang lain yang dibenarkan. Pemberian hadiah kepada pemerintah (gabenor atau pegawai kerajaan) akan memupuk rasa suka (*favoritism*), ia akan meringankan rasa (untuk memberikan hukuman) kepada si pemberi dan membolehkan (memudahkan) beberapa perkara yang diwajibkan ke atas seseorang. Ini semua adalah (sesuatu yang membawa kepada) pengkhianatan." (al-Khattabi, Ma'alim al-Sunan)

3. Al-Imam al-Munawi pernah merekodkan kisah bagaimana seorang lelaki memberikan hadiah daging peha unta kepada Saidina Umar ketika Umar menjadi Khalifah. Setelah beberapa ketika, lelaki itu dikatakan bergaduh dengan seorang lelaki yang lain dan mengadukan perkara ini kepada Saidina Umar. Lelaki tersebut mengungkit pemberian yang pernah dihadiahkan kepada Saidina Umar. Kata lelaki itu:

   يا أمير المؤمنين اقض لي قضاء فصلا كما يفصل الفخذ من الجزور فضرب بيده على فخذه وقال: الله أكبر اكتبوا إلى الآفاق هدايا العمال غلول

   "Wahai Amirul Mukimin, laksanakanlah hukuman yang putus sepertimana terputusnya daging peha unta. Umar (tersentak mendengar ungkitan lelaki itu) lalu menepuk pehanya dan berkata: "Allahu Akbar! Tulislah surat kepada semua gabenorku di setiap negeri bahawa hadiah yang diberikan kepada pegawai kerajaan (gabenor-gabenor) adalah satu belitan (pengkhianatan)." (Fayd al-Qadir, no: 9600)

4. Al-Imam al-Shawkani pula melihat hadiah kepada pemimpin ini sebagai sebahagian daripada jenis-jenis rasuah. Kata al-Shawkani:

   وَالظَّاهِرُ أَنَّ الْهَدَايَا الَّتِي تُهْدَى لِلْقُضَاةِ وَنَحْوِهِمْ هِيَ نَوْعٌ مِنْ الرِّشْوَةِ؛ لِأَنَّ الْمُهْدِيَ إذَا لَمْ يَكُنْ مُعْتَادًا لِلْإِهْدَاءِ إلَى الْقَاضِي قَبْلَ وِلَايَتِهِ لَا يُهْدِي إلَيْهِ إلَّا لِغَرَضٍ، وَهُوَ إمَّا التَّقَوِّي بِهِ عَلَى بَاطِلِهِ، أَوْ التَّوَصُّلُ لِهَدِيَّتِهِ لَهُ إلَى حَقِّهِ، وَالْكُلُّ حَرَامٌ

"Dan secara zahirnya hadiah-hadiah ini diberikan kepada Kadi (samada pemerintah atau hakim) dan semua yang seumpamanya adalah sebahagian daripada jenis rasuah. Kerana sekiranya si pemberi memberikan sesuatu yang dia tidak pernah berikan sebelum itu kepada orang belum pernah dilantik memegang jawatan, maka pemberian tersebut pasti atas tujuan yang tertentu. Samada si pemberi ingin berselindung dengan pemberiannya atas kebatilan yang dia lakukan, atau dia cuba mendapatkan sesuatu (haknya dengan jalan yang salah) dan semua ini adalah haram." (al-Shawkani, Nayl al-Awtar)

5. Malah hadis ini turut mengingatkan kepada setiap penguasa atau pemerintah supaya meneliti sumber pendapatan yang diperolehi oleh pegawainya. Perhatikan bagaimana Rasulullah menegur hadiah yang diterima oleh Ibn al-Utbiyyah (atau Ibn al-Lutbiyyah).

   Kita bimbang hari ini seandainya ada Menteri yang menjadikan pegawainya sebagai pintu kemasukan hadiah dan rasuah, bahkan pegawai tersebut pula yang menjadi orang tengah dalam urusan perkara-perkara yang dilarang oleh agama. (Dr. Abdullah bin Umar al-Dumaiji, al-Imamah al-Uzma)

HADIS 30: KEWAJIPAN MENTAATI PEMERINTAH

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ ، أَنَّهُ قَالَ: «عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ»،

Maksudnya: Daripada Ibn Umar RA, daripada Nabi SAW, dia bersabda: (Wajib) Ke atas semua muslim untuk mendengar dan mentaati pemerintah samada dalam perkara yang dia suka atau tidak, melainkan sekiranya pemimpin itu memerintahkan kepada perkara maksiat. Sekiranya dia memerintahkan perkaa maksiat, maka tidak perlu didengari dan ditaati. (**Sahih Muslim, no: 1839**)

ULASAN

1. Hadis ini menjelaskan kepada kita satu prinsip asas yang mesti dipegang oleh setiap muslim iaitu mendengar dan taat kepada arahan pemimpin selagimana mereka tidak menyeru kepada perkara maksiat.

2. Menurut al-Imam al-Nawawi kewajipan mentaati pemimpin adalah perintah yang disepakati oleh ulama. Kata al-Nawawi:

أَجْمَعَ الْعُلَمَاءُ عَلَى وُجُوبِهَا فِي غَيْرِ مَعْصِيَةٍ وَعَلَى تَحْرِيمِهَا فِي الْمَعْصِيَةِ نَقَلَ الْإِجْمَاعَ عَلَى هَذَا القاضي

"Para ulama telah bersepakat tentang kewajipan mentaati pemerintah selagimana arahan mereka tidak menyeru kepada maksiat. Dan haram mentaati perintah pemimpin dalam perkara maksiat. Persetujuan ini dinukilkan oleh al-Qadi Iyyad." (Sharah al-Nawawi 'Ala Muslim)

3. Para sarjana muslim turut pernah membahaskan tentang maksiat yang dilakukan oleh pemimpin. Apakah wajib ke atas kita untuk menggugurkan pemimpin yang melakukan maksiat? Menurut al-Imam al-Nawawi, maksiat yang dilakukan oleh mereka tidak menggugurkan mereka dari jawatan mereka. Kata al-Nawawi:

وَقَالَ جَمَاهِيرُ أَهْلِ السُّنَّةِ مِنَ الْفُقَهَاءِ وَالْمُحَدِّثِينَ وَالْمُتَكَلِّمِينَ لَا يَنْعَزِلُ بِالْفِسْقِ وَالظُّلْمِ وَتَعْطِيلِ الْحُقُوقِ وَلَا يُخْلَعُ وَلَا يَجُوزُ الْخُرُوجُ عَلَيْهِ بِذَلِكَ بَلْ يَجِبُ وَعْظُهُ وَتَخْوِيفُهُ

"Jumhur ulama daripada para fuqaha, ahli hadis, golongan mutakallimin bersepakat bahawa sikap fasiq dan zalimnya seorang pemimpin tidak menggugurkan mereka daripada jawatan mereka. Dan tidak seharusnya seorang muslim keluar untuk menggulingkan mereka bahkan wajib ke atas rakyat untuk menasihatkan mereka dan menakutkan mereka (dengan amaran Allah).

4. Al-Imam Ibn Abd al-Barr memberikan rasional mengapa rakyat tidak seharusnya menggulingkan pemimpin yang fasiq. Menurut beliau, perperangan yang timbul sesama muslim akan memberikan kesan yang lebih dahsyat. Kata Ibn Abd al-Barr:

لِأَنَّ فِي مُنَازَعَتِهِ وَالْخُرُوجِ عَلَيْهِ اسْتِبْدَالَ الْأَمْنِ بِالْخَوْفِ وَإِرَاقَةَ الدِّمَاءِ وَانْطِلَاقَ أَيْدِي الدَّهْمَاءِ وَتَبْيِيتَ الْغَارَاتِ عَلَى الْمُسْلِمِينَ وَالْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ وَهَذَا أَعْظَمُ مِنَ الصَّبْرِ عَلَى جَوْرِ الجائر

"Ini adalah kerana, menggulingkan (menanggalkan jawatan pemerintah) dan melakukan penentangan (peperangan fizikal) dengan mereka akan menyebabkan berlakunya peralihan keadaan yang aman kepada ketakutan, tercetusnya pertumpahan darah, bergeraknya tangan-tangan yang jahat dan meletusnya serangan ke atas kaum muslimin di atas muka bumi. Ini semua adalah lebih sukar untuk kita bersabar daripada bersabar dengan sikap fasiq mereka." (Ibn Abd al-Barr, al-Istizkar)

5. Begitulah pesanan Rasulullah agar kita mentaati pemimpin dan menolak atau menasihati mereka sekiranya mereka memimpin ke arah kemungkaran.

HADIS 31: BOLEHKAH MENGGULINGKAN PEMERINTAH?

عن عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ قَالَ: دَعَانَا النَّبِيُّ ﷺ فَبَايَعْنَاهُ، فَقَالَ فِيمَا أَخَذَ عَلَيْنَا: «أَنْ بَايَعَنَا عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ، فِي مَنْشَطِنَا وَمَكْرَهِنَا، وَعُسْرِنَا وَيُسْرِنَا وَأَثَرَةً عَلَيْنَا، وَأَنْ لاَ نُنَازِعَ الأَمْرَ أَهْلَهُ، إِلَّا أَنْ تَرَوْا كُفْرًا بَوَاحًا، عِنْدَكُمْ مِنَ اللَّهِ فِيهِ بُرْهَانٌ»

Maksudnya: Daripada Ubadah bin al-Samit RA dia berkata: Rasulullah telah memanggil kami lalu kami berbai'ah (mengucapkan janji taat setia) kepada Baginda Nabi SAW. Nabi bersabda kepada kami tentang (antara butir) perjanjian kami: Kami berbaiah untuk dengar dan taat (pemimpin) dalam perkara yang kami suka atau benci, dalam keadaan kami senang atau susah, dan mengutamakan Baginda lebih berbanding diri kami sendiri. Dan kami tidak boleh mencabut urusan (jawatan) daripada ahlinya (daripada pemimpin) melainkan sekiranya kamu melihat kekufuran yang jelas, yang boleh dikemukakan sebagai bukti dihadapan Allah. (**Sahih al-Bukhari, no: 7056**)

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah memberikan kita satu petunjuk yang sangat penting iaitu setiap rakyat mestilah taat kepada pemerintah dalam setiap keadaan melainkan sekiranya telah terzahir kekufuran yang nyata oleh pemerintah, maka ketika itu tidak perlu taat bahkan Rasulullah

seolah menggambarkan boleh mencabut kuasa dari pemerintah tersebut.

2. Pada hakikatnya, para ulama Islam telah bersepakat bahawa rakyat tidak boleh menggulingkan pemeritah muslim sekalipun mereka zalim dan fasiq. Perkara ini telah dibincangkan dalam hadis 30. Namun kewujudan hadis ini seakan memberikan satu petunjuk baharu tentang isu menggulingkan atau mencabut kuasa dari pemerintah.

3. Prinsip mengharamkan rakyat dari menggulingkan pemerintah ini telah dipegang oleh para sahabat ketika berlaku perselisihan bermula dari zaman Saidina Ali dan Muawiyyah lagi. Antara sahabat yang bersikap sedemikian adalah seperti: Saad bin Abi Waqas, Abdullah bin Umar, Usamah bin Zaid dan Muhamamd bin Maslamah. Inilah pandangan yang dipegang oleh al-Hasan al-Basr dan al-Imam Ahmad. Atas dasar itu al-Imam al-Nawawi turut menukilkan bahawa para ulama telah bersepakat untuk tidak menentang dan menggulingkan pemimpin atas kelemahan mereka.

4. Namun, sekiranya pemimpin telah menunjukkan bukti-bukti kekufuran yang nyata, hadis ini seakan membenarkan perlakuan sedemikian. Pun begitu kita haruslah faham bahawa secara asasnya haram buat rakyat untuk menggulingkan pemerintah. Dr. Abdullah bin Umar al-Dumaiji memberikan beberapa punca yang menjadi perbahasan dikalangan ulama yang membolehkan seseorang pemimpin ini dicabut kuasa darinya iaitu:

    - Mereka telah kufur secara nyata (kufr bawwah)
    - Mereka meninggalkan solat dan melarang orang menyeru untuk solat (atau menghalang menunaikan solat)

- Mereka berlaku zalim, fasiq dan melakukan bid'ah. (Perkara ini diperselisihkan oleh ulama, namun manjoriti berpandangan bahawa tidak boleh mencabut kuasa pemimpin disebabkan sifat fasiq atau zalim mereka semata-mata)

- Kekurangan kuasa pemimpin dari aspek pentadbiran seperti pemimpin dikuasai oleh orang lain atau pemimpin itu ditawan (perkara ini turut diperselisihkan) (Rujuk: al-Imamah al-Uzma, Abdullah bin Umar al-Dumaiji)

5. Menurut al-Imam Ibn Hajar pula, keharusan mencabut kuasa dari pemimpin adalah dibolehkan sekiranya proses peralihan kuasa tersebut berlaku dengan aman. Namun sekiranya peralihan kuasa ini menimbulkan mudarat yang lebih besar, maka bersabar adalah lebih baik. Kata Ibn Hajar:

عَنِ الدَّاوُدِيِّ قَالَ الَّذِي عَلَيْهِ الْعُلَمَاءُ فِي أُمَرَاءِ الْجَوْرِ أَنَّهُ إِنْ قَدَرَ عَلَى
خَلْعِهِ بِغَيْرِ فِتْنَةٍ وَلَا ظُلْمٍ وَجَبَ وَإِلَّا فَالْوَاجِبُ الصَّبْرُ

"Daripada al-Daudi dia berkata bahawa yang dipegang oleh para ulama tentang pemimpin yang jahat ini ialah sekiranya mereka mampu untuk mencabut kuasanya tanpa berlaku sebarang fitnah dan kezaliman, maka wajib mereka melakukannya. Namun sekiranya mereka tidak berupaya untuk melakukan sedemikian, maka mereka wajib bersabar. (Ibn Hajar, Fath al-Bari)

6. Menurut al-Qadi Iyyad, kekufuran telah menyebabkan pemimpin itu layak untuk digugurkan. Kata beliau:

قَالَ الْقَاضِي عِيَاضٌ أَجْمَعَ الْعُلَمَاءُ عَلَى أَنَّ الْإِمَامَةَ لَا تَنْعَقِدُ لِكَافِرٍ وَعَلَى أَنَّهُ لَوْ طَرَأَ عَلَيْهِ الْكُفْرُ انْعَزَلَ قَالَ وَكَذَا لَوْ تَرَكَ إِقَامَةَ الصَّلَوَاتِ وَالدُّعَاءَ إِلَيْهَا قَالَ وَكَذَلِكَ عِنْدَ جُمْهُورِهِمُ الْبِدْعَةُ

"Kata al-Qadi Iyyad, para ulama telah bersepakat bahawa kepimpinan itu tidak boleh diberikan kepada si kafir. Dengan itu sekiranya seorang pemimpin telah kufur, maka tercabutlah kuasa daripada dirinya. Begitu juga sekiranya mereka meninggalkan solat dan melarang orang menyeru untuk mendirikan solat, begitu juga jumhur ulama menyatakan perlakuan bid'ah boleh menyebabkan pemimpin itu dijatuhkan. (Sharh al-Nawawi 'Ala Muslim)

7. Perbahasan tentang menggulingkan pemerintah ini telah dihuraikan secara terperinci oleh Dr. Abdullah bin Umar al-Dumaiji. Antara kesimpulan yang boleh dibuat dari perbahasan yang panjang ini ialah:

    i. Prinsip amar makruf dan nahi mungkar adalah konsep asas yang mesti difahami dalam perkara ini. Seseorang yang ingin mencegah kemungkaran haruslah mempunyai kemampuan dan contoh teladan yang baik.
    ii. Wajib menunaikan haji, solat, bahkan berjihad bersama pemimpin sekalipun mereka adalah pemimpin yang fasiq dan zalim.

iii. Haram melakukan pemberontakkan atau menggulingkan pemerintah atas dasar tidak berpuas hati dengan perlakukan fasiq dan zalim pemerintah semata.

iv. Wajib menegur kelemahan yang dilakukan oleh pemerintah dengan kampuan yang ada.

v. Pemimpin yang sangat zalim dan fasiq juga mestilah ditaati. Keharusan menggulingkan mereka adalah bergantung kepada kemampuan rakyat. Sekiranya pemberontak yang melahirkan kemudaratan yang lebih besar, maka bersabar atas kezaliman mereka adalah lebih baik.

vi. Wajib menolak pemimpin yang telah kufur secara zahir. Bahkan boleh menentang mereka atas kekufuran mereka kerana muslim tidak boleh berbaiah menunaikan janji taat setia dengan pemimpin kufur.

HADIS 32: KEWAJIPAN RAKYAT MEMPERTAHANKAN HAK MEREKA

لَمَّا كَانَ بَيْنَ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو وَبَيْنَ عَنْبَسَةَ بْنِ أَبِي سُفْيَانَ مَا كَانَ تَيَسَّرُوا لِلْقِتَالِ، فَرَكِبَ خَالِدُ بْنُ الْعَاصِ إِلَى عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو فَوَعَظَهُ خَالِدٌ، فَقَالَ عَبْدُ اللهِ بْنُ عَمْرٍو: أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ: «مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ»

Maksudnya: Ketikamana berlaku perselisihan di antara Abdullah bin Amru RA, dengan ‘Anbasah bin Abi Sufyan (Gabenor Mekah) yang berupaya untuk mencetuskan perperangan, datanglah Khalid bin al-‘As menunggang (tunggangannya) berjumpa dengan Abdullah bin Amru. Lalu Khalid menasihatkan Abdullah bin Amru (agar mentaati pemerintah iaitu ‘Anbasah yang mana dia adalah Gabenor Mekah ketika itu). (Mendengar nasihat Khalid) Abdullah bin Amru pun menjawab: Apakah engkau tidak pernah mendengar sabda Rasulullah SAW yang menyebutkan: “Barangsiapa yang terbunuh mempertahankan hartanya, maka dia dianggap sebagai syahid.” (**Sahih Muslim, no: 226**)

ULASAN

1. Hadis ini pada asasnya menceritakan bagaimana Abdullah bin Amru yang bertindak mempertahankan tanah kebunnya yang cuba diambil

sumber airnya oleh Gabenor Mekah ketika itu iaitu ‘Anbasah bin Abu Sufyan. Abdullah bin Amru berhujah bahawa beliau berhak mempertahankan haknya sekalipun ketika itu dinasihatkan oleh Khalid bin al-‘As agar patuh dan taat kepada pemerintah. Tidak setuju dengan pandangan Khalid, Abdullah bin Amru mengeluarkan hadis yang pernah didengarnya daripada Rasulullah sendiri bahawa tindakan mempertahankan hartai ini adalah bertepatan dengan saranan Rasulullah SAW sendiri.

2. Konteks asal insiden ini direkodkan oleh al-Imam Ibn Hajar yang menyebutkan:

أَنَّ عَامِلًا لِمُعَاوِيَةَ أَجْرَى عَيْنًا مِنْ مَاءٍ لِيَسْقِيَ بِهَا أَرْضًا فَدَنَا مِنْ حَائِطٍ لِآلِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ فَأَرَادَ أَنْ يُخْرِجَهُ لِيُجْرِيَ الْعَيْنَ مِنْهُ إِلَى الْأَرْضِ فَأَقْبَلَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو وَمَوَالِيهِ بِالسِّلَاحِ وَقَالُوا وَاللَّهِ لَا تَخْرِقُونَ حَائِطَنَا حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَّا أَحَدٌ

“Seorang petugas (pegawai yang dilantik oleh Muawiyyah) datang menguruskan projek mengalirkan air untuk menyiram tanah. Lalu mereka datang ke kebun milik keluarga Amru bin al-As untuk mengeluarkan air dari kawasan tersebut. Abdullah bin Amru datang bersama dengan orang suruhannya dengan bersenjata dan membantah tindakan tersebut yang dilihat mengambil hak dari tanahnya. Dan mereka berkata: Demi Allah, kamu tidak akan boleh memecahkan kebun kami sehinggalah tidak ada seorang pun yang hidup dikalangan kami. (Ibn Hajar, Fath al-Bari)

3. Tindakan memasuki tanah persendirian ini dilihat oleh Abdullah bin Amru sebagai menceroboh hak mereka. Dalam menghuraikan hadis ini, al-Imam al-Nawawi menyebutkan:

قَالَ النَّوَوِيُّ فِيهِ جَوَازُ قَتْلِ مَنْ قَصَدَ أَخْذَ الْمَالِ بِغَيْرِ حَقٍّ سَوَاءٌ كَانَ الْمَالُ قَلِيلًا أَوْ كَثِيرًا وَهُوَ قَوْلُ الْجُمْهُورِ

"Kata al-Nawawi hadis ini menunjukkan keharusan menentang mereka yang berhasrat untuk mengambil harta kita tanpa kebenaran samada harta tersebut sedikit atau banyak. Dan ini adalah kata-kata jumhur ulama. (Fath al-Bari)

4. Melalui hadis ini, seorang muslim pada hakikatnya berhak untuk menyuarakan haknya bahkan mempertahankannya hartanya daripada di zalimi. Namun, sekiranya dia bimbang akan kemudaratan yang akan menimpa diri dan keluarganya, maka dia boleh memilih untuk bersabar atas kezaliman yang menimpa dirinya.

5. Al-Imam Ibn Hajar turut menukilkan pandangan al-Imam al-Syafi'i yang menasihatkan seseorang yang ingin mempertahankan hartanya itu agar bercakap (berunding) dengan pemerintah atau meminta bantuan mereka agar hak buat dirinya terbela. Tindakan berunding ini juga dilihat sebagai salah satu jalan yang baik buat seseorang itu dalam perjuangan mempertahankan hartanya dari dizalimi.

HADIS 33: MEMBIMBING MANUSIA MENJAUHI KEBATILAN SEKULARISME

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: «لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَأْخُذَ أُمَّتِي بِأَخْذِ القُرُونِ قَبْلَهَا، شِبْرًا بِشِبْرٍ وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ» ، فَقِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَفَارِسَ وَالرُّومِ؟ فَقَالَ: «وَمَنِ النَّاسُ إِلَّا أُولَئِكَ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW dia bersabda: Tidak akan datangnya hari kiamat sehinggalah umatku berpegang dengan amalan (tradisi) umat-umat kurun terdahulu, mereka menurutinya sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta. Lalu Rasulullah ditanya: Apakah mereka itu seperti orang-orang Parsi dan Rom? Lalu Rasulullah menjawab: Siapa lagi kalau bukan mereka? (**Sahih al-Bukhari, no: 7319**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah SAW menjelaskan kepada kita bahawa ada di kalangan umat ini yang akan mengikuti amalan kaum lain sedikit demi sedikit. Mereka meniru gaya hidup, cara berfikir, bahkan cara beragama, sehingga mereka meninggalkan sunnah Rasulullah. Hari ini ada dikalangan umat Islam yang berbangga dengan cara hidup barat, berfikir melalui kerangka pemikiran liberal bahkan menolak ajaran Islam. Inilah yang dibimbangi oleh Rasulullah.

2. Sekiranya kita perhatikan dalam hadis yang lain, Rasulullah pernah menyebutkan tentang umat ini akan mengikuti perlakuan kaum Yahudi dan Nasrani. Tetapi dalam hadis ini, Rasulullah menyebutkan pula bagaimana umat ini akan mengikut amalan kaum Parsi dan Rom. Menurut al-Imam Ibn Hajar, Rasulullah menyebut secara khusus tentang Rom dan Parsi ini adalah kerana ingin menerangkan dari aspek pemerintahan. Kata Ibn Hajar:

فَحَيْثُ قَالَ فَارِسُ وَالرُّومُ كَانَ هُنَاكَ قَرِينَةٌ تَتَعَلَّقُ بِالْحُكْمِ بَيْنَ النَّاسِ وَسِيَاسَةِ الرَّعِيَّةِ وَحَيْثُ قِيلَ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى كَانَ هُنَاكَ قَرِينَةٌ تَتَعَلَّقُ بِأُمُورِ الدِّيَانَاتِ

"Maka disebutkan tentang Parsi dan Rom kerana disitu terdapat pembuktian yang berkaitan tentang pemerintahan dikalangan manusia dan urusan politik (pentadbiran) rakyat. Manakala apabila Rasulullah menyebutkan tentang Yahudi dan Nasrani, maka disitu terdapat pengajaran yang ingin diambil tentang perkara-perkara keagamaan." (Fath al-Bari)

3. Islam mendidik manusia mendekatkan diri dengan Allah. Prinsip ini mengikat hati manusia dengan agama dari sekecil-kecil perkara sehinggalah kepada perkara kenegaraan dan pemerintahan. Amat menghairankan apabila ada muslim yang berjuang supaya ideologi sekular yang diambil dari barat diterapkan dalam pemikiran manusia sedangkan secara konsepnya, ia jelas bercanggah dengan prinsip Islam.

4. Konsep sekular yang memisahkan agama daripada pemerintahan ini telah lama ditolak oleh Islam. Dalam takrif pemerintahan Islam, al-Imam al-Mawardi, al-Juwaini, al-Iji, Ibn Khaldun, dan al-Nasafi seakan sebulat suara menegaskan bahawa pemerintahan Islam adalah perkara yang melibatkan urusan mentadbir agama. Konsep ini masyhur dengan tema:

   حراسة الدين وسياسة الدنيا به

   "(Pemerintahan Islam adalah bagi): Menjaga agama dan mentadbir dunia (dengan agamanya)".

5. Antara sarjana Islam moden yang turut tegas dalam menolak konsep sekular ini adalah Dr. Yusuf al-Qardawi. Antara kesimpulan yang menarik yang diungkapkan oleh al-Qardawi berhubung sekularisme ini adalah:

   "Sesungguhnya sekularisme ini lahir di bumi yang bukan dari kawasan muslim, dirangka untuk satu kaum yang bukan kaum muslim, dalam satu kondisi yang bukan kondisi umat Islam, untuk menyelesaikan masalah yang bukan berlaku ke atas umat Islam." (al-Qardawi, al-Tataruf al-Ilmani fi Muwajaha al-Islam, 236).

6. Jadi, melihatkan kepada asas kelahiran fahaman ini sahaja kita sudah tahu bahawa ianya muncul dari konteks yang berbeza dengan konteks umat Islam. Mengapa pula kita beriya untuk menanamkan ideologi sebegini dalam masyarakat kita?

7. Dr Atiyyah Saqr, Mufti Mesir, ketika ditanya berhubung ideologi sekularisme ini menyatakan lapan titik percanggahan antara fahaman sekularisme dengan prinsip Islam.

   Setelah menyenaraikan percanggahan pemikiran Islam dengan sekularisme ini, Dr. Atiyyah Saqr menegaskan:

   بهذا وبغيره نرى الإِسلام يرفض العلمانية ، وأن المسلمين ليسوا فى حاجة إليها ، وإنما هم فى حاجة إلى فهم دينهم فهما صحيحا

   "Dan dengan itu dan dengan hujah yang lainnnya, kami berpandangan bahawa Islam menolak sekularsime, dan umat Islam itu tidak memerlukannya bahkan mereka perlu kembali kepada kefahaman Islam yang sahih." Kenyataan ini direkodkan di dalam Fatawa Dar al-Ifta al-Misriyyah pada Mei 1997.

8. Badan Fatwa Arab Saudi (*al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-Ilmiyyah wa al-Ifta*) yang diketuai oleh Sheikh Bin Baz pula menegaskan ideologi yang memisahkan Islam dari kehidupan sebagai aliran yang batil yang boleh membawa kepada kekufuran.

9. Beberapa badan kajian Islam di Malaysia seperti JAKIM meletakkan fahaman sekularisme ini sebagai sebahagian daripada ideologi liberisme yang difatwakan sesat dan menyeleweng oleh banyak institusi Islam di Malaysia.

10. Secara umumnya, pemikiran sekular ini telah ditolak oleh ramai sarjana terkemuka Islam. Mereka melihat Islam sebagai panduan terbaik dalam memimpin kehidupan manusia. Islam mengingatkan manusia bahawa mereka dijadikan adalah bagi mengabdikan diri kepada Allah, bukan kepada semata-mata kepada kehendak manusia. Inilah fahaman yang perlu difahami oleh setiap pemimpin muslim.

HADIS 34: MENOLAK NERACA LIBERALISME

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "لَتُنْتَقَضَنَّ عُرَى الْإِسْلَامِ عُرْوَةً عُرْوَةً، فَكُلَّمَا انْتُقِضَتْ عُرْوَةٌ، تَشَبَّثَ النَّاسُ بِالَّتِي تَلِيهَا، فَأَوَّلُهُنَّ نَقْضًا: الْحُكْمُ، وَآخِرُهُنَّ: الصلاة"

Maksudnya: Daripada Abu Umamah RA dia berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Akan terlerailah tali ikatan (kekuatan) Islam ini satu demi satu. Setiap kali ia terlerai satu ikatan, manusia akan berpegang dengan ikatan yang seterusnya. Ikatan pertama yang akan terlerai adalah tali hukum (syariat Allah), dan ikatan terakhir yang akan terlerai adalah solat. (**Sahih Ibn Hibban**, no: 6715 - dinilai sebagai memiliki sanad yang kuat oleh al-Arna'ut)

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah SAW telah mengingatkan kepada kita bahawa kekukuhan ajaran Islam ini akan terlerai satu persatu. Ia dirungkaikan oleh pemberontakan nafsu serta kekeliruan fahaman manusia tentang Islam. Hari ini kita melihat bagaimana pemikiran liberal telah mula merosakkan kerangka pemikiran manusia. Mereka berusaha meleraikan satu demi satu ajaran Islam bermula dengan merungkai ikatan syarak terhadap cara hidup, kemudian mereka

mempertikaikan pula hukum syarak sehinggalah kepada tahap mereka berusaha mengubah hukum syarak serta menolaknya dari muka bumi ini.

2. Perhatikan disini bagaimana Rasulullah menjelaskan kepada kita bahawa perkara pertama yang akan terlerai ialah berhukum dengan hukum Allah. Sheikh Bin Baz telah ditanya tentang apakah yang dimaksudkan dengan *al-Qada* (syariat Allah) ini? Beliau menjawab:

معناه ظاهر، وهو عدم الحكم بشرع الله وهذا هو الواقع اليوم في غالب الدول المنتسبة للإسلام

"Maknanya disini adalah jelas iaitu manusia tidak berhukum dengan syariat Allah. Dan inilah realiti yang berlaku pada hari ini dikebanyakan negara yang mengaitkan diri mereka dengan Islam."

3. Fenomena menolak hukum Allah ini semakin membimbangkan. Beberapa isu telah mula dimainkan oleh pemikir liberal di dada-dada akbar. Mereka mempertikaikan beberapa perkara yang telah termaktub dalam syariat seperti mempersoalkan hukum menutup aurat, meragui ibadah korban malah meragui sifat Tuhan sendiri. Ada dikalangan mereka turut memperjuangkan hak untuk menjadi Gay atau Lesbian. Perjuangan hak songsang LGBT ini berselindung di bawah slogan hak kemanusiaan.

4. Mereka memulakan usaha untuk meleraikan ikatan syarak ini melalui siri keraguan yang ditimbulkan. Islam digambarkan sebagai kolot, sempit, tidak maju bahkan dikatakan menindas.

Usaha menimbulkan keraguan terhadap Islam ini tidak ubah seperti sifat Dajjal yang pernah disebutkan oleh Rasulullah dalam sebuah hadith. Sabda Rasulullah:

«مَنْ سَمِعَ بِالدَّجَّالِ فَلْيَنْأَ عَنْهُ، فَوَاللَّهِ إِنَّ الرَّجُلَ لَيَأْتِيهِ وَهُوَ يَحْسِبُ أَنَّهُ مُؤْمِنٌ فَيَتَّبِعُهُ، مِمَّا يَبْعَثُ بِهِ مِنَ الشُّبُهَاتِ»

"Sesiapa yang mendengar tentang Dajjal maka hendaklah dia menjauh darinya, kerana demi Allah, sesungguhnya akan ada seseorang lelaki yang mendatanginya dan menyangka Dajjal itu seorang yang beriman lalu dia mengikutinya kerana hebatnya syubhat yang dia bangkitkan, atau kerana syubhat yang dia tebarkan." (Sunan Abu Daud, no: 4319 - dinilai Sahih oleh al-Albani)

5. Desakan liberal dalam memperjuangkan hak kebebasan LGBT, menuntut kebebasan untuk tidak menutup aurat serta menegaskan hak samarata agama adalah tipudaya atau fitnah yang lahir dari nafsu diri manusia. Kebimbangan ini pernah disuarakan oleh Baginda Nabi. Sabda Rasulullah:

إِنَّما أَخْشَى عَلَيْكُم شهواتِ الْغَيِّ في بطونِكم وفروجِكم ومُضِلَّاتِ الْفِتَنِ

وفي رِوَايَةٍ وَمُضِلَّاتِ الهوَى

"Sesungguhnya yang aku risaukan ke atas kamu adalah: nafsu-nafsu kamu yang keji yang lahir dari perut dan kemaluan kamu, serta tipudaya-tipudaya (yang menjerumuskanmu ke dalam) fitnah.

(Dalam riwayat lain menyebut tipudaya-tipudaya (yang menjerumuskanmu ke dalam) hawa nafsu.)" (Majma' al-Zawaid)

6. Di Malaysia, kerangka pemikiran iberal ini ditelah diwartakan sebagai sesat. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah memutuskan bahawa aliran pemikiran liberal yang dibawa oleh kumpulan ini telah menyeleweng dari segenap aspek. Dan pada 17 Julai 2014, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pula telah mengisytiharkan fatwa yang menyatakan pemikiran ini sebagai sesat dan menyeleweng.

7. Dengan itu, adalah menjadi satu kewajipan buat pemimpin muslim untuk menolak neraca penilaian pemikiran liberal ini yang dilihat bercanggah dengan kerangka penilaian syarak. Isu hak asasi kemanusiaan telah lama diperjuangkan oleh Islam melalui jalannya yang tersendiri, yang tidak membelakangkan hak Allah dan hak manusia.

HADIS 35: MENOLAK PEMIMPIN BERFIKIRAN LIBERAL

عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانِ – أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قال: «يَكُونُ بَعْدِي أَئِمَّةٌ لَا يَهْتَدُونَ بِهُدَايَ، وَلَا يَسْتَنُّونَ بِسُنَّتِي، وَسَيَقُومُ فِيهِمْ رِجَالٌ قُلُوبُهُمْ قُلُوبُ الشَّيَاطِينِ فِي جُثْمَانِ إِنْسٍ»، قَالَ: قُلْتُ: كَيْفَ أَصْنَعُ يَا رَسُولَ اللهِ، إِنْ أَدْرَكْتُ ذَلِكَ؟ قَالَ: «تَسْمَعُ وَتُطِيعُ لِلْأَمِيرِ، وَإِنْ ضُرِبَ ظَهْرُكَ، وَأُخِذَ مَالُكَ، فَاسْمَعْ وَأَطِعْ»

Maksudnya: Daripada Huzaifah bin al-Yaman RA, Rasulullah SAW bersabda: "Akan datang setelah daripadaku nanti, pemimpin yang tidak mengikut petunjukku, dan tidak beramal dengan sunnahku. Akan datang dalam kalangan mereka lelaki-lelaki yang hati mereka seperti hati syaitan namun bertubuhkan manusia. Lalu aku (perawi) bertanya: Apa yang harus aku lakukan sekiranya aku melalui zaman ini wahai Rasulullah? Sabda Rasulullah: Hendaklah kamu mentaati perintah pemimpin sekalipun mereka memukul belakangmu dan mengambil hartamu. Dengar dan patuhlah." (**Sahih Muslim, no: 1847**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah SAW mengingatkan kepada kita bahawa akan muncul dikalangan umat ini pemimpin yang tidak berpegang kepada ajaran Rasulullah bahkan meninggalkan sunnah

Rasulullah. Secara zahirnya mereka ini adalah seperti manusia biasa, namun Rasulullah menyifatkan jiwa mereka seperti syaitan kerana bertindak menjauhkan manusia dari Allah dan RasulNya.

2. Hari ini telah tersebarnya pemikiran liberal yang secara zahirnya dilihat bukan sahaja mempertikaikan syariat Islam yang berteraskan sunnah Rasulullah, malah pemikiran ini turut mengajak manusia meninggalkan sunnah. Sekiranya terdapat ahli politik yang berpegang dengan pemikiran sebegini, kita tidak seharusnya mengangkat mereka sebagai pemimpin.

3. Salah satu prinsip asas yang digariskan oleh sunnah Rasulullah dalam Islam adalah melaksanakan aktiviti amar makruf dan nahi mungkar. Dibimbangi pemimpin yang mendokong pemikiran liberal ini akan berlapang dada dengan kemungkaran yang dilakukan oleh golongan tertentu atas nama kebebasan individu dan konsep dosa peribadi. Pada hakikatnya, pemimpinlah seharusnya yang bertindak membimbing rakyat menjauhkan diri dari kerosakan dosa. Konsep amal makruf dan nahi mungkar mesti dijelmakan sendiri oleh pemimpin muslim.

4. Perhatikan hari ini bagaimana sebahagian pemikir liberal yang tidak selesa dengan tindakan Jabatan Agama yang menjalankan operasi amar makruf dan nahi munkar. Mereka membandingkan situasi di Malaysia dengan muslim di negara barat yang tiada Jabatan Agama memantau aktiviti mereka. Mereka turut menyifatkan muslim hari ini sebagai mempunyai iman yang sangat lemah kerana memerlukan Jabatan Agama untuk mengingatkan mereka. Maka timbullah kata-kata seperti: “Lemah sangat ke iman sampai tengok orang berpakaian seksi pun sudah tidak keruan?”

5. Konsep mencegah mungkar pada hakikatnya adalah salah satu sunnah Rasulullah yang mesti dipegang. Allah menyifatkan Bani Israel sebagai bangsa yang dilaknat kerana mereka tidak mencegah kemungkaran. Firman Allah:

   كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ

   "Mereka sentiasa tidak mencegah (sesama sendiri) perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan." (Surah al-Maidah: 79)

6. Dalam Surah al-Tawbah pula, Allah menyifatkan antara sifat orang munafiq itu adalah mereka yang tidak mencegah kemungkaran. Firman Allah:

   الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ

   "Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik." (Surah al-Taubah: 67)

7. Bahkan Rasulullah mengingatkan bahawa mereka yang tidak mencegah kemungkaran sedangkan dia mampu, maka dibimbangi mereka akan ditimpa azab dari Allah. Sabda Rasulullah:

ما من قومٍ يُعْمَل فيهم المعاصي، ثم يقدرون على أن يغيِّروا ثم لايغيروا؛
إلا ويوشك الله أن يعمَّهم بعقابٍ

"Tiada satu kaum yang berlaku maksiat dikalangan mereka, sedangkan ada dikalangan mereka yang mampu mencegahnya, melainkan akan dibimbangi keseluruhan mereka akan ditimpa azab ke atas kesemuanya" (Sunan Abu Daud)

8. Al-Imam Ahmad ibn Hanbal menceritakan bagaimana sahabat-sahabat Abdullah ibn Mas'ud sentiasa menjalankan kerja mencegah kemungkaran. Kata beliau:

كان أصحاب ابن مسعود إذا مروا بقوم يرون منهم ما يكرهون، يقولون:
مهلا رحمكم

"Sesungguhnya para sahabat Abdullah ibn Mas'ud itu sekiranya mereka lalu disisi satu kaum yang melakukan perkara yang dibenci, mereka akan menegurnya dan berkata: Berhenti dari melakukannya! Semoga Allah merahmati."

9. Ada pula dikalangan pemikir liberal yang mengganggap iman orang Islam hari ini terlalu lemah sehingga Jabatan Agama terpaksa menjalankan operasi mencegah amar makruf dan nahi mungkar. Apakah Iman para sahabat Rasulullah sangat lemah sehingga terpaksa melakukan operasi menasihati dan mencegah kemungkaran ini? Sudah tentu tidak. Ini kerana sifat manusia yang sering leka perlukan bimbingan dan bantuan dalam pembinaan iman.

10. Laungan golongan liberal untuk membebaskan diri mereka daripada operasi mencegah kemungkaran hanyalah perjuangan membimbing manusia ke arah mengangkat kebebasan individu yang bercanggah dengan panduan dari al-Quran dan hadith.

11. Inilah salah satu pesanan yang diungkapkan oleh Rasulullah bahawa akan datang satu zaman nanti pemimpin sudah tidak lagi berpegang kepada ajaran sunnah Rasulullah. Andai ada ruang untuk kita menolak dari mengangkat pemimpin yang berfikiran liberal yang bertentangan dengan sunnah Rasulullah maka lakukanlah.

HADIS 36: LANTIK PEMIMPIN BUKAN KERANA POPULARITI

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «فَإِذَا ضُيِّعَتِ الأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ»، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا؟ قَالَ: «إِذَا وُسِّدَ الأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA dia berkata: Nabi SAW bersabda: "Apabila sesuatu amanah itu disia-siakan, maka tunggulah kedatangan hari kiamat. Lalu Baginda ditanya: Bagaimana amanah itu disia-siakan? Lantas Rasulullah menjawab: Apabila sesuatu urusan itu diserahkan kepada bukan ahlinya (yang berkelayakan), maka tunggulah kedatangan kiamat." (**Sahih al-Bukhari, no: 59**)

ULASAN

1. Melalui hadis ini Rasulullah mengingatkan kepada kita bahawa akan datang suatu masa nanti pemimpin itu dilantik daripada kalangan manusia yang bukan dari ahli yang berkelayakan. Barangkali hanya kerana disebabkan kerana populariti mereka, mereka dicalonkan untuk bertanding lalu dilantik menjadi Menteri. Kesilapan dalam melantik pemimpin yang tidak berkelayakan ini akan menyebabkan berlakunya ketirisan dalam pentadbiran dan amanah.

Ini semua akan menyebabkan berlakukanya kerosakan dari aspek pengurusan dan pentadbiran.

2. Menurut Ibn Hajar, al-Imam al-Bukhari meletakkan hadis ini di dalam bab ilmu kerana masyarakat ketika itu telah dilimpahi dengan orang-orang yang jahil yang sangat ramai. Semua ini adalah salah satu petunjuk akan kedatangan kiamat. Kesilapan dalam menyerahkan kuasa kepimpinan kepada orang jahil akan mengakibatkan kebejatan aktiviti ilmu sekaligus mengurangkan aktiviti keilmuan. Kesannya komuniti muslim akan dilekakan dengan perkara yang tidak berfaedah bahkan disibukkan dengan aktiviti pembodohan. Kata Ibn Hajar:

وَمُنَاسَبَةُ هَذَا الْمَتْنِ لِكِتَابِ الْعِلْمِ أَنَّ إِسْنَادَ الْأَمْرِ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ إِنَّمَا يَكُونُ
عِنْدَ غَلَبَةِ الْجَهْلِ وَرَفْعِ الْعِلْمِ

"Dan rasional (munasabah) diletakkan teks (matan) hadis ini di dalam bab ilmu adalah kerana perlantikan pemimpin yang bukan dari ahlinya yang berkelayakan akan berlaku disebabkan kerana kejahilan telah mendominasi dan ilmu pula telah terangkat." (Fath al-Bari)

3. Timbul persoalan di sini, mengapa Rasulullah mengatakan "tunggulah datangnya kiamat"? Menurut al-Imam al-Munawi, menyerahkan urusan kepimpinan kepada yang tidak amanah, rapuh agamanya dan lemah Islamnya, sehingga mengakibatkan kebodohan, maka ini adalah sebagian dari tanda-tanda kiamat. (al-Munawi, Fayd al-Qadir, 1/563-564).

Kesan daripada kesilapan ini akan melahirkan lebih banyak kerosakan, manusia disibukkan dengan hiburan dan urusan yang remeh malah apa yang lebih membimbangkan adalah apabila urusan agama diperkecilkan dan tidak menjadi agenda utama yang memacu pentadbiran negara.

4. Atas dasar itu al-Imam al-Taibi menyebutkan bahawa perubahan kepada kepimpinan yang rosak akan memberikan kesan langsung kepada kerosakan rakyat. Dengan sebab itu dikatakan:

الناس على دين ملوكهم

"Manusia itu di atas agama pemerintahnya."

5. Sekiranya elok peribadi dan hebat pentadbiran pemimpin, maka baik dan sejahteralah rakyatnya. Sekiranya rosaknya pemimpin, maka dibimbangi akan binasalah rakyat dan kehidupannya. (Ali al-Qari, Mirqa al-Mafatih, 3430)

6. Dengan itu Allah SWT memerintahkan kita supaya memberikan amanah kepimpinan kepada ahlinya, iaitu yang mereka tahu dan mahir dengan perkara tersebut. Firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila

kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil."

7. Menurut al-Imam Ibn Kathir, ayat ini diturunkan berkaitan peristiwa yang melibatkan Uthman bin Talhah. Ketika berlakunya pembukaan Kota Mekah, Saidina Ali RA dikatakan telah datang berjumpa dengan Rasulullah SAW. Ketika itu kunci Kaabah berada di tangan Baginda Nabi. Saidina Ali mencadangkan supaya kunci Kaabah diserahkan kepada mereka.

   Tetapi Rasulullah memanggil Uthman bin Talhah dan menyerahkan kunci Kaabah kepada beliau. Ini adalah kerana keluarganya adalah keturunan Bani Abu Talhah yang biasa menguruskan *sidanah* atau *hijabah* (pengurusan kelambu dan kunci Kaabah). (Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim, 2/340)

8. Lihatlah bagaimana Rasulullah meletakkan urusan pentadbiran itu kepada orang yang sesuai di dalam bidangnya. Kalau diikutkan boleh sahaja kunci Kaabah itu diserahkan kepada Saidina Ali atau kaum keluarganya yang lain, tetapi perkara ini tidak berlaku. Baginda menyerahkan amanah kepada mereka yang berkelayakan.

9. Dengan itu, perlantikan pemimpin pada hari ini mesti dilakukan dengan penuh teliti. Undi kita adalah kesaksian dan tanggungjawab yang besar. Bukan sahaja terhadap hubungan kita sesama manusia yang berkehendakkan kehidupan yang lebih baik, bahkan menjadi kesaksian buat kita dihadapan Allah nanti.

HADIS 37: PEMIMPIN MENGAJAK MANUSIA KEPADA ALLAH

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَعَثَ مُعَاذًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى اليَمَنِ، قَالَ: «إِنَّكَ تَقْدَمُ عَلَى قَوْمٍ أَهْلِ كِتَابٍ، فَلْيَكُنْ أَوَّلَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ عِبَادَةُ اللَّهِ، فَإِذَا عَرَفُوا اللَّهَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِهِمْ وَلَيْلَتِهِمْ، فَإِذَا فَعَلُوا، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ فَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً مِنْ أَمْوَالِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ، فَإِذَا أَطَاعُوا بِهَا، فَخُذْ مِنْهُمْ وَتَوَقَّ كَرَائِمَ أَمْوَالِ النَّاسِ»

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas RA, sesungguhnya ketika mana Rasulullah SAW menghantar Muaz RA ke Yaman, Baginda berpesan: Sesungguhnya engkau akan mendatangi satu kaum dari Ahli Kitab, maka perkara pertama yang mesti engkau ajarkan (didik) kepada mereka adalah menyembah Allah. Sekiranya mereka telah mula mengenal Allah, maka beritahu kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan kepada mereka solat lima waktu pada siang dan malam. Sekiranya mereka melakukan sedemikian maka maklumkan kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka zakat yang akan diagihkan kepada orang fakir di kalangan mereka. Sekiranya mereka menurut perintah, maka ambillah dari mereka dan berhati-hatilah dari harta berharga milik manusia." (**Sahih al-Bukhari, no: 1458**)

ULASAN

1. Hadis ini menceritakan kepada kita tentang turutan keutamaan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada Saidina Muaz bin Jabal ketika Baginda menghantarnya untuk memimpin ahli Yaman. Muaz dilantik menjadi wakil Rasulullah di Yaman. Perkara pertama yang disebutkan oleh Rasulullah kepada Muaz adalah mendidik masyarakat agar mengenal Allah.

2. Inilah juga yang diajarkan oleh Allah kepada Rasulullah ketika membimbing umatnya. Firman Allah:

   قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنْ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنْ الْمُشْرِكِينَ

   “Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata.” (Surah Yusuf: 108)

3. Melalui ayat ini Allah mendidik Rasulullah agar mengajak manusia kepada menyembah Allah melalui petunjuk (*basirah*) yang dikurniakan kepada Baginda. Menurut al-Imam al-Baghawi, yang dimaksudkan dengan *basirah* (petunjuk) di sini ialah:

   هي المعرفة التي تميز بها بين الحق والباطل

"Iaitu keupayaan untuk mengetahui dan membezakan di antara perkara yang hak dan yang batil." (Tafsir al-Baghawi)

4. Dengan itu pemimpin bukan sahaja perlu mengajak manusia kepada menyembah Allah, mereka juga harus mempunyai keupayaan untuk membezakan antara yang hak dan yang batil.

5. Hadis ini turut mengingatkan kita bagaimana pemimpin seharusnya turut memikirkan soal bagaimana mendidik rakyat mendekatkan diri dengan Allah serta memahami urusan ibadah yang lain.

6. Dan di penghujung hadis ini, Rasulullah turut mengingatkan bahawa kuasa mengurus kutipan zakat seharusnya diserahkan kepada pemimpin atau pembantunya. Kerana urusan untuk mengutip zakat dari rakyat memerlukan keupayaan dan kuasa pemimpin. Ketika menghuraikan hadis ini al-Imam al-San'ani menyebutkan:

   أَنَّ الْإِمَامَ هُوَ الَّذِي يَتَوَلَّى قَبْضَ الزَّكَاةِ وَصَرْفَهَا إِمَّا بِنَفْسِهِ أَوْ بِنَائِبِهِ فَمَنْ امْتَنَعَ مِنْهَا أُخِذَتْ مِنْهُ قَهْرًا

   "Sesungguhnya pemimpin adalah orang yang bertanggungjawab menguruskan kutipan zakat serta mengagihkannya kepada masyarakat. Samada dia melakukan sendiri atau melalui pembantunya. Maka barangsiapa yang membantah, pemimpin berkuasa untuk mengambilnya secara paksaan." (al-San'ani, Subul al-Salam)

7. Perhatikan tugasan seorang pemimpin yang disebutkan oleh Rasulullah. Mereka bukan sekadar menguruskan urusan harta dan pentadbiran rakyat, malah perlu membimbing rakyat mengenal Allah bahkan mengabdikan diri kepada Yang Maha Esa.

HADIS 38: PEMIMPIN YANG DISAYANGI ALLAH

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ أَحَبَّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ القِيَامَةِ وَأَدْنَاهُمْ مِنْهُ مَجْلِسًا إِمَامٌ عَادِلٌ، وَأَبْغَضَ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ وَأَبْعَدَهُمْ مِنْهُ مَجْلِسًا إِمَامٌ جَائِرٌ»

Maksudnya: Daripada Abu Said al-Khudri RA dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya manusia yang paling disayangi Allah dan yang paling dekat kedudukannya di sisi Allah di hari akhirat kelak adalah pemimpin yang adil. Dan manusia yang paling dibenci Allah dan yang paling jauh kedudukannya di sisi Allah nanti adalah pemimpin yang zalim. (**Sunan al-Tirmizi, no: 1329** - dinilai sebagai Hasan Gharib oleh al-Tirmizi, walaubagaimanapun al-Arna'ut menghukumnya sebagai daif)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah memuji pemimpin yang adil. Mereka akan berada dekat dengan Allah di hari kiamat. Bahkan menurut riwayat al-Bukhari, mereka turut akan menerima naungan Allah di hari akhirat kelak. Sabda Rasulullah:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الإِمَامُ العَادِلُ

"Tujuh golongan yang akan menerima naungan Allah kelak pada hari yang tiada naungan ketika itu ialah: Pemimpin yang adil… (**Sahih al-Bukhari, no: 660**)

2. Mereka amat disayangi oleh Allah kerana sikap mereka yang sentiasa menguruskan rakyat dengan baik. Pemimpin yang adil tidak pernah menggunakan kuasanya untuk kepentingan diri mereka sendiri. Mereka adalah golongan orang yang sering memikirkan perihal kesusahan hidup rakyat.

3. Kadang-kadang kita merasa hairan bagaimana pemimpin pada hari ini amat ghairah mengumpul aset kekayaan sedangkan rakyat masih ada yang merintih kesusahan. Masih ada kedengaran gelandangan di wilayah kota ini yang tidur dibawah jambatan serta mengais sisa makanan sedangkan Menterinya diulit kemewahan.

4. Perhatikan bagaimana kebimbangan Khalifah Umar Abdul Aziz tentang kondisi hidup rakyatnya. Beliau sangat bimbang sekiranya rakyat hidup susah sedangkan dia berada dalam keadaan mewah kesenangan.

5. Al-Imam al-Suyuti merekodkan kisah Fatimah binti Abdul Malik, isteri kepada Umar Abdul Aziz yang datang menziarahi suaminya dan mendapati suaminya itu sedang menangis. Lalu Fatimah bertanya kepada suaminya: "Mengapa engkau menangis wahai Khalifah?"

Umar Abdul Aziz lalu menjawab: Aku dilantik untuk menguruskan urusan umat Muhammad. Ada dikalangan mereka yang susah, miskin, lapar, dan dizalimi. Lalu dia berkata:

فعلمتُ أن ربي سائلي عنهم يوم القيامة، فخشيتُ ألا تثبتَ لي حجة فبكيتُ

"Maka aku tahu bahawa Tuhanku akan bertanya tentang semua keadaan rakyatku ini dan aku takut aku tidak mempunyai hujah untuk semua perkara. Dengan sebab itu aku menangis." (Tarikh al-Khulafa)

6. Perhatikan bagaimana Umar Abdul Aziz bimbang sehingga menangis kerana sangat takut sekiranya dia tidak berjaya menjadi pemimpin yang baik untuk berkhidmat kepada rakyat sedangkan dia hidup dalam mewah kesenangan.

7. Bukan itu sahaja, isterinya turut menyerahkan harta perhiasan peribadi bagi memastikan tiada rakyat yang berada dalam keadaan susah dan dizalimi. Menurut al-Imam Ibn Jauzi, Khalifah Umar Abdul Aziz turut pernah menyarankan kepada isteri beliau menyerahkan perhiasan yang berharga kepada Baitul Mal kerana bimbang harta tersebut tidak dapat dipastikan sumbernya. Beliau dengan tegas berkata:

فإني أكره أن أكون أنا وأنت ومعك هذه الجواهر في بيت واحد

"Sesungguhnya aku tidak suka untuk berada bersamamu sedangkan harta perhiasan ini berada dengan kita dalam rumah ini." (Sirah wa Manaqib Umar Abdul Aziz)

8. Beginilah yang seharusnya dihayati oleh pemimpin Muslim. Mereka tidak seharusnya leka mengumpul asset kekayaan sedangkan masih ada lagi rakyat yang hidup susah melarat. Bagaimana mereka boleh tidur kekenyangan sedangkan masih ada lagi gelandangan yang menguis tong sampah mencari sisa makanan.

9. Atas dasar itu setiap rakyat mesti bijak memilih pemimpin. Utamakan pemimpin Muslim yang berwibawa, yang mempunyai latar pengetahuan Islam yang kukuh, berprinsip mempertahankan Islam dan negara, berintergiti serta mengutamakan kepentingan rakyat dari kehendak peribadi.

HADIS 39: PEMIMPIN BERSIKAP AMANAH DAN JUJUR

عَنْ عَدِيِّ بْنِ عَمِيرَةَ الْكِنْدِيِّ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَنِ اسْتَعْمَلْنَاهُ مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ، فَكَتَمَنَا مِخْيَطًا، فَمَا فَوْقَهُ كَانَ غُلُولًا يَأْتِي بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ»

Maksudnya: Daripada 'Adi bin Amirah al-Kindi RA dia berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang kami lantik sebagai petugas (pemimpin) dan kemudian dia menyembunyikan dari kami (walaupun) sebatang jarum atau perkara yang lebih besar dari itu, maka dia telah mengkhinati (kaum muslimin) dan dia akan dibangkit di hari kiamat dengan pengkhianatan itu. (**Sahih Muslim, no: 1833**)

ULASAN

1. Perhatikan bagaimana Rasulullah mendidik sahabat agar menjadi pemimpin atau pegawai yang bersikap jujur dan amanah. Mereka dinasihatkan agar berlaku jujur dalam setiap perkara sekalipun dalam urusan tentang sebatang jarum sahaja.

2. Dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah turut berdoakan agar dijauhkan daripada mempunyai teman-teman bersifat khianat. Sabda Rasulullah:

وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخِيَانَةِ، فَإِنَّهَا بِئْسَتِ الْبِطَانَةُ

"Dan aku berlindung dari pengkhianatan, kerana ia adalah seburuk-buruk teman."

3. Bahkan dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah turut mengingatkan kepada kita bahawa sekiranya kita bersikap jujur, rezeki kita akan dipermudahkan. Sabda Rasulullah:

الأَمَانَةُ تَجْلِبُ الرِزْقَ وَ الخِيَانَةُ تَجْلِبُ الفَقْرَ

"Sifat amanah akan menjemput rezeki manakala sifat khianat (menipu) akan membawa kefakiran. (Musnad Firdaus al-Dailami)

Semoga kita dikurniakan pemimpin yang kuat lagi amanah.

HADIS 40: DOA BUAT PEMIMPIN

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: جَاءَ الطُّفَيْلُ بْنُ عَمْرٍو إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّ دَوْسًا قَدْ هَلَكَتْ عَصَتْ وَأَبَتْ فَادْعُ اللَّهَ عَلَيْهِمْ، فَقَالَ: «اللَّهُمَّ اهْدِ دَوْسًا وَأْتِ بِهِمْ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, dia menceritakan bahawa al-Tufayl bin Amru telah datang berjumpa Nabi SAW dan berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya kaum Daus telah binasa, mereka mengengkarimu dan enggan (mengikutimu), maka doakanlah kebinasaan buat mereka. Lalu Rasulullah SAW berdoa: "Ya Allah, berikanlah hidayah buat kaum Daus dan datangkanlah kepada mereka hidayah." (**Sahih al-Bukhari, no: 4392**)

ULASAN

1. Hadis ini menceritakan kepada kita bagaimana al-Tufayl bin Amru datang mengadu kepada Rasulullah SAW tentang kaumnya yang enggan menerima Islam. Dia meminta agar Rasulullah mendoakan kebinasaan buat mereka. Namun Rasulullah enggan bahkan mendoakan hidayah buat kaum Daus. Hadis ini turut digunakan oleh Sheikh Bin Baz untuk menunjukkan akan keharusan mendoakan suatu kaum termasuklah pemimpinnya dengan doa yang baik.

2. Keharusan mendoakan pemimpin ini turut menjadi pegangan para salafusoleh yang terdahulu. Kata Fudayl bin Iyyad:

لو كانت لي دعوة ما جعلتها إلاَّ في السلطان

“Andainya aku mempunyai doa yang mustajab, maka aku akan khususkan doa ini buat pemerintah.”

Lalu seorang lelaki bertanya kepada Fudayl bin Iyyad: Mengapa tidak engkau gunakan doa yang mustajab ini buat dirimu? Fudayl menjawab:

إذا جعلتها في نفسي لم تَعْدُني، وإذا جعلتها في السلطان صَلُح، فصَلُحَ بصلاحه العباد والبلاد

“Andai aku jadikan doa ini buat diriku, maka kebaikannya hanya buat diriku, namun sekiranya aku jadikan doa ini buat pemerintah, maka sekiranya pemerintah itu menjadi baik, maka kebaikan itu akan melimpahi seluruh negara dan rakyat.” (Sharh al-Sunnah, al-Barbahari)

3. Al-Imam Ahmad turut mempunyai pandangan yang sama berhubung perkara ini. Kata beliau:

وإني لأرى طاعةَ أميرِ المؤمنين في السرِّ والعلانيةِ، وفي عُسري ويُسري، ومَنشطي ومكرهي، وأثرةٍ عليَّ، وإني لأدعو اللهَ له بالتسديدِ والتوفيقِ في الليلِ والنهارِ

“Dan aku berpandangan agar kita mentaati Amirul Mukminin dalam keadaan terang mahupun sembunyi, dalam keadaan susah mahupun senang, dalam keadaan suka ataupun benci, dan aku lebih mendahulukan hak buat dirinya daripada diriku sendiri, dan aku akan mendoakan ke atas pemimpin agar Allah memberikannya bimbingan dan taufik pada siang dan malam hari. (al-Bidayah wa al-Nihayah)

4. Dengan itu adalah menjadi sunnah para salafusoleh agar kita mendoakan pemimpin kita dikalangan Sultan, Perdana Menteri, para menterinya agar diberikan hidayah dan petunjuk agar Allah membimbing mereka ke jalan yang diredaiNya.

اللّهُمّ أَصْلِح وُلاَةَ أُمُوْرِنَا وَجَمِيْع وُلَاةَ أُمُور المسْلِمِين، وَارْزُقْهُمْ البِطَانَة النَاصِحَة الصَّالِحَة

“Ya Allah, perbaikilah diri dan urusan para pemimpin kami serta seluruh pemimpin kaum muslimin. Dan kurniakanlah mereka penasihat yang baik yang memberikan nasihat yang soleh”

اللّهُمَّ اهْدِهِ لِلْحَقِّ وَفِّقهُ لِما يُرضِيكَ اللّهُمَّ

“Ya Allah, berikanlah mereka hidayah kepada yang hak dan kurniakanlah taufik buat mereka sesuai dengan perkara yang engkau redhai.”

﴿وَأَنِ احْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللهُ وَلا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللهُ إِلَيْكَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ اللهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِنَّ كَثِيراً مِنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ. أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللهِ حُكْماً لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ﴾

"Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyasanya Allah mahu menyeksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik. Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? Padahal - kepada orang-orang yang penuh keyakinan - tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih pada daripada Allah. (Surah al-Maidah: 49-50)

RUJUKAN

Abū Dāwūd, al-Sijistānī. 2009. Sunan Abī Dāwūd, ed. al-Arnaūūt. n.p. Dār al-Risāla al-ʻIlmiyya.

Aḥmad, Mahdī Rizqullah. 1992. *al-Sīra Al-Nabawīyya Fī Masādirihi Al-Asliyyah: Dirāsah Tahlīliah*. Riyāḍ.

Al-ʿAinī. [t.t.] *ʿUmda al-Qārī Sharh Ṣahīh al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ihyāʼ al-Turath al-ʻArabī.

Al-Asbahānī. Abū Nuʿaym Aḥmad ibn Abdillah. 1986. *Dalāʼil al-Nubuwwa*. ed. Muḥammad Rawwās. Bayrūt: Dār al-Nafāʼis.

Al-Bayhaqī, Ahmad ibn al-Husayn. 2003. *Al-Jāmiʿ Li Syuʿab al-Imān*. ed. Mukhtār Ahmad al-Nadwī. Maktabah al-Rusyd Nāsyirūn.

Al-Bukẖārī, Muḥammad ibn Ismāʿīl ibn Ibrāhīm ibn al-Mug̱hīrah. 1987. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.

_________. 1422H. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad al-Nāṣir. Dār Ṭūq al-Naja.

Al- Dhahabī, Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Abū Abdillah Muḥammad ibn Ahmad ibn ʻUthmān. 1985. *Siyar Aʿlām al-Nubalāʼ*, ed. Shuʿayb al-Arnaʼūṭ. Muassasa al-Risala.

__________. 2002. *Siyār Aʿlām al-Nubalāʼ*. al-Qāhira: Dār al-Ḥadīth.

_________. 2003. *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhir wa al-A'lām*. Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al-Naisābūrī, Muslim ibn Hajjaj. n.d. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.

Al-Naisābūrī, Abu al-Hassan Ali Ibn Ahmad al-Wahidi al-Nisaburi. 2004. *Wasit fi Tafsir al-Qur'an al-Majid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Nasā'ī. 2001. *Sunan al-Nasā'ī al-Kubrā*, ed. al-Arna'ūṭ. Bayrūt: Mu'assasa al-Risāla.

Al-Shaybānī, Abū ʿAbdillah, Aḥmad ibn Ḥanbal. 2001. *Musnad*. Ed. al-Arna'ūt. Mu'assasa al-Risāla.

Al-Tirmīzī, Abū ʿIsā, Muḥammad ibn ʿIsā. 1998. *al-Jāmi' al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al- Wāqidī. Muhammad ibn Umar. 1989. *al-Maghāzī*. Bayrūt: Dār al-Aʿlamī.

Al-Hanbali, Abd al-Rahman ibn Syihab al-Din. 2008. Jami 'Ulum wa al-Hikam fi Sharh Khamsin Hadisan Min Jawami' al-Kalim. Dar Ibn Kathir.

Azmi, Ahmad Sanusi. *40 Hadis Tentang Wabak Penyakit*. Ulum Hadith Research Centre, 2020.

Azmi, A.S., 2020. 40 Hadis tentang wabak penyakit.

Azmi, Ahmad Sanusi. "40 Hadis tentang Dakwah dan Tarbiah." (2020).

Azmi, A.S. and Ismail, M.Y., 2018. Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*, *3*(1), p.2.

Ibn Ḥibbān. 1417H. al-Sīra al-Nabawiyya wa Akhbār al-Khulafā'. Bayrūt: al-Kutub al-Thaqafiyya.

Ibn Hisham. 1955. *al-Sīra al-Nabawiyya*, ed. Mustafā al-Saqā. Maṭbaʿah al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh.

Ibn Ishāq, Muḥammad. 2004. *al-Sīrah al-Nabawiyya li Ibn Isḥāq,* ed. al-Mazidī. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Ibn al-Jawzī. Abū al-Farj ʿAbd al-Rahmān ibn ʿAlī. 1422H. *Zād al-masīr fī 'ilm al-Tafsīr*. Bayrūt: Dār Iḥyā al-Turāth al-ʿArabī.

Ibn Majh. Abu Abdillah Muhammad ibn Yazid. [n.d.] *Sunan Ibn Majh*. Dār Ihya al-Kutub al-'Arabiyya.

Ibn Rajb, al-Hanbali, ʿAbd Al-Rahmān Ibn Ahmad. 1989. *Latā'if al-Maʿārif fīma Li Mawāsim al-'Ām Min al-Waẓāif* . Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

BIODATA PENULIS



DR. AHMAD SANUSI AZMI merupakan Timbalan Pengarah, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berasal dari Keramat, Kuala Lumpur, beliau mendapat pendidikan awal di SK Lembah Keramat, SMKA Maahad Hamidiah dan Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Beliau kemudian melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan pengkhususan dalam bidang Hadis. Beliau seterusnya memperolehi Ijazah Sarjana dalam pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan menamatkan pengajian peringkat PHD di University of Birmingham, United Kingdom. Pada tahun 2018, beliau telah dilantik sebagai *Academic Visitor* (*fellowship*) ke Oxford Centre for Islamic Studies, Oxford, United Kingdom. Menekuni bidang pengajian hadis, sirah dan orientalisme, beliau telah banyak menyumbang dalam penghasilkan artikel dan buku, perkongsian ilmiah di dalam seminar dalam dan luar negara disamping terlibat dalam projek penyelidikan berkaitan hadis, sirah dan orientalism. Beliau juga aktif dalam aktiviti gerakan NGO Islam dan menggalas tugas sebagai Setiausaha Agung Majlis Ulama ISMA.



DR. AHMAD SANUSI AZMI merupakan Timbalan Pengarah, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berasal dari Keramat, Kuala Lumpur, beliau mendapat pendidikan awal di SK Lembah Keramat, SMKA Maahad Hamidiah dan Kolej Islam Sultan Alan Shah (KISAS). Kemudian melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan pengkhususan dalam bidang Hadis. Beliau seterusnya memperolehi Ijazah Sarjana dalam pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan menamatkan pengajian peringkat PHD di University of Birmingham, United Kingdom. Pada tahun 2018, beliau telah dilantik sebagai Academic Visitor (fellowship) ke Oxford Centre for Islamic Studies, Oxford, United Kingdom. Menekuni bidang pengajian hadis, sirah dan orientalisme, beliau telah banyak menyumbang dalam penghasilkan artikel dan buku, perkongsian ilmiah di dalam seminar dalam dan luar negara disamping terlibat dalam projek penyelidikan berkaitan hadis, sirah dan orientalism. Beliau juga aktif dalam aktiviti gerakan NGO Islam dan menggalas tugas sebagai Setiausaha Agung Majlis Ulama ISMA

ULUM HADITH
RESEARCH CENTER

9789671504499